


Jilid I
Bil. 61



Hari Isnin
22hb Julai, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9881]

USUL-USUL:

Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995—Y.A.B. Perdana Menteri
[Ruangan 9964]

**Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1990 dan Anggaran
Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1991** [Ruangan 10026]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 10053]

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa
Jenayah)** [Ruangan 10011]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991)
[Ruangan 10014]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Penduduk Kampong Baru — Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
[Ruangan 10054]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.T.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 22hb Julai, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Jendol.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Tan Kok Wai tidak hadir)

**PEMAJU PROJEK PERUMAHAN
MENYEBABKAN BANJIR**

3. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bolehkah Kementerian mengambil tindakan yang tegas ke atas pemaju projek perumahan yang menyebabkan banjir semasa dan selepas pembinaan; dan
- (b) apakah rancangan Kementerian untuk memastikan bahawa pembangunan tidak membawa penderitaan melalui banjir.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) tindakan ke atas pemaju-pemaju perumahan yang mana projek-projek yang dimajukan oleh mereka menyebabkan banjir semasa dan selepas pembinaan, sebenarnya boleh diambil oleh Pihakberkuasa Tempatan dan bukan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Ada beberapa Akta-akta dan Undang-undang yang telah diperuntukkan kepada mereka bagi maksud ini, iaitu:

- (i) Akta Perancang Bandar dan Desa, 1976.
- (ii) Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974; dan
- (iii) Akta Undang-undang Kecil Kerja-kerja Tanah.

Melalui peruntukan-peruntukan ini Pihakberkuasa Tempatan boleh mengambil tindakan melalui tiga peringkat:

- (i) memberi amaran kepada pemaju-pemaju supaya mengekalkan kawasan projek kepada keadaan yang asal.
- (ii) mengenakan tindakan mahkamah; dan
- (iii) mengenakan kompaun kepada pemaju-pemaju.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa memberi nasihat dan meminta Pihakberkuasa Tempatan supaya mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya jika berlaku keadaan-keadaan yang sedemikian.

- (b) peranan Kementerian untuk memastikan pembangunan tidak membawa masalah melalui banjir ialah dengan meneruskan usaha-usaha menggubal undang-undang untuk mengawal perkara tersebut. Di antara usaha-usaha yang telah dilakukan ialah penggubalan Undang-undang Kecil Kerja-kerja Tanah. Sekiranya Undang-undang Kecil ini dikuatkuasakan sepenuhnya kemungkinan besar masalah banjir disebabkan oleh pembangunan akan dapat diatasi.
- (c) di samping itu apabila Rancangan Struktur disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, cadangan-cadangan bagi mengatasi masalah banjir dimasukkan sekali bagi pertimbangan Pihakberkuasa Perancangan Tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Ahmad bin Omar tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak.

(Soalan No. 6 Y.B. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak tidak hadir)

LEBUHRAYA KUALA LUMPUR-KLANG

7. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Kerja Raya menyatakan memandangkan pada masa ini ialah musim hujan dan Jalan Lebuhraya Persekutuan dari Kuala Lumpur ke Shah Alam dan dari Shah Alam ke Klang mudah rosak dengan adanya lubang-lubang yang membahayakan lalulintas, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian supaya lubang-lubang ini dapat ditutup dengan segera bagi mengelakkan kemalangan dan lampu atau tanda amaran dipasang tempat yang dibaiki.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lebuhraya Persekutuan yang Kedua, Kuala Lumpur-Klang ialah di antara salah satu jalanraya yang paling sibuk di negara ini dan perlu dinaiktaraf daripada dua lorong berkembar kepada tiga lorong berkembar. Bagaimanapun oleh kerana didapati Lebuhraya berkenaan wajar dibaikpulih keseluruhannya, oleh itu keputusan telah dibuat supaya keseluruhan struktur Lebuhraya Persekutuan yang kedua perlu dibina semula di samping melebarkannya. Kerja-kerja pemuliharaan dan pelebaran jalan ini akan dilaksanakan oleh PLUS.

Bagi mengatasi masalah yang timbul dari masa ke semasa seperti jalan berlubang dan sebagainya yang sering berlaku, Syarikat PLUS yang sedang menjalankan kerja menaikkan taraf Lebuhraya Persekutuan Kuala Lumpur-Klang telah mengadakan pemeriksaan rapi setiap hari untuk mengenalpasti kawasan-kawasan yang rosak.

Sekiranya terdapat kerosakan PLUS akan mengambil tindakan untuk memasang papantanda amaran yang jelas bagi menjaga keselamatan

pengguna dan juga memperbaiki kerosakan tersebut dengan serta-merta. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Buat masa ini kerja-kerja untuk melebarkan jalan oleh PLUS sedang dijalankan dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bilakah agaknya jangka masa keseluruhan projek melebarkan jalan dan menambah lagi satu lorong ini akan siap?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kontrak yang telah diberi kepada PLUS itu, ini akan disiapkan dalam 2-3 tahun, mungkin dalam tahun 1993.

CUKAI MELALUI KOMPLEKS IMIGRESEN TEBEDU

8. Tuan Richard Riot Anak Jaem minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) hasil dari cukai yang diperolehi melalui Kompleks Imigresen Tebedu semenjak ianya dibuka dengan rasmi pada 25hb Februari, 1991; dan
- (b) hasil dari insurans-insurans kereta rakyat Indonesia yang masuk ke Malaysia melalui Kompleks Imigresen Tebedu semenjak ianya dibuka dengan rasmi pada 25hb Februari, 1991.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hasil dari cukai yang diperolehi melalui Kompleks Imigresen Tebedu semenjak ianya dibuka dengan rasmi pada 25hb Februari, 1991 hingga 19hb Jun, 1991 ialah sebanyak \$397,218.99.

- (b) Manakala hasil dari insurans kereta rakyat Indonesia yang masuk ke Malaysia melalui Kompleks Imigresen Tebedu bagi tempoh yang sama ialah sebanyak \$11,164.95.

PEJABAT PERDAGANGAN TEMPATAN HAL PENGGUNA DI MARUDI

9. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada sebuah pejabat Kementerian Perdagangan Tempatan Hal Pengguna dapat ditubuhkan di bandar Marudi untuk memberi perkhidmatan kepada peniaga-peniaga di seluruh kawasan Baram. Jika tidak, apakah sebabnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa mengambil berat dan peka terhadap kepentingan para peniaga dan pengguna. Kajian-kajian tertentu sedang dibuat bagi mengembang dan menambah bilangan pejabat-pejabat cawangan di seluruh negara bagi tujuan memudahkan semua pihak berurusan dengannya, termasuklah di kawasan Marudi.

PERPADUAN NEGARA

10. Tuan Joseph Voon Shin Choi minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) adakah Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memandang masalah perpaduan di antara Sabah dan Semenanjung dengan serius;
- (b) apakah tindakan yang konkrit yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian Perpaduan Negara dan

Pembangunan Masyarakat untuk memupuk perpaduan di negara ini; dan

- (c) adakah Menteri tersebut mempunyai rancangan untuk meluaskan aktiviti di seluruh Sabah dan menubuhkan pejabat-pejabat di daerah-daerah lain selain daripada di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memang sedar bahawa perpaduan negara adalah amat penting bagi menentukan kestabilan politik dan ekonomi negara. Oleh yang demikian, Kementerian saya sentiasa memandang dengan serius semua aspek perpaduan baik dari segi antara kaum ataupun antara wilayah.
- (b) Pada asasnya, langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk memupuk perpaduan kaum dalam negara ini dilaksanakan melalui dua strategi, iaitu strategi penggalakan dan strategi pencegahan. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menggalakkan rakyat dari berbagai keturunan bergaul dan berinteraksi melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan Rukun Tetangga di dalam kawasan sejiran yang bertujuan menjalin serta memupuk semangat kejiranan. Langkah-langkah pencegahan oleh Kementerian ialah dengan mengesan perhubungan sosial di sesuatu daerah dengan tujuan untuk meredakan suasana dari gejala-gejala yang boleh membawa kepada perpecahan.

- (c) Memang menjadi hasrat Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini untuk mengembangkan aktiviti-aktiviti dan menubuhkan banyak lagi pejabat-pejabat di daerah-daerah di Sabah yang belum ada lagi pejabat perpaduan. Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa peruntukan kewangan adalah terhad, maka perkara ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu cara untuk memupuk perpaduan serentak integrasi nasional yang didedahkan oleh Kerajaan adalah seperti khidmat "Feri Malaysia". Oleh kerana rancangan ini tidak memuaskan, adakah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bercadang lain-lain cara seperti khidmat "Feri Malaysia".

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah tahap pencapaian perpaduan negara ketika ini serta langkah-langkah untuk memperbaikinya?

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, khidmat "Feri Malaysia" itu telahpun diberhentikan oleh kerana beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan. Ada juga beberapa program yang sedang dijalankan hari ini untuk merapatkan lagi masyarakat dari negeri Sabah dan juga dari negeri Sarawak dengan Semenanjung. Sekarang ini ada juga tambang-tambang yang dikenakan diskaun oleh Penerbangan Malaysia (MAS) supaya dapat merapatkan lagi rakyat di antara ketiga-tiga wilayah ini.

Berkenaan dengan tahap perpaduan, buat masa ini, rasa saya, saya berpuas-hati dan Kerajaan berpuashati kerana susah kita hendak mencari sesuatu

pengukurannya, tetapi apa yang saya selalu mengatakan, carilah sesuatu negara seperti di Malaysia ini, di seluruh dunia ini tidak ada negara seperti Malaysia ini di mana berbilang kaum, agamadan bangsa hidup dengan damai, aman dan sentosa. Insyallah, kita akan lagi berusaha untuk memperbaiki lagi tahap perpaduan yang mungkin dengan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sabah juga.

Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri dari segi perbandingan tahap perpaduan di antara masyarakat Sabah dan Semenanjung semenjak Sabah merdeka, ianya diperintah oleh parti-parti yang pertamanya ialah USNO, yang kedua BERJAYA dan kini PBS. Apakah tahap perpaduan di antara ketiga-tiga Kerajaan yang pernah memerintah Sabah ini sama ada menjadi baik ataupun menurun daripada yang lepas? Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri apakah sebab-sebab utama sekiranya perpaduan antara masyarakat Sabah dan Semenanjung ini menjadi lebih buruk?

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju kalau dikatakan tahap perpaduan di antara rakyat Sabah di dalam Malaysia ini dikatakan buruk. Sebenarnya, di bawah ketiga-tiga Kerajaan ini, perhubungan rakyat Sabah dengan rakyat di Semenanjung dan di negeri Sarawak, pada pandangan saya, adalah baik. Tetapi perhubungan Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri sahaja yang mungkin tidak baik. Sebagai contoh, pada 1hb April, 1991 ini, saya sudah ke negeri Sabah tanpa mungkin disambut oleh orang PBS. Tetapi saya dapati sambutan rakyat negeri Sabah terhadap lawatan saya amatlah menggalakkan dan ini menunjukkan rakyat negeri Sabah menghargai dan juga sayang kepada perpaduan negara.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, di antara dua strategi dalam memupuk soal perpaduan negara ini ialah penggalakan dan pencegahan, dan kegiatannya antara lain di bawah penggalakan ialah Rukun Tetangga. Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri apakah Yang Berhormat Menteri berpuashati dengan program aktiviti Rukun Tetangga ini kerana dari maklumbalas yang kita terima program Rukun Tetangga ini, walaupun ianya berjaya di suatu tahap, tetapi dari segi penyertaan yang menyeluruh di kalangan rakyat setempat yang wujud Rukun Tetangga, tidaklah begitu menggalakkan sangat. Jadi, saya ingin tahu apakah Kerajaan akan mengkaji kembali dari segi keberkesanan konsep Rukun Tetangga sebagai salah satu strategi untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat di samping menjaga keselamatan sekitar?

Soalan yang kedua, saya ingin mengetahui dari segi peranan dan keberkesanan Majlis Perpaduan Negara kerana maklumbalas yang kita terima, kita ingin mengetahui sejauh manakah keefektifannya dari segi *modus operandinya* sebagai sebuah Majlis yang bertanggungjawab untuk memberi sumbangan kepada usaha-usaha ke arah perpaduan? Apakah ianya bermesyuarat sebulan sekali atau dua bulan sekali dan sejauh manakah peranan Majlis Perpaduan Negara ini menggubal program dan aktiviti untuk tujuan yang dimaksudkan ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa bahagian yang pertama terkeluar daripada soalan asal. Bahagian yang kedua Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Penasihat Perpaduan Negara ini adalah satu majlis yang telah diwujudkan untuk memberi nasihat kepakaran kepada Kerajaan

mengenai segala aspek perpaduan di negara ini. Majlis ini yang bermesyuarat dua kali dalam setahun dan saya juga memerlukan kerjasama daripada rakyat, Wakil-wakil Rakyat dan juga daripada semua lapisan masyarakat untuk juga menyumbang kepada Majlis ini segala permasalahan untuk disampaikan kepada Majlis ini supaya Majlis dapat membincangkan dan menasihatkan Kerajaan tentang cara-cara untuk mengatasi masalah-masalah itu. Berkenaan dengan jawapan untuk soalan yang pertama itu tadi terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sebab tadi ada soalan yang dijawab mengenai dengan Rukun Tetangga, dan yang kedua....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, keputusan telahpun dibuat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:..... yang mesyuarat dua kali setahun itu, cukup atau tidak?

Dato' Napsiah binti Omar: Jadi, saya patuh kepada Tuan Speaker.

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN— GUBALAN

11. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) bilakah Rang Undang-undang Kesihatan dan Keselamatan Tempat Tinggal akan dibentangkan;
- (b) berapa kemalangan industri yang telah dilaporkan di seluruh negara pada 1990 sehingga Mei 1991;
- (c) apa yang telah dilakukan tentang mengadakan pegawai penguatkuasa yang mencukupi untuk memastikan wujudnya kesihatan

dan keselamatan di semua tempat kerja; dan

- (d) apa yang telah dilakukan untuk mengajar para pekerja tentang hak mereka untuk mendapatkan keadaan kesihatan dan keselamatan yang sesuai di tempat kerja mereka.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Satu akta baru dinamakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sedang digubal dan rang undang-undang bagi membentangkan akta baru tersebut di persidangan Parlimen dijangkakan pada akhir tahun ini.
- (b) Jumlah kemalangan perusahaan yang telah dilaporkan pada tahun 1990 hingga bulan Mei tahun ini ialah sebanyak 177,617 kes.
- (c) Bagi memastikan bilangan pegawai penguatkuasa yang menjalankan pemeriksaan mencukupi, Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian Sumber Manusia telah memohon kepada agensi pusat untuk mendapatkan pegawai tambahan.
- (d) Bagi mengajar dan memberi kesedaran kepada para pekerja mengenai hak mereka untuk mendapatkan perlindungan kesihatan dan keselamatan di tempat pekerjaan, berikut adalah langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Kilang dan Jentera:
 - (i) mengadakan ceramah di kilang-kilang untuk memberi pendedahan dan penjelasan kepada para pekerja tentang langkah-langkah kesihatan dan keselamatan yang perlu diamalkan semasa bekerja;

- (ii) semasa menjalankan pemeriksaan, pegawai penguatkuasa sentiasa memberi khidmat nasihat dan teguran mengenai kesihatan dan keselamatan di tempat-tempat pekerjaan;
- (iii) mengarahkan kilang-kilang yang menggaji lebih daripada 30 orang pekerja menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan di mana pihak pekerja juga akan terlibat dalam mengawasi kesihatan dan keselamatan di tempat pekerjaan;
- (iv) mengadakan kursus-kursus latihan dengan bantuan Pertubuhan Buruh Antarabangsa bagi majikan, penyelia dan pekerja dalam bidang kesihatan dan keselamatan pekerjaan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan kepada pihak yang cuai dalam menjaga keselamatan dan kesihatan pekerja dan apakah jenis tindakan yang diambil?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi dari soalan (d) di mana ada terkandung semua tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan. Satu akta baru iaitu Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sedang digubal dan akan dibentangkan di persidangan Parlimen yang dijangka pada akhir tahun ini.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri nampaknya perangkaan kemalangan semakin lama semakin buruk oleh sebab pada tahun 1989 baru ada 80,000

kes sahaja. Soalan tambahan saya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu Dewan yang mulia ini industri-industri yang paling buruk rekodnya dalam segi kesihatan dan keselamatan di tempat kerja?

Kedua, adakah Kerajaan akan menggalakkan pekerja-pekerja di industri-industri tersebut mengorganisasikan mereka sendiri untuk menjamin supaya keadaan di tempat kerja akan diperbaiki selaras dengan matlamat Wawasan 2020 dan juga matlamat Kerajaan untuk menubuhkan satu masyarakat yang penyayang?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan yang kedua, Kementerian Sumber Manusia mengarahkan kilang-kilang yang menggaji lebih daripada 30 orang pekerja menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan di mana pihak pekerja juga akan terlibat dalam mengawasi kesihatan dan keselamatan di tempat-tempat pekerjaan.

Menjawab soalan yang pertama, saya sebut tadi 177,617 kes kemalangan tetapi kes-kes itu semua tidak ada yang serius. Kes-kes yang serius ialah 18 sahaja. Yang lain-lain ialah simple case, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya mengenai apakah industri-industri yang buruk sekali rekodnya belum dijawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Secara lebih khusus.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai detail mengenai apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat beri notis, saya boleh berikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

KHAZANAH WARISAN SEJARAH

12. Tuan Wong Wing On minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada Kerajaan sedia membuat penilaian semula supaya sejarah rasmi kemerdekaan tanahair kita juga akan meliputi secara objektif riwayat hidup Shamsiah Fakih, Allahyarham Zainab, Aishah Hussein, Allahyarham Mokhtaruddin Lasso, Allahyarham Dr Burhanuddin Helmy dan lain-lain pejuang-pejuang anti-kolonialisme serta sumbangan-sumbangan organisasi-organisasi seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Wanita Sedar (AWAS), Angkatan Pemuda Insaf (API), Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) dan All Malayan Council of Joint Action (AMCJA).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, Arkib Negara di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ada menyimpan dan memelihara khazanah Warisan Sejarah negara termasuk bahan-bahan yang ada kaitan dengan pejuang-pejuang anti-kolonialisme dan badan/pertubuhan pergerakan kemerdekaan kebangsaan. Bahan-bahan tersebut dibuka kepada orang ramai untuk tujuan rujukan, kajian dan penyelidikan. Terpulanglah kepada para pengkaji sejarah dan sejarawan untuk membuat interpretasi dan menilai peranan mereka yang pernah terlibat dalam gerakan kemerdekaan kebangsaan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Adakah Shamsiah Fakih, Chin Peng, Rashid Maidin ini dianggap sebagai pejuang kebangsaan?

Yang keduanya, siapa yang patut dicatat dalam sejarah, askar kita yang terkorban atau mereka yang mengorbankan askar kita?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi bahawa bahan-bahan untuk kajian sejarah terdapat di Arkib Negara dan kita pun tahu bahawa sejarah selagi kita membuat kajian dan terus kita membuat kajian perkara-perkara baru akan kita temui sama ada dari segi positif ataupun dari segi negatifnya. Dalam hal Shamsiah Fakih ini setakat ini tidak ada satu sejarah yang dibuat sama ada beliau sebagai seorang pejuang ataupun tidak. Tetapi daripada sudut pandangan kita, dari sejarah yang ada sekarang ini sudah tentulah kita memberi keutamaan iaitu mereka yang berjuang di dalam negara kita, mempertahankan negara kita sudah tentulah mereka ini yang kita anggap sebagai pejuang kebangsaan dan bagi pandangan kita bahawa Shamsiah Fakih ini telah meninggalkan negara kita. Jadi, sebab itu pada setakat ini sudah tentu kita memberi kredit ataupun penghargaan kepada askar kita yang mempertahankan negara kita sehingga ke titisan darah yang terakhir.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari segi pembelaan ini, dari segi membela mereka yang benar-benar sebagai tokoh sejarah dan pejuang-pejuang kepada negara kita yang telah meninggalkan kita, saya ingin membawa satupersoalan bagaimana pula dengan tokoh-tokoh sejarah dan pejuang-pejuang yang masih bersama dengan kita. Adakah elok kita juga tidak melupai mereka dan membela dan mengingati mereka? Saya membawa tokoh yang kita namakan Dr Ishak atau Pak Sako. Kita dengar baru-baru ini seperti Yang Berhormat dari Parit Sulong membawa dalam hujahnya

baru-baru ini bahawa beliau sekarang ini amat berat sakitnya dan kita juga dengar semalam bahawa beliau telah terkena stroke pula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tolong singkatkan soalan.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Oleh itu saya meminta penjelasan sama ada kita ada juga program ataupun usaha-usaha bagi membantu tokoh-tokoh dan pejuang-pejuang sejarah yang masih bersama dengan kita?

Dato' Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bukanlah sahaja harus diberi tanggungjawab dari segi penghargaan ini. Walau bagaimanapun, di Arkib Negara kita telah sediakan ataupun kita telah rancangan, bahkan telahpun kita laksanakan di mana kita panggil sebagai Sudut Wira Negara kita. Dan ini akan kita perkemaskan dari masa ke semasa dan tertakluk kepada keadaan kewangan dari segi perancangan dan pelaksanaan yang kita hendak laksanakan. Dan saya bersetuju sekali dengan Yang Berhormat dari Rompin kepada mereka yang patut kita beri penghargaan mestilah semua pihak memainkan peranan bersama. Bagi pihak Kementerian ini, memang kita telah mengambil langkah-langkah terutama sekali dari segi sudut sejarah kepahlawanan tokoh-tokoh kita yang tersebut.

KRISIS TELUK— MENYELESAIKAN

13. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan, Presiden George Bush dan James Baker telah menjelajahi hampir ke semua ibu kota dunia bagi mengajak pemimpin-pemimpin dunia menyokong

Amerika memerangi Iraq. Tetapi Malaysia tidak dirasakan perlu didatangi oleh Bush dan Baker. Memadai dengan di telefon dan Menteri Luarnya dipanggil ke Los Angeles. Adakah sikap Malaysia itu tidak menghina rakyat dan ia sebagai bukti bahawa rakyat dan negara Malaysia rendah maruahnya. Adakah Kerajaan merasa perlu minta maaf dan menjelaskan sebab-sebabnya kepada rakyat.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha-usaha untuk menyelesaikan krisis Teluk secara damai, pemimpin-pemimpin dunia termasuk pemimpin kita telah terlibat dalam usaha-usaha diplomasi. Usaha-usaha ini diambil setelah bebeapa resolusi yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu supaya Iraq berundur dari Kuwait secara aman, tidak dihiraukan langsung oleh Iraq.

Pertemuan Yang Berhormat Menteri Luar dengan James Baker di Los Angeles pada 25hb. November, 1990 adalah di atas persetujuan kedua-dua buah negara. Pertemuan di LA itu diadakan setelah kedua-dua pemimpin tidak dapat bertemu sama ada di Kuala Lumpur, Oman mahupun di Geneva, kerana masing-masing telah terlibat dengan lain-lain hal terlebih dahulu.

Pemergian Menteri Luar ke LA membuktikan kesanggupan kita untuk pergi ke mana-mana sahaja untuk berikhtiar supaya krisis Teluk dapat diselesaikan secara aman. Pertemuan itu juga telah memberi peluang kepada Malaysia untuk mendengar penjelasan Amerika Syarikat terhadap perkembangan krisis Teluk, tindakan Amerika serta pendirian sekutu-sekutunya dalam hal tersebut. Yang Berhormat Menteri Luar telah menegaskan kepada James Baker bahawa pertemuannya adalah untuk mendengar penjelasan dari Amerika dan bukannya untuk menyokong sesuatu

yang dicadangkan oleh Amerika Syarikat. Keputusan Malaysia menyokong Resolusi 678 Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu diambil hanya setelah Kabinet meneliti perkara itu dari berbagai aspek.

Pertemuannya di Los Angeles itu juga telah memberi peluang kepada Malaysia untuk berbincang hal-hal dua hala di antara Amerika Syarikat dan Malaysia. James Baker di pertemuan tersebut telah meminta maaf kerana tidak dapat bertemu Yang Berhormat Menteri Luar Negeri di Kuala Lumpur.

Suka juga saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pertemuan Yang Berhormat Menteri Luar kita dengan Encik James Baker itu dilakukan semasa Yang Berhormat Menteri Luar kita dalam perjalanan untuk menghadiri Persidangan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 29hb November, 1990 yang mana Yang Berhormat Menteri Luar telah berucap di persidangan tersebut.

Oleh yang demikian, adalah tidak benar jika disifatkan pertemuan antara dua pemimpin tersebut sebagai satu penghinaan kepada Malaysia.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sehubungan dengan usaha-usaha diplomasi di dalam konflik Iraq dengan the rest of the world, dengan izin, adakah syarat-syarat yang dikenakan oleh Amerika Syarikat kepada Iraq pada masa ini, misalnya kapal terbang pejuang Iraq tidak boleh melintasi parallel, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, termasuk di dalam rangka persetujuan di dalam Resolusi 678 dan apakah pendirian negara kita, Malaysia di dalam hal ini?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat yang baru dikeluarkan oleh pihak Amerika Syarikat kepada Iraq tidak

termasuk di dalam senarai yang termaktub dalam Resolusi 678. Syarat-syarat ini hanya dibuat setelah pihak Amerika Syarikat berbincang dengan pihak sekutu-sekutu mereka yang berkenaan. Kita sedang melihat dengan teliti tentang syarat-syarat yang tertentu dan kalau kita dapati bahawasanya ada syarat yang kita anggapkan tidak baik dan seimbang, kita akan menunjukkan pendirian kita.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada 14hb akan datang Encik James Baker akan melawat Malaysia. Apakah ini satu lobi baru yang akan dijalankan oleh Encik James Baker untuk membolehkan Amerika Syarikat menyerang pusat nuklear Iraq dan juga pusat-pusat nuklear di Pakistan dan Iran, satu lobi baru mungkin dijalankan. Apakah ini satu sangkaan saya yang benar?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, untuk membetulkan Yang Berhormat dari Nilam Puri tentang lawatan Encik James Baker, beliau akan sampai pada pagi esok di Kuala Lumpur. Tujuannya ialah untuk menghadiri sidang dialog dengan Menteri-menteri Luar ASEAN yang sedang berlangsung pada hari ini hingga hari Rabu. Maka sangkaan Yang Berhormat itu adalah sangkaan yang jahat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Nilam Puri, tadi saya tidak sempat hendak mengingatkan, sebarang soalan tambahan atau soalan asal tidak boleh mengandungi unsur-unsur sangkaan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah faedah yang dapat pada rakyat hasil dari sokongan kepada Resolusi yang ditaja oleh Amerika Syarikat di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu? Yang kedua, apakah

bantuan yang dijanjikan ataupun yang telah diberi oleh Amerika Syarikat kepada Malaysia selepas daripada peperangan Teluk?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Saya jawab pertanyaan nombor dua dahulu, tidak dapat apa-apa. Tidak ada apa-apa perjanjian untuk dapat apa-apa bantuan daripada Amerika Syarikat. Yang pertama tadi, apakah untungnya Malaysia ataupun rakyat Malaysia di atas sokongan kita terhadap Resolusi 678. Untungnya kita akan boleh yakin bahawasanya kita tidak akan pula ditakluk ataupun dicerobohi oleh lain-lain negara yang lebih besar daripada negara kita. Dan kita bersikap adil dan menentang secara mencero bohi negara-negara kecil. Oleh kerana kita juga sebuah negara kecil, maka rakyat jelata boleh merasakan selamat dan yakin yang kita tidak akan dicerobohi oleh lain-lain negara yang lebih besar dan lebih kuat daripada kita.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semasa rundingan perang Teluk yang lepas, salah satu isu yang dibangkitkan oleh Iraq ialah mengaitkan pembebasan rakyat Palestin daripada cengkaman Israel dan isu itu tidak menjadi apa-apa pada masa itu, tidak dipedulikan. Selepas perang Teluk tamat, apakah peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Malaysia untuk berbincang dengan Kerajaan Amerika Syarikat atau negara-negara Arab lain supaya dapat memainkan peranan yang lebih tegas dan jelas untuk menyelesaikan masalah pendudukan Israel ke atas bumi Palestin?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak betulkan juga kesilapan Yang Berhormat tadi. Sebenarnya tentang masalah Iraq dengan Kuwait yang menyebabkan peperangan, tidak langsung disebutkan masalah Palestin dalam perbincangan masalah antara Iraq dan Kuwait.

Pertamanya, masalah Palestin hanya dibawa selepas peperangan berlaku. Keduanya, tentang apa yang berlaku selepas tamatnya perang Iraq dan Kuwait, kita sedang menyokong kini segala usaha yang dipelopori oleh Setiausaha Negara ataupun Secretary of State, Amerika Syarikat, dengan izin, yang kini pun masih berada di Timur Tengah khususnya di Jerusalem untuk berbincang dengan pihak Kerajaan Israel tentang cara-cara hendak mencari jalan mengatasi masalah kekecohan di Timur Tengah.

Malah sepatutnya mereka sampai pagi ini, tetapi oleh kerana ada perkembangan yang agak sihat berlaku kini, maka ketibaan beliau itu ditangguh hingga besok. Dan kita sudah tentunya menyokong segala usaha untuk mencari penyelesaian kepada masalah Krisis Timur Tengah yang kita nampak kini telah ada sedikit-sedikit tanda-tanda mungkin ada jalan keluar.

KADET BOMBA SUKARELA SEKOLAH

14. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah pasukan Kadet Bomba Sukarela Sekolah di seluruh negara;
- (b) jumlah unit-unit Pasukan Bomba Sukarela di tiap-tiap kawasan bagi seluruh negara;
- (c) apakah bentuk latihan dan kelengkapan yang telah diberikan oleh Jabatan Bomba kepada pasukan-pasukan Bomba sukarela tersebut;
- (d) sejauh manakah kejayaan pasukan-pasukan sukarela ini bagi membantu Jabatan Bomba menghadapi bencana kebakaran; dan

- (e) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Bomba bagi menarik minat masyarakat untuk menyertai dan menubuhkan pasukan sukarela ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah Pasukan Kadet Bomba sekolah-sekolah di seluruh Malaysia adalah sebanyak 101 pasukan.
- (b) Jumlah Pasukan Bomba Sukarela disetiap kawasan bagi seluruh Malaysia adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Pasukan</i>
Johor	7
Pahang	6
Selangor	12
Melaka	1
Negeri Sembilan	10
Sabah	14
Sarawak	14
Perak	20
Pulau Pinang	5
Kedah/Perlis	25
Wilayah Persekutuan	1
Terengganu	10
Kelantan	3
Jumlah	128

- (c) Jabatan Bomba menyediakan dan mengadakan program latihan kebombaanan kepada semua Pasukan Bomba Sukarela dalam aspek pencegahan, operasi melawan kebakaran dan penyelidikan berbentuk teori dan praktikal. Pihak Kerajaan juga ada menimbangkan pemberian peralatan-peralatan asas seperti pam trailer kepada Pasukan Bomba Sukarela.
- (d) Berdasarkan kepada pengalaman yang lepas, Pasukan Bomba Sukarela ini telah berjaya

mengawal banyak kebakaran sebelum pasukan Bomba sebenar sampai.

- (e) Pasukan Bomba Sukarela adalah sebagai "Projek Komuniti" dalam mengawal keselamatan kebakaran bersama dan bagi menarik minat masyarakat untuk menyertai dan menubuhkan Pasukan Bomba Sukarela, Jabatan Bomba telah mengadakan berbagai aktiviti-aktiviti seperti sesi latihan, ceramah-ceramah dan pembelajaran awam serta melibatkan Pasukan Bomba Sukarela dalam aktiviti bersama seperti pertandingan kawad dan kempen mencegah kebakaran.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian bercadang untuk menambahkan lagi bantuan-bantuan kepada Pasukan Bomba Sukarela selain daripada memberi kemudahan asas seperti pam air kerana di kawasan-kawasan yang memerlukan pasukan Bomba yang miskin seperti di rancangan-rancangan FELDA, keupayaan untuk membeli alat-alat ini adalah rendah kerana kemiskinan berlaku di tempat itu. Adakah pihak Kerajaan akan menyemak semula rangka bantuan-bantuan yang patut diberi untuk menubuh sesuatu Bomba sukarela.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan, oleh kerana Pasukan Bomba Sukarela ini adalah satu projek komuniti, di mana ianya melibatkan seluruh masyarakat dan buat masa ini memang Kerajaan oleh sebab peruntukan yang terhad tidak berniat untuk memberi bantuan selain daripada bantuan pam trailer kepada Pasukan Bomba Sukarela. Walau bagaimanapun, kita mencadangkan di mana juga kawasan yang tidak ada pasukan Bomba supaya Wakil-wakil

Rakyat, orang-orang perseorangan memainkan peranan yang penting untuk melibatkan diri sama ada memberi sumbangan berupa wang ringgit atau material bagi menanamkan sikap atau bagi menjayakan projek komuniti ini. Dengan yang demikian, kita harap projek-projek bomba sukarela ini akan lebih mendapat perhatian dan penglibatan orang awam keseluruhannya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kita dimaklumkan bahawa peranan Pasukan Bomba Sukarela amat penting dalam membantu Pasukan Bomba. Dan dalam banyak hal kita dapati, Pasukan Bomba Sukarela ini dia datang lebih awal daripada Pasukan Bomba sendiri kalau bagi kebakaran-kebakaran di kawasan-kawasan tertentu.

Baru-baru ini, lebih kurang telah setahun, sebuah Persatuan Bomba Sukarela, kalau saya tidak silap namanya "Briged Setia" yang telah ditubuh dengan restu daripada Kementerian oleh bekas Timbalan Menteri yang lepas, tetapi saya ingin bertanya bagaimanakah kedudukan "Briged Setia" yang berkenaan, adakah dia telah berlalu ataupun kalau tidak berlalu, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi peruntukan ataupun peralatan awal untuk membolehkan pasukan sukarela ini bergerak sebagaimana pasukan-pasukan yang lain dengan lebih teratur dan berdisiplin lagi.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, Briged Setia yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Arau itu serupalah dengan Pasukan Bomba Sukarela. Ini bererti Briged Setia ini akan terus berfungsi sebagai satu Pasukan Bomba Sukarela. Tentang usaha yang akan dibuat oleh Kerajaan untuk meningkatkan lagi

sumbangan kepada Bomba sukarela ini, seperti yang saya nyatakan tadi, kita mengharapkan penglibatan sangat daripada orang ramai seperti juga dengan pasukan-pasukan sukarela macam Palang Merah, Boys Scout dan lain-lainnya.

Walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa meneliti akan keperluan-keperluan semasa yang boleh membawa keberkesanan Pasukan Bomba Sukarela ini di negeri-negeri masing-masing. Ada juga cadangan supaya Pasukan Bomba Sukarela ini digalakkan mengadakan persyarikatan atau syarikat bagi membolehkan mereka berusaha untuk mendapatkan kewangan sendiri dan ini terdapat di beberapa negeri dan Kerajaan sedang mencari jalan untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti ini supaya ia tidak bertentangan dengan tujuan asal Pasukan Bomba Sukarela itu.

BANK PERTANIAN MALAYSIA— SKANDAL PENGURUSAN

15. Tuan Haji Mohamed bin Sabu minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sejauhmana benarnya Bank Pertanian Malaysia (BPM) sedang mengalami masalah skandal pengurusan yang kronik berikutan dengan kegagalannya untuk mendapatkan kembali pembayaran hutang-hutang pinjaman yang dikeluarkan kepada berbagai pihak. Apakah penjelasan secara terperinci oleh Yang Berhormat Menteri berhubung dengan masalah tersebut di dalam Dewan ini;
- (b) nyatakan jumlah hutang yang gagal dikutip oleh BPM dari para peminjam hingga sekarang. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar betapa wujudnya kepincangan dari segi peraturan meluluskan pinjaman kepada

pihak-pihak tertentu oleh pengurusan bank tersebut. Adakah benar pengambilan seorang Pengurus Besar (General Manager) yang dipinjamkan dari Bank Negara Malaysia kepada BPM sejak bulan Julai 1990 lalu bertujuan untuk mengatasi kepincangan dan penyelewengan yang berlaku dalam pengurusan pinjaman di bank tersebut;

- (c) adakah benar bahawa tindakan tatatertib telah diambil baru-baru ini terhadap tiga orang pegawai kanan BPM. Sejauhmanakah tindakan tersebut mempunyai kaitan dengan permasalahan yang dihadapi oleh BPM dalam pengurusan pinjaman.
- (d) sejauhmana benarnya bahawa Bank Dunia pernah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan supaya BPM menghentikan operasinya memandangkan masalah yang begitu rumit dihadapi oleh bank itu. Jika benar, sejak bilakah cadangan tersebut dikemukakan oleh pihak Bank Dunia. Apakah reaksi Kerajaan terhadap cadangan tersebut;
- (e) sejauhmanakah permasalahan yang dihadapi oleh BPM memerlukan usaha penyelamatan oleh Bank Negara Malaysia. Adakah permohonan pinjaman berjumlah lebih kurang \$400 juta yang dipohon oleh Bank Pertanian daripada Bank Negara Malaysia seperti yang diumumkan oleh BPM dalam bulan April 1991 lalu merupakan langkah awal ke arah usaha penyelamatan; dan
- (f) adakah Kerajaan bercadang menubuhkan satu Suruhanjaya DiRaja bagi menyiasat kepincangan dan skandal kewangan yang dihadapi oleh Bank Pertanian Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah tidak benar bahawa Bank Pertanian Malaysia sedang mengalami skandal pengurusan yang kronik sekarang ini, akibat kegagalan mendapatkan kembali pembayaran hutang-hutang pinjaman yang dikeluarkan kepada peminjam. Hakikat ini tidak timbul kerana pembiayaan dalam sektor pertanian mempunyai risiko yang tinggi dan ianya memakan masa yang panjang untuk mendapatkan pulangan. Akibat risiko yang tinggi ini maka bayaran balik peminjam akan juga terjejas apabila risiko tersebut tidak dapat mereka atasi. Risiko-risiko yang dimaksudkan ialah seperti banjir, kemarau dan bencana-bencana alam yang lain. Bank Pertanian sahaja yang sanggup menanggung risiko sedemikian bagi memenuhi keperluan kredit kepada petani kerana kebanyakan bank-bank perdagangan lain tidak tertarik untuk membiayai projek-projek sedemikian.
- (b) Sehingga akhir tahun 1990, jumlah baki kebelakangan Bank Pertanian Malaysia ialah sebanyak \$506,643,388 daripada jumlah baki keseluruhan iaitu sebanyak \$1,099,337,198.

Jumlah ini bukanlah jumlah yang tidak boleh dikutip tetapi bayaran ini masih lagi tertanggung akibat kesulitan mengatasi risiko yang dinyatakan tadi. Kepincangan dalam pengurusan pinjaman adalah tidak wujud kerana terdapatnya peraturan-peraturan serta tatacara pinjaman yang ketat dari pihak pengurusan Bank sendiri. Manakala perlantikan Pengurus Besar yang baru juga tiada langsung kaitan dengan

kepincangan seperti yang didakwa. Perlantikan tersebut adalah proses biasa dalam sesuatu skim perkhidmatan.

- (c) Tindakan tatatertib memang diambil terhadap kakitangan-kakitangan yang menyalahi kod dan etika perkhidmatan dan tindakan tersebut diambil dari masa ke semasa apabila pihak pengurusan dapat mengesan kakitangan-kakitangan yang melanggar aturan-aturan kerja yang ditetapkan.
- (d) Bank Dunia telah mencadang supaya Bank Pertanian Malaysia menghentikan operasi-operasi pinjaman yang mengenakan kadar kaedah konsesi iaitu pada kadar 4%, 2% dan 0% setahun yang dikenakan ke atas peminjam dan bukannya mencadangkan supaya Bank Pertanian Malaysia menghentikan keseluruhan operasinya akibat kerumitan tersebut. Bagaimanapun, Kerajaan berpendapat kadar-kadar faedah tersebut perlu diteruskan bagi membantu golongan petani yang miskin.
- (e) Bank Pertanian Malaysia memohon pinjaman sebanyak \$400 juta dari Bank Negara bertujuan untuk melebar dan meluaskan bidang operasinya untuk sama-sama bersaing dengan bank-bank perdagangan yang lain. Ini perlu kerana Bank ini tidak mempunyai lesen untuk bergiat aktif dalam pasaran wang antara bank-bank. Jadi, untuk mendapatkan sumber kewangan yang banyak ialah melalui pinjaman dari Bank Negara atau Kementerian Kewangan.
- (f) pada masa ini Kerajaan masih belum bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya DiRaja bagi menyiasat perkara ini.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah:
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa pinjaman yang diberikan oleh pihak Bank Pertanian Malaysia kepada petani-petani yang memang benar-benar berkehendakkan kepada bantuan kewangan.

Yang kedua, apakah Setiausaha Parlimen bersetuju dengan saya bahawa soalan yang dikemukakan ini seolah-olah mereka tidak bersetuju supaya pinjaman ini diberikan kepada orang-orang miskin yang mana sepatutnya mereka menyokong supaya pinjaman yang diberikan, kalau mereka tidak dapat membayar balik, dikira hapuskira sahaja.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:
Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua pandangan Ahli Yang Berhormat itu adalah betul.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa Bank Dunia ada buat cadangan bahawa Bank Pertanian perlu memberhentikan pinjaman dengan kaedah konsesi dan bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini apakah angka jumlah pinjaman-pinjamanyang telah diberikan dengan kaedah konsesi, berapa ratus juta ringgit?

Soalan yang kedua, berapa peratus pinjaman-pinjaman kaedah konsessi terdiri daripada semua pinjaman-pinjaman oleh Bank Pertanian? Bukankah ini sebenarnya majoriti peratus yang terbesar dalam pinjaman-pinjaman Bank Pertanian dan kalau berhenti pinjaman kaedah konsesi ertinya berhenti kegiatan Bank Pertanian?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:
Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan Yang Berhormat. Oleh kerana ini memerlukan statistik, jadi saya mohon notis, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jadi, ini bermakna Yang Berhormat akan menjawab secara bertulis, ya?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:
Ya.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut Laporan Audit 1989 terdapat 8 buah syarikat yang telah mendapat pinjaman dengan tidak mengikut peraturan. Saya ingin tahu nama kelapan-lapan buah syarikat tersebut.

Soalan yang kedua, mengikut Laporan yang sama terdapat pinjaman diberikan kepada pinjaman perumahan, sedangkan Bank Pertanian tidak ada skim pinjaman perumahan dan akhir sekali mengapakah Laporan Audit 1989 ini tidak diedarkan kepada Dewan yang mulia ini?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan senarai yang dipohonkan itu, saya pohon izin untuk diberi secara bertulis. (*Disampuk*) Siapa yang bertanya ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan sahaja kalau ada jawapan yang lain.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tolong tunjuk kelakuan yang baik sedikit. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah. Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dia tak jawab hendak beri notis atau sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia mohon notis.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Mohon notis tak apalah. Kalau mohon notis tak apa, jangan tak jawab, kalau tak jawab, tak baik.

UNIVERSITI TERBUKA

16. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah Universiti Terbuka untuk memperluaskan dan mendemokratikkan peluang pengajian tinggi kepada rakyat Malaysia dan melanjutkan prinsip pendidikan seumur hidup kepada seluruh rakyat Malaysia.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Kerajaan telahpun melaksanakan beberapa aspek ke arah memperkenalkan konsep Universiti Terbuka. Universiti Terbuka mempunyai beberapa mekanisme di peringkat perlaksanaannya. Walaupun Kerajaan belum melaksanakannya secara meluas seperti di negara Barat, tetapi ada di antara aspek-aspek Universiti Terbuka seperti Program Luar Kampus dan sebagainya telah dilaksanakan oleh beberapa instituti-institusi pengajian tinggi tempatan. Kerajaan akan melaksanakan lebih banyak lagi program ini jika dianggarkan perlu dan sesuai bagi mempertingkatkan keperluan pendidikan tinggi di negara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah ini bererti bahawa dalam fahaman Kerajaan Universiti Terbuka ialah pengajian luar kampus sahaja dan bukan universiti semacam melalui televisyen di mana semua yang mahu melanjutkan pelajaran atau pendidikan tinggi boleh mengambil bahagian.

Soalan kedua, kenapakah tidak apa-apa peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk melancarkan konsep Universiti Terbuka ini yang dilaung-laungkan dalam OPP2 yang dikatakan bahawa inilah satu yang baru. Kenapakah ini disifatkan satu idea yang baru kalau beberapa segi sudah diamalkan?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan idea baru itu tidak termasuk dalam soalan ini kerana kita telah mengatakan kita melaksanakan program ini jika kita anggapan dapat kita mempertingkatkan apa yang diperlukan sesuai bagi keperluan pendidikan tinggi di negara kita. Mengenai soal definisi Yang Berhormat tadi bahawa memberikan pendidikan menerusi mass media, elektronik, TV dan lain-lainnya, itu adalah dari segi perlaksanaannya. Yang pentingnya, konsep kita ialah kita memberikan accessibility dan ekuiti kepada pendidikan tinggi untuk rakyat kita dan keperluan negara kita.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sama ada satu daripada aspek yang digariskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pengajian luar kampus, sama ada dari segi aspek ini adakah sistem quota yang diamalkan untuk pengajian dalam atau internal kampus juga diamalkan untuk luar kampus. Kedua, berapakah jumlah peruntukan yang diberikan untuk sistem Universiti Terbuka ini di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu pun telah dijawab dan soal sistem kuota ini Yang Berhormat sendiri telah faham, kerana beberapa kali kita telah membincangkan dasar-dasar ini kita melaksanakan program ini dan sistem-sistem kuota yang ada dalam negara kita mengenai kemasukan dan kemudahan di Universiti Tempatan kita.

HOSPITAL DAERAH DI SARAWAK

17. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) usaha Kerajaan untuk membina lebih banyak lagi hospital daerah khasnya di Sarawak; dan
- (b) rancangan Kerajaan untuk menambah lebih ramai lagi doktor dan doktor pakar untuk berkhidmat di luar bandar di Sarawak.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di antara 28 Daerah di Negeri Sarawak, sebanyak 16 daerah telahpun disediakan dengan kemudahan hospital. Pada masa ini 3 buah hospital adalah di dalam pembinaan iaitu Betong, Simunjan dan Daro. Hospital Daerah di Miri dan Sibu telah digantikan dengan hospital baru.
- (b) Dalam pengagihan jawatan-jawatan pegawai perubatan, keutamaan sentiasa diberi kepada kawasan yang sedang membangun termasuk Sarawak. Walau bagaimanapun, memandang kepada kekurangan Pegawai Perubatan di Kementerian Kesihatan sekarang, pengisian jawatan-jawatan ini terpaksa dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Kementerian juga telah mengenalpasti beberapa hospital daerah akan dipertingkatkan dengan perkhidmatan kepakaran mengikut keutamaan dari segi lokasi serta keperluan. Bagi mencapai tujuan ini Kementerian sedang berusaha mengambil doktor-doktor pakar bukan warganegara untuk berkhidmat secara kontrak bagi menampung kekurangan pakar termasuk di Sarawak.

PENGUNAAN BAHAN BUANGAN KELAPA SAWIT

18. Datuk Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejauh manakah kajian telah dibuat terhadap penggunaan bahan-bahan buangan dari pokok kelapasawit seperti daun, lidi, pelepah, batang kelapasawit, tandan dan sebagainya.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha penyelidikan terhadap penggunaan bahan-bahan sampingan pokok kelapasawit merupakan satu langkah yang penting ke arah mengeksplotasikan potensi ekonomi bahan-bahan tersebut memandangkan terdapatnya bekalan-bekalan bahan sampingan itu dengan banyaknya yang dianggarkan melebihi 18 juta tan metrik setahun. Setakat ini, usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D), dengan izin, dijalankan oleh Instituti Penyelidikan Minyak Kelapasawit (PORIM) ke atas bahan-bahan sampingan kelapasawit, terutamanya yang mengandungi unsur-unsur ligno-selulosa seperti batang, pelepah, tandan kosong dan sabut untuk menghasilkan berbagai barangan siap bagi kegunaan komersial. Usaha-usaha tersebut telah mencapai beberapa peringkat kejayaan. Sebahagian daripadanya telahpun menunjukkan hasil komersialnya manakala yang lain masih lagi diperingkat awal dan kajian makmal serta di peringkat loji rintis.

Kajian mengenai palpa dan kertas dari pelepah kelapasawit, penggunaan palpa dan kayu blok daripada batang kelapasawit, penggunaan tandan-tandan kosong untuk kepingan atap dan penggunaan batang kelapasawit untuk perabot telahpun menunjukkan hasil yang memuaskan. Bagi kajian ke atas pengeluaran palpa dan kertas, sebuah kilang rintis telah ditubuhkan di PORIM dengan usahasama pihak Government Industrial Research of

Shikoku (GIRIS), Jepun. Usaha-usaha penyelidikan ke atas bahan-bahan sampingan kelapa sawit ini dijalankan secara penyelidikan bersama dengan beberapa agensi Kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan badan-badan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, disamping itu kegiatan-kegiatan penyelidikan juga sedang dijalankan oleh PORIM di peringkat makmal ke atas daun kelapa sawit yang telah dikenalpasti sebagai bahan asas 'ekstrasi komponen minor' seperti vitamin "E". Sisa bahan tersebut pula dapat digunakan sebagai makanan haiwan dan baja organan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa untuk pertanyaan bagi jawab mulut telahpun cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2, 4, 5, 6, dan 19 hingga 51 adalah diberi di bawah ini)

PENCARI KERJA CACAT YANG BERDAFTAR

1. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) bilangan orang cacat yang berdaftar untuk memohon pekerjaan bagi tempoh 5 tahun yang lalu dan bilangan yang telah mendapat pekerjaan; dan
- (b) bilangan peluang pekerjaan bagi orang cacat yang ditawarkan oleh pihak swasta bagi tempoh lima tahun lalu.

Dato' M. Mahalingam:

- (a) Jumlah pencari kerja cacat yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia bagi tempoh lima tahun yang lepas, iaitu mulai 1986 hingga 1990 ialah seramai 1,726 orang. Daripada jumlah ini,

seramai 117 orang telah mendapat pekerjaan melalui bantuan pejabat-pejabat pekerjaan. Di samping itu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga berjaya menempatkan seramai 563 orang cacat dalam tempoh masa yang sama.

Mengikut rekod Jabatan Perkhidmatan Awam sejumlah 744 orang cacat telah diambil bekerja di sektor awam termasuk badan-badan berkanun.

- (b) Sebelum tahun 1990, Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai maklumat lengkap mengenai tawaran daripada majikan-majikan untuk mengambil orang-orang cacat bekerja di sektor swasta. Walau bagaimanapun, mulai tahun 1990 hasil daripada kempen yang dilancar untuk menggalakkan majikan-majikan sektor swasta membuka peluang pekerjaan kepada orang-orang cacat, sebanyak 1,612 peluang pekerjaan telah ditawarkan hingga kini.

DASAR PERTANIAN NEGARA

2. **Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Pertanian menyatakan sebab-sebab Kerajaan mengambil keputusan untuk menyemak semula Dasar Pertanian Negara. Adakah ini bererti Kerajaan tidak memandang jauh semasa menggubal dasar tersebut.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Dasar Pertanian Negara yang dilancarkan pada tahun 1984 adalah sehingga ke tahun 2000. Namun demikian ia bukan satu dasar yang statik. Ia boleh diubahsuai dari masa ke semasa, jika diperlukan. Sektor pertanian telah melalui dan mengalami beberapa tekanan misalannya kekurangan tenaga buruh yang kian serius, terdapat tanah pertanian yang

terus terbiar, perbezaan pendapatan dalam sektor pertanian dengan sektor lain yang kian luas dalam ekonomi negara yang mengalami pertumbuhan dan pembangunan yang agak pesat sejak 1986 khususnya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Di samping itu keperluan makanan kian bertambah dan peluang-peluang untuk meningkatkan pendapatan di sektor pertanian masih banyak termasuk peluang-peluang dan keperluan untuk mengeksport barang-barang pertanian dan barang-barang yang diproses. Oleh itu Dasar Pertanian perlu dikaji semula dari segi kesesuaiannya dan lagi perlu mengambilkira kehendak-kehendak dan keperluan mengrealisasikan matlamat-matlamat RM6, Rangka Rancangan Jangka Panjang dan Wawasan 2020. Dasar, penekanan-penekanan dan strategi serta program dalam sektor pertanian perlu diubahsuai dan dibaiki supaya sektor tersebut menjadi satu sektor yang viable, dinamik dan moden. Kerja-kerja kajian semula tersebut telah pun bermula.

PEMBANGUNAN BUKIT PINANG

4. **Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menyatakan adakah Kementerian telah menolak laporan EIA yang telah dibentangkan oleh Berjaya Corporation/ Bukit Pinang Leisure Sdn. Bhd. berkenaan projek pembangunan di Bukit Bendera. Sekiranya ada, apakah alasannya laporan tersebut di tolak.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar telah menolak laporan awal EIA cadangan pembangunan Bukit Pinang yang dikemukakan oleh Bukit Pinang Leisure Sdn. Bhd. pada 1990 kerana konsep pembangunannya melibatkan pembukaan tanah yang luas dan laporan tidak lengkap.

Laporan EIA yang baru berdasarkan konsep pembangunan yang diubahsuai diterima pada 12 Jun 1991 dan sedang dipertimbangkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

LATIHAN KEPADA SISWAZAH BARU

5. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada Kementerian akan melaksanakan program latihan khas kepada siswazah baru dalam perundangan sebelum mereka dilantik sebagai hakim untuk menjamin proses penghakiman yang lebih adil.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Kementerian Kehakiman, Jabatan Kehakiman dan Jabatan Peguam Negara dengan kerjasama INTAN sedang merancang suatu program latihan khas bagi siswazah yang baru diterima untuk berkhidmat dalam bidang kehakiman dan juga dalam bidang perundangan.

PERJUANGAN RAKYAT PALESTIN

6. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian ini dalam memajukan atau meluaskan tindakan-tindakan positif semua pihak dalam negara bagi membantu perjuangan rakyat Palestin.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Mengenai soalan ini, saya telah pun memberi jawapan kepada soalan yang serupa pada 18hb Julai, 1991 di Dewan Rakyat yang mulia ini.

KAWASAN KEMALANGAN YANG MEMBABITKAN KEMATIAN

19. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) jumlah jalan dan selekoh di seluruh negara yang dikenal pasti sebagai kawasan maut kerana sering berlaku kemalangan yang membabitkan kematian;
- (b) berapakah kes kematian yang telah berlaku di selekoh dan jalan tersebut sejak 1hb Januari, 1991; dan
- (c) apakah cadangan Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan di tempat-tempat tersebut.

Tuan Kerk Choo Ting:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 200 kawasan jalan dan selekoh telah dikenalpasti oleh Kementerian Kerja Raya sebagai kawasan yang sering berlaku kemalangan yang membabitkan kematian. Senarai kawasan jalan yang dikenalpasti itu adalah berdasarkan data dan statistik kemalangan bagi tahun 1984 hingga 1987 yang diperolehi dari Cawangan Trafik, Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia Bukit Aman dan 'Ranking' dibuat mengikut jumlah keparahan kemalangan (accident severity). Satu penyenaiaan kawasan-kawasan kemalangan baru akan dibuat pada tahun 1992 dengan menggunakan data-data kemalangan bagi tahun 1988 hingga 1991.
- (b) Daripada 200 kawasan kemalangan yang telah dikenalpasti, sejumlah empat puluh enam kawasan yang tertinggi dalam penyenaiaan sekarang sedang dalam pemerhatian oleh Kementerian

Kerja Raya. Diantara 1.1.91 hingga akhir Jun 1991 jumlah kes kemalangan di kawasan tersebut ialah 884 yang melibatkan 74 kematian.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya telah melaksanakan program meningkatkan keselamatan jalan raya (road safety improvement programme) dengan peruntukan sebanyak \$52 juta yang dibiayai dengan pinjaman daripada Bank Dunia. Program ini sedang dan akan dijalankan di beberapa kawasan kemalangan yang disenaraikan mengikut keutamaan keadaan jalan, keparahan kemalangan dan keadaan sekitaran kawasan tersebut.

Di samping usaha meningkatkan kejuruteraan jalan raya (road engineering), Jabatan Kerja Raya juga akan menambahkan bilangan papan tanda di kawasan yang terlibat sebagai pengingatan serta pemberitahu kepada pengguna jalan raya. Kempen menerusi media massa oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia juga giat dijalankan.

Penguatkuasaan undang-undang di jalan raya juga di pertingkatkan supaya pengguna-pengguna jalan lebih berdisiplin dan bertanggungjawab ketika di jalan raya. Pemandu kenderaan digalakkan mengamalkan "defensive driving" atau pemandu berhemat.

Kegiatan dan program yang dijalankan sekarang adalah selaras dengan maksud 3E (education, enforcement dan engineering) yang digunakan sebagai pendekatan untuk mencari jalan mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya. Perlu diingatkan bahawa walau bagaimana intensifnya program-

program yang dijalankan oleh Kerajaan untuk menjadikan jalan raya lebih selamat, kadar kemalangan sukar dikurangkan sekiranya pemandu tidak mengambil berat tentang keselamatan dari dan pemandu yang lain.

INDUSTRI KAMPUNG

20. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa konsep Industri Kampung yang dilaksanakan oleh Kementerian tidak menunjukkan impak yang berkesan kepada peningkatan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar;
- (b) apakah Kerajaan telah mengkaji kadar prestasi pencapaian projek-projek Industri Kampung dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Kiranya kajian prestasi telah dibuat, sila berikan butir-butir penjenisan industri, bilangan industri serta jumlah rakyat yang menikmati projek-projek tersebut; dan
- (c) berapakah jumlah agihan peruntukan yang telah diberikan kepada Bahagian Perusahaan Luar Bandar di bawah Kementerian di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan berapakah peruntukan semasa untuk Rancangan Malaysia Keenam.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari):

- (a) Adalah tidak benar bahawa konsep Industri Kampung yang dilaksanakan oleh Kementerian tidak menunjukkan impak yang berkesan kepada peningkatan sosio-ekonomi masyarakat luar

bandar. Dari segi ekonomi, masyarakat luar bandar telah berjaya memperoleh pendapatan tambahan dari kerja-kerja industri kampung yang dilaksanakan hasil bantuan yang telah diterima daripada pihak Kementerian. Matlamat untuk memperkenalkan budaya niaga dan budaya mesin kepada masyarakat luar bandar telah dapat diketengahkan. Tujuan disebalik matlamat ini ialah untuk menanam minat penduduk luar bandar menceburi bidang perniagaan dan perusahaan secara sepenuh masa supaya mereka tidak lagi bergantung kepada aktiviti pertanian sebagai punca pendapatan utama.

- (b) Kerajaan telah mengkaji kadar prestasi pencapaian projek-projek Industri Kampung di mana secara keseluruhannya banyak perusahaan yang dibantu telah menunjukkan daya maju. Jenis-jenis industri adalah seperti perabut, makanan, jahitan, kimpalan, batu blok dan lain-lain. Bilangan industri yang telah dibantu di bawah RML ialah sebanyak 1820 dan jumlah rakyat yang menikmati projek-projek tersebut ialah seramai 7553.
- (c) Jumlah agihan peruntukan yang telah diberi kepada Bahagian Perusahaan Luar Bandar di bawah Rancangan Malaysia Kelima ialah sebanyak \$38.5 dan di bawah Rancangan Malaysia Keenam ialah sebanyak \$107 juta.

GERAKAN SEMARAK

21. Dr Sanusi Daeng Meriok minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) adakah beliau bercadang untuk meneruskan lagi Pesta Semarak, dan bila. Jika tidak, mengapa;
- (b) sila nyatakan berapa kali pesta itu dilangsungkan dan berapa pula bilangan Pesta Mini Semarak, dan di mana;
- (c) sebutkan jumlah peruntukan perayaan itu dan berapakah belanja bagi setiap acara; dan
- (d) apakah kesan yang dapat dibanggakan dari kempen itu dan sejauh mana matlamatnya tercapai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman):

- (a) Kementerian ini tidak bercadang untuk melanjutkan Gerakan Semarak tetapi akan mengadakan Program Kampungku sebagai ekoran kepada Gerakan Semarak. Gerakan Semarak telah mencapai matlamatnya untuk mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat Malaysia akan pentingnya kesetiaan pemimpin terhadap rakyat serta rakyat terhadap pemimpin. Sebagai ekoran, Program Kampungku ini berusaha untuk menyumbang ke arah mewujudkan kesedaran di kalangan rakyat di luar bandar agar rakyat sendiri memainkan peranan dalam usaha memupuk perpaduan dan melibatkan diri dalam arus pembangunan negara yang pesat.
- (b) Semarak telah dilancarkan di 11 buah negeri kecuali Negeri Pahang, Johor, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Manakala Mini Semarak adalah program yang dianjurkan oleh negeri-negeri.
- (c) Perbelanjaan bagi Gerakan Semarak di peringkat nasional adalah ditanggung kebanyakannya oleh pihak Kerajaan Negeri yang menjadi tuan rumah.

Aktiviti-aktiviti Kerajaan Pusat yang dijalankan adalah merupakan aktiviti di bawah projek-projek yang sedia ada yang telah mempunyai peruntukan sendiri, dan Gerakan Semarak merupakan penyatuan serta koordinasi program-program tersebut.

Kerajaan Persekutuan hanya menambah perbelanjaan perlu sebanyak \$264,545.48 sen.

Bagi peringkat Mini Semarak, perbelanjaannya ditanggung oleh peringkat Negeri.

- (d) Hasil daripada Gerakan Semarak adalah dianggarkan lebih dari setengah juta anggota masyarakat khususnya pemimpin-pemimpin tempatan telah terlibat dengan gerakan tersebut. Bersama-sama dengan peranan media cetak dan media elektronik negara, Gerakan Semarak berjaya menyedarkan masyarakat keseluruhannya terhadap pentingnya kesetiaan dua hala di antara rakyat dan pemimpin.

Antara kejayaan lain adalah:

- (i) Berjaya menimbulkan kesedaran rakyat di atas pentingnya penanaman semangat patriotik dan cinta negara di kalangan rakyat berbilang kaum.
- (ii) Merapatkan hubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dan di antara rakyat dengan Kerajaan.
- (iii) Berjaya menimbulkan kesedaran serta keinsafan di kalangan pemimpin-pemimpin bagi menerus dan meningkatkan usaha murni membawa perubahan positif kepada rakyat jelata.

- (iv) Berjaya melibatkan semua pihak termasuk swasta dalam aktiviti bersama dan sekali gus menanam semangat bekerjasama di antara satu pihak dengan pihak yang lain.

Kesimpulannya, Program Semarak dapat membantu mewujudkan masyarakat yang bersatupadu.

JALAN DI LUAR BANDAR—TARAF

22. Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjisminta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) apakah usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan taraf jalan-jalan di kawasan-kawasan luar bandar termasuk kawasan-kawasan FELDA;
- (b) khususnya, apakah agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk memperbaiki dan menyelenggara jalan-jalan dalam kawasan FELDA dan berapakah jumlah yang telah diperuntukkan dalam tahun 1991; dan
- (c) berapa banyak pula peruntukan untuk tujuan berkenaan telah disediakan untuk kawasan Pahang Tenggara atau DARA.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:

- (a) Bagi maksud meningkatkan taraf jalan di kawasan luar bandar, peruntukan berjumlah \$1,261.37 juta akan dicadangkan di bawah RM6 bagi membiayai program-program berikut:

	<i>(Juta)</i>
(i) Jalan Luar Bandar	\$550.58
(ii) Program Menaikkan Taraf Jalan Kampong	\$500.00
(iii) Jalan Keselamatan/Kesban	\$210.79
Jumlah	<u>\$1,261.37</u>

- (b) Bagi jalan-jalan dalam kawasan FELDA yang telah diwartakan sebagai Jalan Kerajaan Persekutuan, maka Jabatan Kerja Raya bertanggungjawab atas penyenggaraannya. Oleh yang demikian jalan-jalan ini termasuk di dalam kumpulan jalan Persekutuan yang diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya.
- (c) Jalan-jalan dalam kawasan Pahang Tenggara masih belum diwartakan sebagai Jalan Kerajaan Persekutuan dan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara menyelenggarakan jalan-jalan ini. Peruntukan yang disediakan bagi tahun 1991 adalah sebanyak \$800,000.

PROJEK PUCHONG BYPASS

23. **Dr V. David** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian ingin melaksanakan Projek Puchong Bypass atau tidak; dan
- (b) jika benar, sila nyatakan tarikh projek ini dijangka bermula dan tarikh siap.

Tuan Kerk Choo Ting: Projek Puchong Bypass telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Pembinaannya dicadang bermula pada 1992 dan dijangka siap dalam masa 30 bulan.

TABUNG PELABURAN KHAS MEMBANTU SYARIKAT TERJEJAS

24. **Tuan James Jimbun Punga** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah jenis industri yang boleh mendapatkan faedah daripada peruntukan sebanyak satu bilion ringgit yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan. Apakah peraturan untuk

mendapat peruntukan daripada tabung tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Kerajaan telah menimbangkan cadangan untuk mewujudkan satu Tabung Pelaburan Khas sebanyak \$1 bilion semasa Krisis Teluk. Tabung ini dicadangkan ditubuhkan untuk membantu syarikat-syarikat yang terjejas akibat krisis tersebut dan seterusnya bagi mengelakkan ekonomi negara dari mengalami kemerosotan.

Memandangkan Krisis Teluk telah pun berakhir dan kedudukan ekonomi negara pula terus kukuh, adalah didapati bahawa penubuhan tabung ini tidak lagi difikirkan perlu. Pihak swasta boleh mendapat sumber-sumber kewangan dari berbagai tabung lain yang sedia wujud seperti Tabung Pembangunan ASEAN Jepun (AJDF), Tabung Penyusunan Industri (IAF), Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR) dan juga lain-lain sumber pinjaman yang disediakan oleh Institusi Kewangan Tempatan. Namun demikian, jika keadaan antarabangsa berubah dan ekonomi terjejas, Kerajaan akan menimbang semula kemungkinan menubuhkan Tabung serupa ini bagi membantu memulihkan ekonomi negara.

PELANCONG MELAWAT INDONESIA

25. **Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) sejauh manakah kempen Tahun Melawat Indonesia 1991 telah membawa kesan positif/negatif kepada Industri Pelancongan negara; dan
- (b) jika kesannya negatif, apakah tindakan lanjut pihak Kementerian.

Dato' Abdul Raman bin Suliman:
 Kebanyakan pelancong-pelancong yang melawat ke Indonesia adalah merupakan pelancong-pelancong dari jarak jauh. Pada kebiasaannya pelancong-pelancong dari pasaran jarak jauh ini mempunyai kecenderungan dan mengambil kesempatan untuk melawat lebih daripada satu destinasi pelancongan apabila mereka berada di rantau ini. Keadaan ini adalah kerana kedudukan geografi yang berdekatan di antara satu destinasi dengan destinasi pelancongan yang lain di samping kemudahan perhubungan dan pengangkutan pelancongan yang baik di antara Indonesia dengan Malaysia. Dengan ini pelancong-pelancong dapat menjimat masa perjalanan dan perbelanjaan. Berdasarkan kepada fakta di atas adalah didapati Kempen Tahun Melawat Indonesia 1991 tidak menjejaskan industri pelancongan negara sebaliknya kempen itu membawa sumbangan yang baik dalam usaha memperkukuhkan lagi industri pelancongan negara ini.

TARIKAN PELANCONG KE MALAYSIA

26. Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) apakah elemen-elemen yang dikenal pasti yang paling popular menjadi daya tarikan pelancong ke negara ini dalam usaha Kementerian memasarkan keindahan alam semula jadi sebagai produk pelancongan; dan
- (b) apakah agensi-agensi dan pengusaha-pengusaha tempatan sudah bersedia dari segi penyediaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain untuk memasarkan produk pelancongan ini.

Dato' Abdul Raman bin Suliman:

- (a) Di dalam memperkenalkan negara kepada pelancong-pelancong, unsur-unsur keindahan alam semula jadi adalah diberikan penekanan utama oleh Kerajaan dalam aktiviti pemasaran yang dijalankan yang mana unsur-unsur meliputi:
 - (i) Taman-taman Negara (Taman Negara Pahang, Sarawak, Sabah);
 - (ii) Bukit-bukit peranginan (Bukit Fraser, Genting Highland, Cameron Highland);
 - (iii) Pulau-pulau dan pantai-pantai yang bersih dan indah (Pulau Langkawi, Pulau Tioman, Pulau Pangkor, Pantai Timur Semenanjung Malaysia);
 - (iv) Tasik-tasik dan empangan (Tasir Kenyir);
 - (v) Hidupan liar (orang hutan, hidupan laut). Unsur-unsur ini didapati memang menjadi tarikan popular pelancong-pelancong yang mempunyai pelbagai citarasa.
- (b) Penyediaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas pelancongan seperti jalan-jalan masuk ke destinasi-destinasi pelancongan, bekalan air, elektrik, jeti-jeti dan lain-lain adalah dibuat oleh Kerajaan dari masa ke semasa. Pengusaha-pengusaha tempatan pula menyediakan kemudahan-kemudahan lain seperti tempat penginapan, restoran-restoran, kedai-kedai cenderamata, pengangkutan, pemandu-pemandu pelancong dan sebagainya untuk keperluan

pelancong. Dalam pada itu Kerajaan juga membantu pengusaha-pengusaha tempatan dalam menyediakan kemudahan tersebut dengan memberikan insentif-insentif berasaskan kepada Akta Galakan Pelaburan 1986. Semua usaha-usaha di atas adalah merupakan tindakan-tindakan yang telah dan akan terus dibuat bagi memenuhi keperluan industri pelancongan negara.

PENCEMARAN SELAT MELAKA—KAJIAN

27. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan menjalankan kajian pencemaran Selat Melaka oleh sebab pembuangan sisa-sisa minyak oleh kapal-kapal laut asing; dan
- (b) jika ya, adakah sebarang tindakan yang telah diambil ke atas tuan punya kapal-kapal berkenaan.

Tuan Peter Chin Fah Kui:

- (a) Jabatan Alam Sekitar menjalankan pengawasan air laut di Selat Melaka bagi mendapatkan maklumat kualiti air laut khususnya kandungan minyak/gris di permukaan air dari semua punca termasuk buangan dari kapal-kapal laut asing.
- (b) Tindakan yang diambil ke atas tuan punya kapal berkenaan ialah dengan menahan kapal dan menuntut kos perbelanjaan bagi membersihkan sebarang tumpahan minyak.

KEMAS—AGEN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

28. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah organisasi dan fungsi Pemaju Masyarakat (KEMAS) akan disusun semula bagi memantapkan peranan dalam memenuhi tugas-tugasnya sebagai agen pembangunan masyarakat dan negara. Apakah satu kajian akan dibuat bagi mengenalpasti aktiviti-aktiviti dan program yang produktif bagi Pemaju Masyarakat dan menentukan corak *Modus Operandi* yang lebih berkesan sesuai dengan cita-cita ke arah mencapai matlamat negara, terutama sebagai sebuah negara yang progresif, maju dan harmoni terutama di kalangan masyarakat luar bandar.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) memainkan peranan penting sebagai agen pembangunan masyarakat yang memberikan tumpuan di peringkat akar-umbi untuk menggerak penglibatan rakyat selaras dengan prinsip dan matlamat dasar pembangunan Kerajaan. Sebagai satu organisasi yang dinamik, ianya sentiasa bertindak selaras dengan keperluan semasa.

Selaras daripada memberikan pendedahan yang secukupnya kepada dasar-dasar baru Kerajaan melalui latihan dan perbincangan, Pemaju Masyarakat juga didedah kepada pelbagai tugas dan fungsi supaya mereka boleh disuai-guna dalam semua situasi. Pada masa yang sama, Kementerian juga sedang berusaha untuk menyusun semula sistem pentadbiran dan fungsi anggota KEMAS supaya peranan yang dimainkan akan lebih berkesan.

PERKHIDMATAN BOMBA

29. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah tahap pencapaian Perkhidmatan Bomba yang ada sekarang seimbang serta sesuai dengan perkembangan dan pertumbuhan berbagai bentuk bangunan, perumahan dan kawasan-kawasan perindustrian yang terdapat di setiap negeri;
- (b) tidakkah Kementerian sedar bahawa Negeri pulau Pinang adalah antara sebuah negeri yang pesat dengan pembinaan bangunan-bangunan tinggi dan kilang-kilang di kawasan-kawasan perindustrian dan amat memerlukan perkhidmatan Bomba yang berkualiti setaraf dengan keadaan semasa;
- (c) bolehkah Kementerian memberikan pertimbangan untuk meningkatkan tahap perkhidmatan Bomba bagi Pulau Pinang sebelum terlambat.

Tuan Osu bin Haji Sukam:

- (a) Kerajaan memang sedar dan memberi perhatian serius terhadap pertambahan risiko-risiko kebakaran di negara ini akibat pertumbuhan kawasan-kawasan perindustrian, bandar-bandar baru, perkembangan bandar-bandar besar dan sebagainya dan Kerajaan sentiasa memastikan bahawa tahap pencapaian Perkhidmatan Bomba adalah sejajar dengan perkembangan ini. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk meningkatkan lagi tahap pencapaian ini adalah seperti berikut:
 - (i) Mengadakan Pra-Perancangan Kebakaran di semua tempat-tempat

yang mempunyai risiko kebakaran yang tinggi. Ini termasuklah mengadakan latihan kawad bersama (combine drill) di antara Jabatan Bomba dengan agensi-agensi Kerajaan/swasta khususnya di bangunan-bangunan tinggi.

- (ii) Memastikan semua bangunan-bangunan, kilang-kilang dan sebagainya mempunyai ciri-ciri keselamatan kebakaran yang minima berpandukan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, 1984.
- (iii) Usaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan teknikal kebombaanan di kalangan pegawai-pegawai dan anggota bomba telah diadakan secara berterusan melalui latihan-latihan dalam dan luar negeri.
- (iv) Perancangan melawan kebakaran bagi bangunan tinggi dan latihan kawad bersama (combine drill) di antara Jabatan Bomba dengan agensi-agensi Kerajaan/swasta juga sedang giat dijalankan khususnya bangunan-bangunan tinggi yang berisiko tinggi.
- (v) Kempen Mencegah Kebakaran pada setiap tahun bagi tujuan memupuk kesedaran dan sikap bertanggungjawab masyarakat terhadap keselamatan kebakaran.
- (vi) Menggalakkan Penuh-buhan Pasukan Bomba Sukarela di kawasan-

kawasan perkampungan terpencil serta jauh daripada kawalan Balai Bomba dan Penuhuan Pasukan Bomba Perseendirian di kilang-kilang.

- (vii) Menggalakkan Penuhuan Kadet Bomba di sekolah-sekolah bagi menanamkan kesedaran dari peringkat awal lagi.
- (viii) Mengadakan jentera dan peralatan-peralatan moden meningkatkan keupayaan menghadapi kebakaran.
- (ix) Menjalin hubungan yang erat dan bertukar-tukar maklumat dengan badan-badan profesional seperti Persatuan Akitik Malaysia (PAM), Institut of Engineers Malaysia (IEM), Malaysia Fire Protection Association (MFPA), Housing Development Association (HDA) dan sebagainya bagi meningkatkan pencegahan kebakaran di bangunan-bangunan.

Selain daripada itu, ceramah/kelas/syarahan, publisiti melalui media massa diadakan secara berterusan bagi meningkatkan kesedaran di kalangan orang ramai terhadap bahaya-bahaya kebakaran.

- (b) Kerajaan sedar bahawa Negeri Pulau Pinang adalah antara negeri yang pesat membangun dengan pembinaan bangunan-bangunan tinggi, kawasan-kawasan perindustrian dan sebagainya. Usaha sentiasa dibuat untuk meningkatkan

kualiti Perkhidmatan Bomba supaya sesuai dengan perkembangan semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkhidmatan Bomba di Pulau Pinang pada masa ini adalah salah satu yang terbaik di negara kerana setiap daerah telah pun mempunyai sekurang-kurangnya satu Balai Bomba.

- (c) Kerajaan sedang dan akan terus merancang untuk membina beberapa buah Balai Bomba lagi di Pulau Pinang pada masa hadapan bagi meningkatkan keupayaan perkhidmatan yang sedia ada di negeri berkenaan.

HOSPITAL LADANG DI PULAU CAREY

30. **Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Hospital Ladang di Pulau Carey Klang menghadapi kekurangan peralatan yang teruk seperti kekurangan katil dan kain selimut, ambulans serta kakitangan seperti Doktor dan Pembantu Hospital dan Jururawat, akibatnya penduduk-penduduk Pulau Carey menghadapi kesulitan mendapatkan rawatan; jika sedar, bilakah pihak Kementerian akan menghantarkan keperluan yang diminta ke hospital tersebut, jika tidak, mengapa.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Kerajaan sedar akan kekurangan kemudahan yang terdapat di Hospital Ladang di Pulau Carey dan telah pun mengemukakan cadangan kepada pihak pengurusan untuk memenuhi keperluan yang telah ditetapkan.

Seperti tuan sedia maklum, pengendalian dan penyediaan kemudahan-kemudahan di Hospital Ladang adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan. Peranan Kerajaan adalah untuk mengawasi dan memonitor keadaan.

GANGGUAN LINTASAN KERETAPI

31. Tuan Chiang Heng Kai minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah pihak berkenaan sudah menjalankan siasatan berkenaan dengan gangguan lintasan-lintasan keretapi kepada sistem lalulintas di Bukit Mertajam selepas Timbalannya menjawab Ahli Parlimen Kawasan Bukit Mertajam pada Mesyuarat Dewan Rakyat yang lalu. Jika ya, apakah hasil dan cadangannya. Jika tidak, mengapa; dan
- (b) mengapa beliau bercadang menaikkan tambang keretapi sedangkan perkhidmatan KTM masih belum puas lagi misalnya perjalanannya sering lewat, harga minuman dan makanan dalam keretapi agak mahal dan lain-lain; dan apakah langkah sedang diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):

- (a) Kementerian Pengangkutan memang sedar akan kesesakan lalulintas di kedua-dua lintasan berkenaan. Lintasan awam ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kerja Raya. Sehubungan dengan ini Kementerian Pengangkutan telah pun merujuk perkara ini kepada Kementerian Kerja Raya. Bagaimanapun, adalah difahamkan oleh kerana ketiadaan peruntukan, projek bagi mengatasi masalah ini telah tidak dapat dilaksanakan setakat ini.
- (b) Buat masa ini belum ada keputusan yang dibuat untuk menaikkan tambang keretapi walaupun kos operasi tren telah meningkat. Kali terakhir

tambang penumpang dinaikkan ialah pada 1hb Ogos, 1984. Walaupun kos operasi telah meningkat setiap tahun manakala tambang penumpang tidak dinaikkan, KTM tetap memberi penekanan ke atas mutu perkhidmatan yang disediakan. Program-program meningkatkan mutu perkhidmatan yang dijalankan merangkumi aspek-aspek keselesaan perjalanan, ketepatan perjalanan, kebersihan koc, kemudahan-kemudahan atas tren dan di stesen-stesen dan juga penyediaan perkhidmatan atas tren yang lebih selesa.

BANJIR DI KAMPUNG DAMANSARA DALAM

32. Dr Kua Kia Soong minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) rancangan jangka pendek dan jangka panjang yang Kerajaan mempunyai untuk menyelesaikan masalah banjir yang semakin terus di Kg. Damansara Dalam, Kg. Chempaka dan Kayu Ara; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil ke atas pemaju projek kondominium iaitu Casa Damansara kerana mengalihkan secara haram Sg. Penchala dan menyebabkan banjir kilat sering berlaku berdekatan dengan persimpangan Damansara Utama, Damansara Jaya dan Taman Tun Dr Ismail.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed):

- (a) Rancangan jangka pendek yang diambil dari masa ke semasa untuk mengurangkan masalah banjir di Kg. Damansara Dalam, Kg. Chempaka dan Kayu Ara adalah dengan cara membuat

kelodak-kelodak dan membaiki tebing-tebing sungai yang runtuh.

Bagi rancangan jangka panjang pula, program membaiki saluran sungai-sungai di Kg. Damansara Dalam, Kg. Chempaka dan Kg. Kayu Ara telah dicadangkan di dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk dilaksanakan. Sungai-sungai yang dimaksudkan ialah:

- (i) Sungai Pencala (Kawasan Damansara Dalam) memerlukan peruntukan \$1.25 juta; dan
- (ii) Sungai Kayu Ara (Kawasan Chempaka dan Kg. Kayu Ara) juga memerlukan peruntukan \$1.25 juta.

Kedua-dua program tersebut akan dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor.

- (b) Pihak DBKL telah mengarahkan Pemaju mengemukakan pelan-pelan bagi kerja lencungan sungai yang dicadangkan untuk mendapat kelulusan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Di samping itu juga Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah mempunyai program bagi mengatasi masalah banjir di Sg. Penchala di dalam Rancangan Malaysia Keenam.

DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL

33. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan setelah tamat tempoh Dasar Ekonomi Baru adakah matlamatnya tercapai khususnya dalam membasmi kemiskinan di negara ini. Dapatkah beliau

menyatakan kebaikan dan keburukan dasar ini dan adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskannya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Saya percaya Ahli Yang Berhormat telah pun mengikuti pembentangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan ini pada 17 Jun, 1991 yang lalu serta ucapan menggulung selepas perbahasan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 25 Jun, 1991. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menegaskan bahawa Dasar Pembangunan Nasional (DPN) digubal hasil daripada analisa yang menyeluruh tentang tahap pembangunan sosial dan ekonomi di bawah DEB di samping mengambil kira pandangan-pandangan oleh berbagai kumpulan di Malaysia termasuklah Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN).

Dengan penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa penjelasan lanjut lagi.

KESELAMATAN DI LAPANGAN TERBANG

34. Tuan G. Palanivel minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah baru bagi memperketatkan keselamatan yang diperkenalkan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Sejak peristiwa rampasan Penerbangan SQ 117, apakah bentuk sistem pengesanan yang digunakan untuk mengesan bahan-bahan letupan dan lain-lain senjata. Bolehkah bahan-bahan letupan plastik dapat dikesan oleh alat pengesan yang sedia ada di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Berikutan berlakunya peristiwa rampasan pesawat Singapore International Airlines (SIA), beberapa langkah telah pun diambil, untuk memperketatkan lagi kedudukan keselamatan di lapangan-lapangan terbang. Di antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah:
- (i) Mempertingkatkan dan memperkemaskan pemeriksaan bagasi dan beg tangan penumpang;
 - (ii) Mempertingkatkan pemeriksaan badan secara fizikal terhadap penumpang;
 - (iii) Mengadakan papan-papan tanda di seluruh lapangan terbang untuk memaklumkan kepada penumpang, barang-barang yang dilarang dibawa ke dalam kabin pesawat;
 - (iv) Mengadakan kawalan ketat di setiap pintu masuk ke dalam kawasan 'airside' dan mempertingkatkan lagi kawalan bagi kawasan sasaran penting dan kawasan 'perimeter'.

Sebagai langkah jangka panjang, tindakan juga sedang diambil bagi menambah/mengganti alat-alat keselamatan sedia ada, dengan peralatan keselamatan yang lebih moden, untuk menyesuaikan dengan keperluan serta perkembangan teknologi semasa.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, sistem pengesanan letupan dan senjata yang digunakan di lapangan-lapangan terbang di negara ini ialah

dengan menggunakan mesin x-ray, pintu pengesan logam (metal door detector), alat pengesan logam tangan (hand held metal detector) dan alat pengesan letupan.

- (c) Alat-alat keselamatan yang digunakan oleh Jabatan Penerbangan Awam tidak berupaya secara khusus mengesan bahan letupan plastik.

KEMATIAN NELAYAN MALAYSIA DI PERAIRAN

35. Datin Ling Chooi Sieng minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada benar atau tidak terdapat nelayan Malaysia telah ditembak oleh Polis Marin sebuah negara jiran kerana mereka telah disyaki menangkap ikan di perairan negara tersebut; dan
- (b) jika benar, apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya kejadian seperti ini tidak berulang lagi.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:

- (a) Memang ada kes tembakan yang mengakibatkan kematian ke atas nelayan Malaysia tetapi ianya amatlah kecil sahaja. Kes yang berlaku ialah terhadap sebuah Bot Pukat Tunda dari Hutan Melintang di mana seorang nelayan telah mati. Namun begitu, adalah tidak pasti pihak mana yang bertanggungjawab. Kejadian ini adalah di bawah siasatan pihak Polis.

Sehubungan dengan ini, mana-mana nelayan yang menangkap ikan di perairan negara adalah melakukannya atas risiko sendiri dan pihak Kerajaan tidak dapat berbuat apa-apa

sekiranya mereka ini ditahan oleh pihak berkuasa negara yang berkenaan.

Oleh yang demikian para nelayan tempatan adalah dinasihatkan supaya hanya menangkap ikan di perairan Perikanan Malaysia dan jangan mencerobohi perairan mana-mana negara jiran. Pada amnya keselamatan para nelayan adalah terjamin.

- (b) Pihak berkuasa khususnya semua agensi penguatkuasaan Maritim termasuk Jabatan Perikanan sentiasa mengadakan rondaan laut dan pengawasan udara yang berkoordinasi untuk menentukan pengawasan yang maksimum di perairan perikanan Malaysia. Dengan cara ini perlindungan yang rapi dapat diberikan kepada para nelayan tempatan untuk menentukan yang keselamatan mereka tidak terancam. Dengan cara ini juga bot-bot asing akan dapat dihalang daripada mencerobohi perikanan Malaysia.

Setakat ini tiada kejadian di mana nelayan Malaysia telah ditembak di dalam kawasan perairan Malaysia tetapi jika mereka mencerobohi perairan negara jiran maka mereka terpaksa menghadapi risikonya termasuk kemungkinan ditembak oleh pihak berkuasa negara jiran.

EAEG—PENUBUHAN

36. Tuan Yim Chee Cheong minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah manfaat yang dapat dikecapi oleh Malaysia dengan penubuhan "East Asian Economic Group" (EAEG);
- (b) setakat mana pencapaian atau perkembangan rancangan EAEG ini; dan

- (c) berikan nama negara-negara di benua Asia yang telah memberikan sokongan terhadap penubuhan EAEG.

Tuan Chua Jui Meng: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab bagi pihak Kementerian saya oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dalam Dewan yang mulia ini ketika dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Kota Melaka pada 18 Jun, 1991. Jawapan tersebut juga telah meliputi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan Lembah Pantai pada 17 Jun, 1991, kawasan Kuala Kedah pada 17 Jun, 1991 dan 18 Jun, 1991, kawasan Klang pada 17 Jun, 1991, kawasan Machang pada 19 Jun, 1991, kawasan Arau pada 19 Jun, 1991, kawasan Kepong dan kawasan Larut pada 27 Jun, 1991, kawasan Tumpat pada 10 Julai, 1991 dan kawasan Sibu pada 12 Julai, 1991 dan 18 Julai, 1991. Oleh yang demikian saya tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

PENYAKIT KOKO DI SARAWAK

37. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa terdapat ramai petani koko di Sarawak sedang menghadapi serangan penyakit pada tanaman mereka. Kalau sedar, apakah langkah-langkah Kementerian untuk menawan "Penyakit Koko" ini.
- (b) sama ada Kementerian ingin menubuhkan sebuah Institut Penyelidikan Koko untuk mencari jalan mengatasi penyakit-penyakit ini? Kalau ada, bila, kalau tidak, mengapa?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:

Bagi menjawab soalan (a):

Kerajaan memang sedar tentang masalah penyakit dan makhluk perosak yang menyerang tanaman koko di Sarawak. Langkah-langkah positif telah dan sedang diambil untuk mengurung dan mengawal serangan penyakit tersebut. Mengenai serangan ulat pengorek Buah Koko umpamanya, pihak Jabatan telah menjalankan program pengawalan jangka panjang di kawasan-kawasan terlibat seperti mengadakan ceramah/taklimat, menebang pokok-pokok yang dikenalpasti diserang.

Bagi menjawab soalan (b):

Kementerian Pertanian berpendapat jentera dan agensi-agensi yang ada adalah mencukupi bagi mengawal dan mengatasi masalah ini. Apa yang lebih penting ialah penjagaan tanaman dari segi pembajaan, kawalan perosak/rumpai, cantasan dan lainnya hendaklah cukup sempurna. Selain daripada itu hasil koko boleh ditingkatkan melalui penanaman pokok-pokok cantuman seperti klon-klon koko MARDI.

PENAPISAN FILEM DI SIARAN TV

38. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Penerangan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menentukan filem-filem yang menggambarkan perkosaan dan seks tidak disiarkan, khususnya, memandangkan filem-filem tersebut akan memberi kesan negatif atas kanak-kanak.

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman:

- (1) Semua filem-filem yang hendak ditayangkan akan ditonton tapis terlebih dahulu oleh Lembaga Penapis Filem. Dalam penapisan filem, semua unsur-unsur yang difikirkan akan memberi kesan negatif akan dipotong mengikut

garispanduan-garispanduan yang ditetapkan oleh Lembaga dan ini termasuklah filem-filem yang menggambarkan babak-babak perkosaan dan seks. Di samping itu semua filem-filem ditonton tapis sekali lagi oleh RTM sebelum disiarkan supaya ianya sesuai dengan matlamat RTM dalam memberi hiburan dan didikan kepada para penonton.

- (2) Penapisan filem yang dibuat oleh Lembaga Penapisan Filem amat berkesan. Lembaga ini berjaya mengurangkan kepada tahap yang minimum unsur-unsur seks, keganasan dan jenayah.
- (3) Di samping itu juga Lembaga Penapisan Filem mengawal dan menapis filem-filem yang berkemungkinan merosakkan keharmonian bangsa dan menolak filem-filem yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama, serta filem-filem yang menonjolkan pengaruh-pengaruh politik atau ideologi yang bertentangan dengan aspirasi serta citarasa rakyat di negara ini.

PENDATANG HARAM KE MALAYSIA

39. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah bilangan pendatang-pendatang haram yang telah masuk ke Malaysia sehingga ke akhir Mei 1991;
- (b) berapakah bilangan pendatang-pendatang haram yang telah dihantar kembali ke negara asal sehingga Mei 1991;
- (c) di manakah penempatan pendatang-pendatang ini yang bekerja di Malaysia dan adakah mereka menimbulkan masalah sosial dan keselamatan; dan

- (d) bolehkah Kementerian memberi pecahan jumlah pendatang-pendatang haram mengikut negara asal mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):

- (a) Kerajaan setakat ini tidak dapat memastikan akan jumlah sebenar pendatang tanpa izin (PTI) yang telah masuk ke negara ini kerana kemasukan mereka ke sini adalah secara tidak teratur.
- (b) Jumlah PTI yang telah diusir keluar dari tahun 1985 hingga Mei 1991 adalah berjumlah 228,945 orang.
- (c) Kerajaan juga tidak dapat memastikan tempat-tempat mereka ini bekerja di sini kerana mereka sering sahaja berpindah-randah. Tindakan mereka ini ialah untuk mengelakkan daripada dikesan/ditangkap oleh pihak berkuasa. Mengenai masalah sosial dan keselamatan, Kerajaan memang sedar akan perkara ini dan segala usaha dan tindakan-tindakan yang sesuai telah dan akan diambil bagi menentukan ianya tidak menjejaskan atau memudaratkan ketenteraman awam serta keselamatan negara.
- (d) Jumlah PTI yang telah ditangkap dari Januari hingga Mei 1991 adalah berjumlah 20,732 orang. Pecahan mereka adalah seperti berikut:

<i>Warganegara</i>	<i>Jumlah (orang)</i>
(i) Indonesia	16,881
(ii) Thailand	1,298
(iii) Myanmar	682
(iv) India	118
(v) Bangladesh	107
(vi) Pakistan	63
(vii) Philippines	1,489

(viii) Singapore	20
(ix) Brunei Darul Salam	13
(x) Sri Lanka	24
(xi) Kampuchea	7
(vii) Vietnam	15
(xiii) Taiwan	1
(xiv) Korea Selatan	3
(xv) Switzerland	2
(xvi) Republik Rakyat China	1
(xvii) Norway	1
(xviii) Jamaica	1
(ixx) Netherland	2
(xx) Jepun	4
Jumlah:	<u>20,732</u>

KEMAS—DASAR PENGAGIHAN PEMBANGUNAN

40. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood mint Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) apakah dasar pengagihan peruntukan Program Kemajuan Masyarakat (KEMAS);
- (b) berapakah jumlah peruntukan pembangunan untuk projek kegiatan Kemajuan Masyarakat melalui gotong-royong yang disalurkan kepada KEMAS bagi Rancangan Malaysia Keenam; dan
- (c) berapakah peruntukan yang disalurkan oleh KEMAS bagi aktiviti-aktiviti bagi tujuan menghadapi pilihanraya kecil DUN Bayu baru-baru ini.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:

- (a) Dasar pengagihan peruntukan Program Kemajuan Masyarakat (KEMAS) adalah berasaskan kepada keadaan sosio-ekonomi sesuatu kawasan:
- (i) 3K (a) Kehendak
(b) Keperluan
(c) Keupayaan

- (b) Peruntukan Pembangunan untuk projek kegiatan KEMAS melalui gotong-royong bagi Rancangan Malaysia Keenam masih belum diputuskan.
- (c) KEMAS tidak menyalurkan apa-apa peruntukan bagi tujuan menghadapi pilihanraya kecil DUN Bayu baru-baru ini.

PUSAT PEMULIHAN AKHLAK DI PULAU JEREJAK

41. Tuan Haji Buniyamin bin Yaacob minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar Kerajaan akan memindahkan Pusat Pemulihan Akhlak di Pulau Jerejak ke tempat lain. Jika benar, apakah rasionalnya bagi Kerajaan untuk menutup terus pusat tersebut di pulau itu. Apakah rancangan Kerajaan selanjutnya terhadap pulau tersebut jika pusat itu ditutup.

Tuan Ong Ka Ting: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang hampir sama telah pun saya jawab pada 18.6.1991 yang lalu iaitu soalan dari Yang Berhormat Bukit Mertajam. Oleh itu saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

PEMERIKSAAN POST-MORTEM ATAS MAYAT ORANG ISLAM

42. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan peka bahawa orang Islam tidak setuju jenazah anggota keluarga dibedah siasat oleh hospital kerana ia bertentangan dengan hukum dan adab terhadap jenazah. Atas alasan apa maka masalah ini tidak diberi perhatian oleh Kerajaan; dan

- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk membuat dasar mengecualikan jenazah orang Islam dari dibedah siasat atau apa juga perbuatan yang boleh dianggap menyiksa mayat. Jika ada, bila.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Post-mortem dilakukan atas perintah pihak polis seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 330 Kanun Acara Jenayah. Pada biasanya, pihak polis mengeluarkan perintah tersebut ke atas mayat-mayat yang berkaitan dengan kes jenayah, kemalangan jalan raya dan kes-kes yang tiada dapat ditentukan sebab-sebab kematian. Apabila arahan sedemikian dikeluarkan, maka pegawai perubatan adalah dikehendaki menjalankan pemeriksaan 'post-mortem' ke atas mayat tersebut untuk menentukan sebab kematian. Bagi kes-kes ini, pegawai perubatan tidak mempunyai kuasa untuk mengecualikan mayat tersebut dari pemeriksaan 'post-mortem'.
- (b) Pada tahun 1985, satu Jawatankuasa Mengakaji Amalan Post-Mortem Mayat telah ditubuhkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada Kementerian Kesihatan, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Polis Negara, Jabatan Bomba, Ahli Parlimen dan Pakar Rujuk Islam. Jawatankuasa tersebut telah mengeluarkan garis-panduan yang telah diedarkan kepada semua hospital untuk panduan semua kakitangan yang terlibat.

PANEL PENASIHAT PERPADUAN NEGARA

43. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan berkenaan dengan Panel Penasihat Perpaduan Negara yang baru-baru mengadakan mesyuarat pertamanya di Kuala Lumpur, dan sebutkan:

- (a) ahli panel yang mewakili pelbagai lapisan masyarakat dan kaum di negara ini masing-masing;
- (b) tujuan melantik mereka; dan
- (c) mengapa parti-parti Pembangkang dan badan-badan tekanan tidak dijemput menjadi ahli Panel tersebut.

Dato' Napsiah binti Omar:

- (a) Ahli-ahli Panel Penasihat Perpaduan Negara tidak dilantik untuk mewakili mana-mana lapisan masyarakat atau kaum. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mereka yang dilantik adalah terdiri daripada bijak pandai negara yang berkemampuan menyumbangkan idea-idea bagi memantapkan perpaduan masyarakat di negara kita.
- (b) Tujuan melantik ahli-ahli Panel ini ialah untuk membantu dan menasihatkan Kerajaan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan perpaduan negara.
- (c) Ahli-ahli parti politik dan badan-badan tekanan tidak dijemput oleh kerana Kerajaan yakin bahawa Panel Penasihat Perpaduan Negara akan lebih berkesan dalam menjalankan tugasnya jika ahli-ahlinya adalah bebas dari ikatan politik atau lain-lain kepentingan.

DASAR PERTAHANAN NEGARA

44. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) penukaran dasar pertahanan Malaysia selepas tekanan dari Perang Teluk; dan
- (b) sama ada Kementerian Pertahanan akan menimbang untuk membuat khidmat ketenteraan kebangsaan wajib bagi semua belia Malaysia demi untuk menguatkan lagi perpaduan dan pertahanan kebangsaan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):

- (a) Kajian semula yang dibuat ke atas Dasar Pertahanan Negara (DPN) tidak ada kaitan langsung dengan apa yang dinyatakan sebagai kesan tekanan dari Perang Teluk baru-baru ini. Kajian dari masa ke semasa perlu dibuat atas kesedaran bahawa berdasarkan kepentingan-kepentingan pertahanan dan strategik serantau yang berubah-ubah sejak kebelakangan ini. Perubahan-perubahan itu dan kepentingan kepada pendekatan Pertahanan Negara memerlukan juga perubahan yang sewajarnya kepada DPN supaya ianya dapat menggariskan peranan, kemampuan dan struktur ATM yang jelas untuk mempertahankan negara ini.
- (b) Izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Lumut pada 23 Julai, 1991 mengenai perkara yang sama. Sebagaimana yang pernah dinyatakan pada masa-masa lalu di Dewan yang mulia ini suka saya menegaskan

sekali lagi bahawa Kementerian saya tidak bercadang untuk menimbang/mengadakan khidmat ketenteraan wajib buat masa ini.

PERUNTUKAN SUKAN KE SEKOLAH-SEKOLAH

45. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah sebab sekolah-sekolah tidak diberi peruntukan untuk kegiatan sukan serta pembinaan kemudahan-kemudahan sukan seperti padang main bola keranjang dan sebagainya;
- (b) apakah sebabnya Jabatan Pendidikan tidak membayar elaun dan tuntutan seperti sewa hotel dan sebagainya kepada guru-guru di kawasan Baram apabila mereka menjalankan tugas-tugas rasmi mereka seperti semasa mereka datang ke Pejabat Pendidikan dari Ulu untuk menguruskan masalah dan keperluan sekolah-sekolah di mana mereka bertugas; dan
- (c) apakah sebab pihak Jabatan Pendidikan tidak dapat memberi peruntukan seperti minyak kepada guru-guru yang bertugas di kawasan pedalaman untuk meringankan beban kos perjalanan mereka pergi ke sekolah-sekolah di mana mereka bertugas khususnya di kawasan pedalaman.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Dakwaan sekolah-sekolah tidak diberikan peruntukan untuk kegiatan sukan serta pembinaan kemudahan-kemudahan sukan seperti padang permainan dan

sebagainya adalah tidak benar. Pada tahun 1990 dan tahun-tahun sebelumnya, amaun yang diberikan untuk sesebuah sekolah menengah dan sekolah rendah adalah mengikut gred sekolah.

Pada tahun 1991 dan tahun-tahun yang akan datang, peruntukan diberi melalui Bantuan Pendidikan Jasmani berasaskan kepada enrolmen dan kadar yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

Berhubung dengan pembinaan gelanggang permainan, pada tahun 1986 - 1990 Jabatan Pendidikan Sarawak telah membaiki dan membina sebanyak 32 gelanggang untuk sekolah-sekolah dengan jumlah kos \$1.5 juta.

- (b) Perbelanjaan bagi guru-guru yang menjalankan tugas-tugas rasmi di luar sekolah, mereka dibayar tuntutan elaun makan, elaun lojing/hotel dan elaun perjalanan. Mereka yang menggunakan bot sendiri untuk perjalanan rasmi dibayar kos petrol yang telah digunakan. Pada tahun 1990 amaun yang diberikan kepada guru-guru di daerah Baram untuk tujuan tersebut adalah sebanyak \$247,800.
- (c) Menurut peraturan Kerajaan tambang atau kos perjalanan kakitangan Kerajaan hanya boleh dibayar oleh Kerajaan bagi perjalanan-perjalanan rasmi atau lain-lain perjalanan yang dibenarkan/diluluskan oleh Kerajaan atas sebab-sebab tertentu, oleh itu tiada peruntukan untuk kos bagi perjalanan pergi balik ke sekolah di mana mereka bertugas.

INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA

46. Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) peratusan bilangan industri kecil dan sederhana berbanding dengan peratusan bilangan industri-industri besar di kawasan-kawasan Pembangunan Wilayah;
- (b) strategi Kerajaan untuk membawa dan mewujudkan industri kecil dan sederhana di kawasan-kawasan Wilayah; dan
- (c) strategi yang khusus untuk membangunkan industri kecil dan sederhana bagi kawasan-kawasan kampung tradisi.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, di kawasan pembangunan wilayah kini terdapat 533 buah industri. Daripada jumlah ini, 401 atau 75% adalah terdiri daripada industri kecil dan sederhana sementara 132 atau 25% adalah terdiri daripada industri besar.
- (b) Kerajaan telah menggunakan strategi berikut untuk membawa industri kecil dan sederhana ke kawasan pembangunan wilayah:
 - (i) Mengenalpasti kawasan tertentu bagi menempatkan industri kecil dan sederhana.
 - (ii) Menyediakan beberapa insentif dan kelonggaran-kelonggaran tertentu.
 - (iii) M e m p e r h e b a t k a n promosi menggalakkan pelaburan perindustrian.

(c) Dalam membangunkan industri kecil dan sederhana bagi kawasan-kawasan kampung tradisi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar merangkakan strategi khusus seperti berikut:

- (i) Membangunkan perkampungan industri di Pusat-pusat Pertumbuhan Desa (PPD) yang terpilih. Di perkampungan industri ini akan diadakan pelbagai kemudahan infrastruktur asas seperti tapak dan bangunan kilang, perparitan, air, elektrik, jalan dan lain-lain kemudahan asas.
- (ii) Melatih dan mewujudkan usahawan/pengusaha tempatan yang berkewibawaan untuk mengambil peluang-peluang yang disediakan oleh pihak Kementerian dan lain-lain agensi Kerajaan.
- (iii) Memberi panduan jenis-jenis industri yang boleh dimajukan di kampung tradisi sama ada menggunakan sumber tempatan atau non-tempatan.
- (iv) Menyediakan insentif kepada pengusaha/usahawan dalam bentuk bantuan mesin/peralatan bagi memulakan satu industri atau meningkatkan kemampuan industri yang sedang dijalankan.
- (v) Membantu menyediakan kemudahan-kemudahan pemasaran dan promosi bagi barangan keluaran pengusaha/usahawan tersebut.

TENAGA KERJA DI INDUSTRI

47. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah tenaga buruh yang semakin meruncing khususnya di kilang-kilang elektronik; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap kilang-kilang yang mengeksploitasi tenaga buruh dengan menawarkan bayaran upah yang rendah dan tidak mempunyai insentif sampingan yang menggalakkan.

Dato' M. Mahalingam:

- (a) Langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah tenaga kerja di industri merupakan tanggungjawab majikan dan Kerajaan. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu mengatasi kekurangan tenaga pekerja di kilang-kilang elektronik termasuklah:
 - (i) membantu membekalkan tenaga kerja yang diperlukan oleh majikan melalui bantuan dan perkhidmatan Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia;
 - (ii) Menggesa majikan memberikan kadar upah dan elaun yang lebih menarik kepada pekerja-pekerja di samping mewujudkan suasana kerja yang lebih selesa;
 - (iii) menggalakkan majikan menyediakan rumah-rumah pekerja yang lebih selesa serta lengkap dengan lain-lain kemu-

dahan asas seperti perubatan dan pengangkutan.

Di samping itu Kerajaan sentiasa menggalakkan sektor swasta melatih pekerja-pekerja mereka sendiri khususnya pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir. Bagi tujuan tersebut Kerajaan telah melaksanakan Skim Potongan Cukai Dua Kali bagi perbelanjaan latihan. Kerajaan telah juga menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan dan Pekerjaan untuk mengkaji masalah tersebut. Hasil daripada kajian yang dijalankan beberapa langkah telah dicadang dan sedang dilaksanakan oleh agensi-agensi latihan sektor awam untuk melatih pekerja-pekerja mahir dengan mencukupi.

- (b) Kerajaan sentiasa menggalakkan majikan memberikan upah pada kadar yang berpatutan kepada pekerja-pekerja mereka. Namun demikian, kadar upah ini adalah bergantung kepada persetujuan di antara kedua belah pihak, iaitu pekerja dan majikan. Sekiranya pihak pekerja tidak berpuashati dengan tawaran gaji tersebut, mereka adalah bebas untuk menolak tawaran tersebut dan bekerja dengan majikan yang lain. Walau bagaimanapun, apabila perjanjian yang menetapkan kadar upah dan lain-lain syarat telah dipersetujui oleh majikan dan pekerja sama ada melalui perundingan bersama atau secara perseorangan, maka kedua-dua belah pihak adalah terikat kepada perjanjian bersama tersebut. Pekerja-pekerja akan diberi perlindungan sewajarnya di bawah Undang-undang Buruh jika majikan gagal mematuhi sesuatu perjanjian yang telah dipersetujui.

PROJEK HIDRO-ELEKTRIK DI SARAWAK

48. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) butir-butir tentang Projek Empangan Hidro-elektrik raksasa yang dicadangkan di kawasan Pelagus, Negeri Sarawak;
- (b) adakah pihak Kerajaan bercadang membuat Environmental Impact Assessment Study sebelum pelaksanaan projek tersebut, seperti yang dikehendaki di bawah Environmental Quality Control Act; dan
- (c) sumber kewangan untuk projek tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Rancangan untuk mengadakan projek-projek janakuasa hidro di Negeri Sarawak dan kajiannya dimulakan dari tahun 1982, tetapi kita tidak mengambil apa-apa keputusan berkenaan dengan projek tersebut. Pada 20.5.1991 saya dan pegawai-pegawai Kementerian dan Perbadanan Perbekalan Letrik Sarawak telah melawat beberapa tempat yang berpotensi untuk mengadakan projek janakuasa hidro seperti berikut:

1. Murun
2. Pelaga
3. Bakun

Ketiga-tiga tempat yang telah dilawati merupakan tempat yang semuai untuk diadakan projek hidro elektrik berkenaan. Pada masa kini, satu rombongan pakar-pakar sedang membuat kajian kemungkinan termasuk impak persekitaran dan kos. PPLS telah membuat kajian dengan menggunakan perunding-perunding dari luar negeri di Murun. Pada mulanya, hasrat Kerajaan

bukanlah untuk menimbulkan masalah-masalah persekitaran atau ekologi tetapi untuk membawa air dari Murun melalui terowong ke satu paras 700 kaki tinggi untuk menjanakan kuasa sebanyak 800 mw. Setakat ini, selepas kajian permulaan, kajian selanjutnya belum lagi dibuat. Semenjak lawatan saya ke Sarawak, Kerajaan telah mengambil sikap yang serius untuk menjana hidro elektrik di Murun. Kerajaan berpendapat Murun adalah satu tempat yang paling sesuai untuk projek ini kerana tidak akan timbul sebarang masalah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek Murun akan dirancang bagi implementasi sesudah kajian lengkap telah dibuat. Dengan projek ini bekalan elektrik akan dibekalkan ke Sarawak dan Sabah. Butir-butir yang selanjutnya akan diberi setelah keputusan muktamad dibuat oleh Kerajaan bagi melaksanakan projek ini di Murun.

PELATIH ANGKATAN NELAYAN LAUT DALAM

49. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah jumlah Pelatih Angkatan Nelayan Laut Dalam (ANLD) yang telah dilatih sejak mula diperkenalkan (akhir 1987) hingga Mac 1991. Dari jumlah itu berapa ramaikah pelatih ANLD yang bekerja dengan syarikat atau sektor berikut:

- (a) Syarikat K & I
- (b) Syarikat MDFC
- (c) Bot Laut Dalam Tempatan
- (d) Sektor lain (nukan perikanan)
- (e) Menganggur.

Tuan Mohd. Shariff bin Omar: Jumlah pelatih Angkatan Nelayan Laut Dalam (ANLD) yang telah dilatih sejak mula latihan ini diperkenalkan (akhir 1987) hingga Mac 1991 adalah 586 orang.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian, dari sejumlah 586 orang bekas pelatih didapati:

- (i) 17.8% bekerja di atas bot laut dalam (termasuk Syarikat K & I dan MDFC).
- (ii) 45.2% masih melibatkan diri dalam sektor lain yang berkaitan dengan industri perikanan seperti bekerja di atas bot perikanan laut pantai, peraih ikan, penternak ikan dan sebagainya.
- (iii) 27.4% bekerja di dalam sektor ekonomi lain (bukan perikanan).
- (iv) 9.6% difahamkan tidak bekerja (menganggur). Mereka tidak berminat untuk bekerja di mana-mana sektor.

KILANG MERCUN DAN BUNGA API YANG BERPOTENSI

50. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kilang mercun dan bunga api yang sedang beroperasi di negara kita, dan sejak bila kilang-kilang tersebut beroperasi; dan
- (b) apakah Kerajaan akan terus membenarkan kilang mercun yang sedang beroperasi meneruskan operasinya, dan adakah Kerajaan akan mengeluarkan permit/lesen untuk permohonan baru membina kilang tersebut.

Tuan Chua Jui Meng:

- (a) Setakat ini terdapat 4 buah syarikat yang diluluskan Lesen Pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 untuk mengeluarkan bunga api

dan mercun. Daripada jumlah tersebut, hanya 3 syarikat yang sedang beroperasi.

Syarikat-syarikat berkenaan ialah:

- (i) *Star Sparklers Sdn. Bhd.*

diluluskan lesen berkuatkuasa pada 15.10.1976. Syarikat ini beroperasi di Seberang Prai. Keluaran yang diluluskan ialah bunga api 'sparklers', dengan izin

- (ii) *Bright Sparklers Sdn. Bhd.*

diluluskan lesen berkuatkuasa pada 12.8.1977 keluaran yang diluluskan ialah 'parklers'.

- (iii) *Matan Maju Fireworks Sdn. Bhd.*

lesen berkuatkuasa pada 24.12.1987 keluaran yang diluluskan ialah bunga api dan mercun dan syarikat disyaratkan mengeksport semua keluarannya.

Satu lagi syarikat yang telah diluluskan Lesen Pengilang untuk keluaran bunga api dan mercun masih belum beroperasi (iaitu syarikat HSR Holdings Sdn. Bhd.)

- (b) Kerajaan tidak bercadang untuk menutup kilang-kilang yang diberi lesen dan sedang beroperasi dan telah mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa.

Walau bagaimanapun, selaras dengan dasar Kerajaan permohonan-permohonan baru untuk menubuhkan kilang bunga api dan mercun tidak akan dipertimbangkan. Sehubungan

dengan itu, bagi keluaran bunga api dan mercun keputusan telah dibuat untuk mengeluarkan barangan tersebut daripada senarai produk yang digalakkan, dengan izin, promoted product list di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1990.

BUDAYA DAN PENGETAHUAN ISLAM KEPADA PELANCONG

51. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) ada atau tidak usaha dibuat bagi mengenalkan budaya dan pengetahuan Islam kepada para pelancong asing. Dan apakah usaha-usaha tersebut;
- (b) sejauh mana pada pandangan Menteri para pelancong asing peka mengenai pantang larang Islam dan sejauh mana perhatian mereka terhadap Islam; dan
- (c) mengapa Kementerian tidak terfikir bahawa industri pelancong boleh dijadikan agensi dakwah dan jika boleh, apakah tindakan selanjutnya.

Dato' Abdul Raman bin Suliman:

- (a) Kementerian ini tidak membuat sebarang usaha secara langsung bagi memperkenalkan budaya dan pengetahuan Islam kepada para pelancong asing. Bagaimanapun, Kementerian ini ada mendedahkan unsur-unsur Islam melalui projek-projek Tahun Melawat Malaysia seperti Ekspo Tamadun Islam, yang mana boleh dihadiri oleh pelancong asing.
- (b) Memang pelancong asing peka mengenai pantang larang Islam terutama sekali apabila melawat ke tempat-tempat suci Islam.

- (c) Fungsi dakwah adalah dimainkan oleh agensi yang khusus dan oleh itu tidak wajar Kementerian ini memainkan peranan yang sama.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KEENAM 1991-1995

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan pencapaian yang ketara ke arah matlamat sosio-ekonomi dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima;

merestui usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan kepada pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama dan matlamat yang terkandung di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

meluluskan Rancangan Malaysia Keenam yang bertujuan untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan tanggungjawab kita dalam Dasar Pembangunan Nasional, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 9 Tahun 1991;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Keenam, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk terus berusaha dengan lebih gigih dan penuh keazaman selaras dengan semangat Rukunegara, ke arah mewujudkan masyarakat yang bersatupadu dan adil serta membentuk sebuah negara yang progresif dan teguh. (19hb Julai, 1991)

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri diminta sambung.

3.35 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, mengikut amalan sekarang syarat mengadakan penyertaan ekuiti bumiputera sebanyak 30% itu hanya akan dikenakan semula sekiranya penurunan di bawah 30% itu disebabkan oleh pengeluaran syer-syer baru.....

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 14(1), yang menentukan mengenai Aturan Urusan Mesyuarat. Awam-awal lagi kita telah menetapkan bahawa perbahasan Rancangan Malaysia Keenam tamat pada hari Jumaat dan kita tidak diberi tahu bahawa masa akan dilanjutkan untuk perbahasan atau untuk membolehkan Menteri-menteri menggulung perbahasan. Ertinya bahawa perbahasan Rancangan Malaysia Keenam sudah tamat pada hari Jumaat dan oleh kerana kecuaiian Kerajaan (front bench), (*Tepuk*) maka usul Rancangan Malaysia Keenam sudah lapsed (*Tepuk*) dan kalau mahu untuk dikemukakan semula, patut ada satu usul yang baharu. Kita tidak tentang, tetapi itulah Peraturan yang patut diikuti.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bersabit dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, sebenarnya pada hari Jumaat yang lalu sepertimana yang disebutkan oleh Tan Sri Tuan Yang di-Pertua sendiri bahawa

penggulungan akan disambung pada hari ini dan selepas Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab, kemudiannya, Yang Berhormat Menteri Kewangan akan membuat penggulungan. Sekian. Sila sambung.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Di bawah 30% itu disebabkan oleh....

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat. Saya baharu check *Hansard* - Penyata Rasmi Parlimen - tidak ada pengumuman oleh Tuan Yang di-Pertua bahawa perbahasan ini akan dilanjutkan untuk membolehkan Menteri-menteri meneruskan perbahasan. Tidak ada - saya cari sana sini. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua menunjukkan mana itu sebagai satu panduan kepada kita?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Untuk makluman Yang Berhormat dari Tanjong dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain, pada mukasurat 126, kalau Yang Berhormat dari Tanjong meneliti apa yang terkandung pada mukasurat tersebut, maka termaklumlah apa yang saya sebutkan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 14. Apa yang dicatat di dalam *Hansard* ialah:

“Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin pada pukul 2.30 petang”.

Ini Mesyuarat bukan perbahasan. Perbahasan sudah lapsed, sudah lupus oleh kerana masa yang ditetapkan sudah habis tanpa satu usul untuk melanjutkannya. Kita bukan mahu menafikan peluang Yang Berhormat

Menteri Kewangan untuk menjawab. Ia sudah buat persediaan, itu kita tahu, (*Ketawa*) tetapi kita mahu ikut peraturan. Sepatutnya satu cadangan, satu usul untuk melanjutkan perbahasan. Itu tidak ada dalam ini, dan saya ada di sini. Saya tunggu dan kita semua terperanjat. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pun terperanjat—habis. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kita tunggu usul untuk melanjutkan masa, tetapi Yang Berhormat Menteri Kewangan pergi Prai—berkempen. (*Ketawa*) Itu paling mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat Menteri, sila buat satu Usul.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bagi pihak Kerajaan mengusulkan supaya perbahasan Rancangan Malaysia Keenam disambung pada hari ini untuk membolehkan satu, dua Kementerian memberi jawapan. Untuk penjelasan, memang saya tidak ke Prai pada petang itu. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Saya boleh sokong. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga Ketua Pembangkang. (*Ketawa*) Yang Berhormat Menteri diminta sambung.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Di bawah 30% itu, disebabkan oleh pengeluaran syer-syer baru untuk membiayai sesuatu cadangan perolehan. Dengan penjelasan ini, soal manipulasi perangkaan seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang sebenarnya tidak timbul sama sekali.

Kerajaan mempunyai kredibiliti yang sangat baik di kalangan ramai pihak dari dalam dan luar negeri dari segi data dan maklumat pembangunan negara. Oleh itu, jika Ahli Yang Berhormat berkenaan tidak menerima atau tidak puas hati dengan anggaran-anggaran mengenai hakmilik yang ditunjukkan dalam Rancangan Malaysia Keenam, maka terpulanglah kepada pihak beliau untuk mengemukakan statistik-statistik mereka sendiri. Sesungguhnya dakwaan Yang Berhormat yang mengaitkan soal statistik mengenai pemilikan ekuiti dengan Kerajaan adalah suatu yang tidak profesional.

Pihak Pembangkang juga ada menyentuh soal keseimbangan gunatenaga di antara sektor swasta dengan sektor awam. Pada pandangan Kerajaan, soal ini mestilah dilihat dalam perspektif yang betul supaya matlamat yang ditetapkan akan dapat dicapai dalam konteks yang tepat. Terdapat masalah-masalah tertentu di masa lepas yang menyebabkan sektor awam mengambil lebih ramai pegawai dan kakitangan bumiputera manakala sektor swasta pula mengambil lebih ramai bukan bumiputera.

Dengan pelaksanaan DEB, memang terdapat kemajuan yang menggalakkan ke arah memperbaiki ketidakseimbangan ini. Walau bagaimanapun, dari perangkaan-perangkaan yang telah ditunjukkan dalam dokumen Rancangan Malaysia Keenam, adalah jelas bahawa pencapaian yang benar-benar bermakna masih belum dicapai, lebih-lebih lagi di kalangan syarikat-syarikat swasta kecuali di peringkat bawahan. Oleh yang demikian, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk terus memperbaiki ketidakseimbangan yang masih wujud untuk memastikan bahawa proses pembetulannya berjalan dengan lebih positif selaras dengan penekanan yang diberi kepada peranan utama sektor swasta di bawah Dasar Pembangunan Nasional.

Yang Berhormat Ketua Pembangkang juga telah menyatakan kebimbangannya sama ada kadar pengangguran 4.5% menjelang tahun 1995 dapat dicapai seperti yang diunjurkan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Saya ingin meyakinkan beliau dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang juga meragunya bahawa jikalau kadar pertumbuhan ekonomi yang dijangka sebanyak 7.5% ini dapat dicapai dalam tempoh tersebut, sebanyak 1.13 juta pekerjaan baru akan dapat diwujudkan. Berdasarkan kepada jumlah ini, kadar pengangguran dijangka dapat dikurangkan kepada 4.5% menjelang tahun 1995. Saya juga ingin memaklumkan bahawa penurunan kadar pengangguran yang sedikit iaitu daripada 6.9% dalam tahun 1985 kepada 6% dalam tahun 1990 hendaklah ditafsirkan dalam konteks yang betul.

Sekiranya perbandingan hendak dibuat mungkin lebih wajar dibandingkan kadar pengangguran 8.3% bagi tahun 1986 iaitu selepas negara mengalami kemelesetan ekonomi dengan kadar pengangguran 6% bagi tahun 1990. Berdasarkan kepada angka ini, adalah jelas kadar pengangguran telah berkurang dengan banyaknya bagi tempoh beberapa tahun sahaja dalam rancangan yang lalu.

Sebenarnya sebanyak hampir satu juta pekerjaan telah dapat diwujudkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima walaupun di permulaan tempoh pelaksanaan rancangan tersebut, negara telah mengalami kemelesetan ekonomi yang teruk.

Untuk mencapai matlamat gunatenaga dalam Rancangan Malaysia Keenam ini, saya ingin menyeru kepada parti-parti Pembangkang untuk sama berusaha bagi meningkatkan pembangunan ekonomi negara supaya lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan. Saya juga berharap agar pihak Pembangkang tidak meracuni jiwa

rakyat serta memberi gambaran yang pesimistik terhadap masa hadapan ekonomi negara.

Seperti yang sering saya sebutkan, pelaburan sektor swasta terutamanya pelaburan asing amat bergantung kepada keadaan politik dan sosial yang stabil. Sekiranya kestabilan berterusan dan semua pihak bersama-sama berusaha dengan gigih untuk menjayakan Rancangan Malaysia Keenam, saya penuh yakin kita boleh mencapai matlamat mengurangkan kadar pengangguran kepada 4.5% iaitu paras yang boleh dikatakan sebagai paras gunatenaga penuh atau, dengan izin, full employment.

Yang Berhormat Ketua Pembangkang juga telah mencadangkan supaya kempen dilancarkan untuk menarik rakyat Malaysia profesional yang telah berhijrah ke negara lain pulang ke Malaysia bagi membantu membangunkan ekonomi negara sepertimana dilaksanakan oleh Korea Selatan dan Taiwan. Dewan ini tentunya bersetuju dengan saya bahawa rakyat Malaysia bebas pergi ke mana-mana negara yang mereka suka dan bebas kembali ke negara ini untuk mencari peluang ekonomi yang lebih baik. Walau bagaimanapun, saya kurang pasti bahawa masyarakat kita dapat menerima kembali mereka yang opportunist dan yang hanya memikirkan kesenangan diri mereka sendiri.

Perkara ini telah banyak kali disebut-sebut, namun sehingga masa ini Kerajaan tidak mempunyai sebarang dasar untuk menggalakkan mereka untuk kembali ke negara ini kerana mereka bukanlah seperti rakyat Malaysia yang lain yang sanggup bersama-sama bersusah payah merasa kepayahan hidup semasa negara menghadapi kemelesetan ekonomi. Sebenarnya negara kita telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam tiga tahun kebelakangan ini mengatasi negara-negara lain di dunia

tanpa mereka ini. Jadi, tidaklah payah kita memanggil mereka kembali ke negara ini. Sekiranya kita memerlukan kepakaran ahli profesional dan cerdik pandai, kita mempunyai pilihan yang lain iaitu dengan mendapatkannya dari negara lain. Proses ini memangnya berlaku di mana para profesional dari negara lain mula berjinak-jinak untuk mendapat pekerjaan di negara ini. Pokoknya yang penting adalah wujudnya kestabilan ekonomi dan politik dalam negara dan peluang pekerjaan dan upah yang baik di negara kita.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai peruntukan yang disediakan bagi negeri-negeri. Secara keseluruhannya, semua negeri mendapat peruntukan yang lebih tinggi dari yang diperuntukan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Kita tidak seharusnya membuat perbandingan secara langsung peruntukan di antara satu negeri dengan yang lainnya memandangkan saiz satu-satu projek itu berbeza dan faedahnya kepada rakyat juga berbeza. Dalam pada itu, faedah yang akan dinikmati oleh sesebuah negeri itu akan juga dinikmati oleh negeri-negeri lain kerana ianya menyediakan kemudahan untuk semua, umpamanya.....

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan (Machang): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ada yang bangun. Ahli Yang Berhormat dari Machang.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Saya tidak ada masa, kerana kita hari ini telah memakan masa untuk Rang Undang-undang yang lain yang akan dibahaskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila teruskan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Umpamanya, peruntukan yang tinggi bagi Wilayah Persekutuan, Selangor dan Johor adalah disebabkan oleh projek-projek yang besar seperti pembesaran pusat-pusat pengajian tinggi, lapangan terbang, pelabuhan dan projek infrastruktur fizikal yang lain yang boleh memberi manfaat kepada semua rakyat Malaysia secara langsung atau tidak langsung. Kebanyakannya adalah projek-projek untuk faedah nasional seperti projek industri berat, keselamatan dan sebagainya.

Sebenarnya beberapa kriteria digunakan dalam menentukan keutamaan satu-satu projek. Antaranya, kesediaan pelaksanaan, keupayaan meningkatkan lagi aktiviti ekonomi dan potensi yang ada serta kesesuaian dengan faedah perbandingan atau, dengan izin, comparative advantage, sumber negeri tersebut.

Mengenai projek berbagai negeri pula, ianya merupakan projek-projek yang memberi faedah kepada seluruh negara. Projek-projek bagi berbagai negeri juga telah dikenalpasti dan oleh itu tidak timbul isu penyalahgunaan seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang.

Ramai dari Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi perhatian kepada negeri-negeri kurang maju seperti negeri-negeri Kelantan dan Terengganu. Semasa penyediaan RRJP1 dahulu, ramalan dibuat bahawa nisbah KDNK per kapita negeri Kelantan kepada purata negara akan meningkat daripada 0.47 pada tahun 1970 kepada 0.68 pada tahun 1990. Ramalan tersebut dibuat dengan andaian kadar pertumbuhan yang tinggi dijangka dialami terutama untuk sektor pembuatan dengan penglibatan dan sokongan berkesan sektor swasta.

Walau bagaimanapun, penglibatan sektor swasta dalam kegiatan ekonomi di negeri-negeri kurang maju adalah tidak menggalakkan ekoran daripada

tarikan yang lebih kuat untuk menempatkan industri di negeri-negeri perindustrian yang telah maju di Pantai Barat yang telah tersedia dengan asas ekonomi yang kukuh dan sumber-sumber yang tersedia.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telahpun melaksanakan berbagai program pembangunan yang besar di negeri-negeri kurang maju seperti Kelantan, terutamanya pembangunan infrastruktur untuk meningkatkan tahap pembangunannya. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan akan terus berusaha untuk mengagihkan pembangunan antara wilayah supaya menjadi lebih seimbang. Namun, kita tidak dapat lari daripada hakikat kepesatan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi sesebuah negeri adalah bergantung kepada asas ekonomi yang sedia ada dalam sumber yang dimiliki.

Walaupun nisbah KDNK per kapita negeri Kelantan kepada purata negara dijangka berkurang sedikit daripada 0.40 pada tahun 1990 kepada 0.39 pada tahun 1995, namun pertumbuhan KDNK negeri tersebut sebanyak 7.5% adalah setanding dengan kadar pertumbuhan purata negara. Pengurangan nisbah KDNK per kapita negeri kepada purata negara adalah disebabkan oleh kadar pertumbuhan penduduk negeri yang lebih tinggi daripada purata negara. Walaupun negeri-negeri Terengganu, Sabah dan Sarawak mendapat hasil berikutan daripada pengeluaran petroleum, tetapi struktur asas ekonomi negeri-negeri berkenaan dan kegiatan ekonomi penduduknya adalah masih bergantung kepada sektor pertanian tradisi dan menyebabkan kadar kemiskinan isirumah di kalangan rakyat negeri-negeri berkenaan adalah agak tinggi. Walau bagaimanapun, untuk negeri-negeri seperti Terengganu, Sabah dan Sarawak, sebahagian besar peruntukan adalah untuk membiayai program pembangunan infrastruktur asas supaya menjadikan negeri-negeri

tersebut lebih menarik kepada para pelabur untuk meningkatkan kegiatan perindustrian di negeri-negeri tersebut.

Program pembangunan Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Keenam akan ditumpukan kepada usaha mempelbagaikan asas ekonomi negeri-negeri kurang maju dan memperluaskan infrastruktur fizikal, ekonomi dan sosial untuk meningkatkan tahap pembangunan dan daya tarikan negeri-negeri kurang maju kepada pelaburan swasta. Usaha-usaha juga diambil untuk meningkatkan tahap pembangunan ekonomi negeri Sabah dan Sarawak serta mengatasi masalah kemiskinan di negeri-negeri tersebut.

Satu matlamat penting pembangunan wilayah di bawah Rancangan Malaysia Keenam ialah meningkatkan integrasi negeri-negeri Sabah dan Sarawak dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Di samping itu, Kerajaan sedang melaksanakan beberapa projek untuk membangunkan Labuan sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa dan ini dijangka dapat mendorong pertumbuhan yang lebih pesat kedua-dua negeri tersebut di masa depan.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah menyentuh mengenai projek pembahagian gas di Terengganu. Kerajaan telah membuat keputusan untuk melaksanakan rangkaian pembahagian gas, dengan izin, gas reticulation secara penswastaaan. Rangkaian pembahagian ini akan dilaksanakan berperingkat-peringkat dan meliputi kawasan-kawasan di sepanjang laluan saluran paip Projek Penggunaan Gas Semenanjung Fasa Kedua atau PGU II. Ahli Yang Berhormat tersebut juga mencadangkan agar aliran paip gas meliputi kawasan Besut dan Dungun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu kajian kemungkinan akan dijalankan untuk memastikan kesesuaian projek tersebut bagi kawasan Besut dan Dungun.

Selain dari isu-isu ekonomi, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang telah membangkitkan soal penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, jenayah pecah amanah, percanggahan kepentingan, amalan tidak beretika dan salahlaku. Walau bagaimanapun, setakat ini Badan Pencegah Rasuah tidak ada menerima maklumat mengenai kes-kes yang disebut itu.

Akhirnya, saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan usul Rancangan Malaysia Keenam. Segala cadangan yang membina akan diambil kira dalam pelaksanaan strategi dan program seperti yang disyorkan dalam rancangan tersebut. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk dari parti-parti Pembangkang memberi sokongan dan sama-sama berusaha menjayakan rancangan ini kerana kekesan dan manfaat dari satu-satu rancangan itu adalah terletak kepada keupayaan menjadikan matlamat yang diharapkan sebagai kenyataan. Semoga dengan izin Allah subhanahuwata'ala, kita akan dapat menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju, makmur dan indah dan akan menjadi kebanggaan kepada generasi akan datang untuk mewarisinya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Kewangan.

3. 54 ptg.

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan penghargaan kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran dan pandangan terhadap Kementerian Kewangan semasa membahaskan Rancangan Malaysia Keenam.

Sebelum saya teruskan, saya perlu beri penjelasan terhadap komen Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bahawa saya tidak hadir pada hari Jumaat, oleh yang demikian mesyuarat ditangguhkan. Saya telah dimaklumkan bahawa memang mesyuarat ditangguhkan jam 6.30 petang dan memang saya bersedia untuk menjawab pada hari Jumaat. Saya tidak bertolak ke Prai sepertimana kesibukan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang panik mengenai perkembangan di Prai. *(Tepuk)*

Walaupun Perdana Menteri dalam jawapannya minggu lalu telah menyentuh sepintas lalu beberapa perkara yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, saya bercadang untuk menyentuh dengan cara lebih spesifik lagi tentang apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan beberapa rakan yang bersekongkol dengan beliau tentang skandal yang telah berlaku selama ini. Perkara yang disebut skandal itu telahpun dijawab walaupun tidak memuaskan hati dan perasaan Ahli Yang Berhormat. Ini ialah kerana pandangan beliau serong dan terpancar dari kepentingan politik yang sempit, tidak mempedulikan fakta, bahkan saya berani menyatakan bahawa tidak ada, dengan izin, intellectual honesty sama sekali. *(Tepuk)* Beliau menggunakan ruang ini untuk mencela, menyerang orang yang ada di Dewan dan tidak ada di Dewan dan kalau inilah pertandanya dan sikap Ahli Yang Berhormat, maknanya harapan kita untuk mempunyai Pembangkang yang bertanggungjawab tidak akan wujud. *(Tepuk)*

Kerajaan tidak berhasrat untuk menyembunyikan apa-apa maklumat dari pihak Pembangkang atau hendak memesongkan rakyat. Penjelasan akan kita berikan, telah kita berikan, umpamanya apa yang disebut sebagai skandal Bank Bumiputra Yang Ketiga. Skandal yang pertama dan yang kedua itu sepatutnya Yang Berhormat lebih arif kerana dia boleh dapat maklumat

yang terperinci dari Yang Berhormat dari Gua Musang. Tetapi oleh kerana maklumat skandal yang ketiga ini dibangkitkan, saya ingin jelaskan di sini....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Berilah habis ayat ini dahulu!

Tuan Lim Kit Siang: Bukan skandal ketiga. Sebelum kita sampai skandal ketiga Bank Bumiputra, apa itu skandal yang kedua? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi Dewan ini butir-butir mengenai skandal Bank Bumiputra yang kedua oleh kerana sehingga sekarang Kerajaan Barisan Nasional belum bertanggungjawab dalam perkara ini di mana sungguhpun PETRONAS ambalilah Bank Bumiputra, selepas 5 tahun, lagi ada kerugian lebih daripada \$1,000 juta di bawah tanggungjawab Kerajaan Barisan Nasional kini. Apa yang berlaku dalam skandal Bank Bumiputra yang kedua?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya hendak rujuk skandal yang ketiga yang disebut oleh Yang Berhormat dari Tanjong ini, kemudian kita boleh sambung perbincangan. Kerajaan tidak mempertahankan apa-apa tindakan sama ada pegawai, siapa juga yang dianggap bertentangan dengan peraturan atau, dengan izin, irregular. Mereka yang terlibat pasti akan didakwa, bukan untuk memenuhi sikap dan perasaan atau kemarahan Ahli Yang Berhormat dari kalangan Pembangkang. Kita harus bertindak berdasarkan maklumat dan fakta. Sebab itulah sepertimana yang saya tegaskan dalam kenyataan akhbar minggu lalu, perkara ini yang melibatkan Bumiputra Securities telahpun selesai diselidiki dan kes ini akan dibicarakan di mahkamah, biarlah mahkamah yang memutuskan. Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak sabar,

bukan sahaja untuk menyalahkan semua, tetapi untuk menyinggung Kerajaan. Bila kita katakan kerugian \$72 juta, dia ada maklumat lain, kata dia, rugi \$180 juta. Daripada mana, saya tak tahu, kerana dari keterangan yang diperolehi, kenyataan kita membuktikan bahawa kerugian \$72 juta, kita jawab \$72 juta, dia kata \$180 juta. Saya cabar dia untuk beri keterangan \$70 juta yang tambahan itu dari mana? *(Tepuk)*

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Jangan penjelasan. Saya cabar jawab dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Ya, tentulah boleh jawab dan kalau Tuan Yang di-Pertua boleh beri kebenaran, saya boleh berdiri untuk menyahut cabaran bila-bila pun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa Kerajaan akan ambil tindakan dan sesiapa yang bersalah akan dihadapkan ke Mahkamah. Saya mahu tanya kenapa ada orang yang nampaknya immuned daripada penyiasatan termasuk Tan Sri Basir Ismail di mana beliau ada kata bahawa beliau tidak pernah disoal siasat. Beliau pun menafikan kecurangan itu berlaku di bawah jagaannya apabila sebenarnya mengikut kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Executive Chairman Bank Bumiputera perkara itu berlaku semasa Tan Sri Basir Ismail memegang jawatan sebagai Pengerusi dan sungguhpun ada kenyataannya di sini bahawa dengan izin, "between September 1989 and March 1990, several transactions of BBMB Securities Berhad wholly owned subsidiaries of the bank had been found to be irregular", tetapi Tan Sri Basir Ismail kata tidak, beliau tidak tahu, ia berlaku selepas dia letak jawatan dan

bukan sahaja dia kata bahawa tidak ada orang yang soal siasatnya, Yang Berhormat Menteri Kewangan pun kata tidak pernah menyiasatnya. Bukankah ini menunjukkan bahawa ada orang-orang atau individu-individu dalam Barisan Nasional immuned daripada apa-apa penyiasatan sungguhpun Yang Berhormat Menteri Kewangan kata siapa yang salah akan dihadapkan ke Mahkamah.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Bagaimana beliau akan dihadapkan ke Mahkamah kalau dia pun tidak boleh disoal siasat oleh pihak Polis? (*Tepuk*)

Seorang Ahli: Jawablah dahulu!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya memang tahu Yang Berhormat dari Tanjong sekarang dia penyakit allergy terhadap nama Basir, tidak boleh sebut langsung nama itu, dia naik marah! Memang sebenarnya saya akan menyentuh beberapa masalah yang disentuh oleh beliau kerana saya mahu dia lebih bertanggungjawab lagi.

Soal pertama saya ialah dari maklumat yang diperolehi dari audited accounts mengatakan \$72 juta kerugian, dia kata \$180 juta, itu yang pertama.

Yang kedua, penjelasan saya mengenai Tan Sri Basir tidak ada langsung kenyataan yang mengatakan bahawa beliau itu terkecuali atau dengan izin, immuned dari apa-apa investigations. Pihak berkuasa mempunyai kebebasan penuh untuk bertanya sesiapa sahaja. Saya buat kenyataan berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh pihak yang berkuasa bahawa mereka tidak ada alasan untuk mendapat keterangan kerana keterangan diperolehi dari subsidiary companies sudah mencukupi dan tindakan sudah pun diambil. Yang dia geram sangat

mesti paksa satu dua orang itu kena investigate, sebab apa? Dia tak minta kawan-kawannya diinvestigate. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga telah menyentuh perkara yang kedua. Oleh kerana perkara yang pertama ini ada hubungan dengan kes mahkamah, maka saya ingin tamatkan peringkat itu sahaja dahulu.

Yang kedua ialah mengenai Ahli Parlimen dari Merbok, bekas Menteri....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, okay! Sebelum pergi tajuk yang baru, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini berapa orang akan didakwa di mahkamah dalam perkara BBMB Securities oleh kerana kita dengar bahawa beberapa orang akan ditangkap, akan disaman, tetapi apa yang kita tahu ialah mereka bukan oleh kerana insider trading, tetapi oleh kerana illegal trading. Illegal trading ialah illegal trading, insider trading ialah insider trading, kita mahu tahu berapa orang akan dihadapkan ke mahkamah dan kenapa penyiasatan sampai satu tahap sahaja cukup. Cukup bukti, kalau ada bukti yang lebih atasan, kenapa tidak mahu terus untuk siasat dan ambil tindakan?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Pemerintahan, saya sudah sebut, dia mesti ikut rule of law, bukan rule of the jungle macam DAP rule! (*Tepuk*) Dia ikut undang-undang. Sekarang ini saya sudah buat kenyataan dari maklumat yang saya perolehi dari pihak-pihak yang bertanggungjawab termasuk Jabatan Peguam Negara dan Pendaftar Syarikat, ada bukti mereka akan dihadapkan dan kenyataan saya mengatakan bahawa saman telah diperolehi. Saman sudah diperolehi dan tarikh pun sudah ditetapkan. Sama ada akan ditambah kemudian dan sebagainya itu kita ikut sahajalah perkembangannya nanti.

Yang penting sekarang yang salah itu dihadapkan ke mahkamah atau tidak. Kalau Yang Berhormat kata hendak bantu, ada maklumat tambahan untuk implicate orang lain, dia boleh beri kerjasama. Dia boleh beri kerjasama, tetapi jangan oleh kerana dia geram dengan satu dua orang atau allergic dengan satu dua orang dan satu dua orang tidak ditangkap, dia tidak boleh tidur lama, that is not my problem, Tuan Yang di-Pertua. Dia boleh tidur atau tidak boleh tidur bukan masalah saya. *(Tepuk)* Orang yang salah kita mesti hadapkan di mahkamah, tetapi yang tidak salah, yang belum tahu ke mana tak salah dia hendak buat hukuman, mana boleh!

Tuan Lim Kit Siang: *(Bangun)*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ini saya kata kita ada undang-undang tertentu, ini bukan macam cara dia mentadbir DAP - salah atau tidak salah dia hendak pecat, dia pecat! *(Ketawa)* Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung, kemudian saya akan.....

Tuan Lim Kit Siang: Dalam perkara ini belum habis!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Apa tak habis lagi? Sudah jelas!

Tuan Lim Kit Siang: Oh, cukup?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Jangan takut!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tak habis, memang belum habis. Kes ini akan dihadapkan di mahkamah dengan keterangan semua pihak.

Tuan Lim Kit Siang: Keterangan ini dalam Parlimen belum habis!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya hendak jelaskan di sini Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Lim Kit Siang: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Biar saya jelaskan dahulu, duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam perkara ini dahulu....

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Duduk dahulu!

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum masuk tajuk yang baru!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya jelaskan. Kita ada undang-undang, Tuan Yang di-Pertua. Dia kata mesti caj....

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar ya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Macam mana dua-dua berdiri ini?

Tuan Lim Kit Siang: *(Menyampuk)*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Fasal dia tak ikut peraturan!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya minta kepada Yang Berhormat dari Tanjong, sila duduk ya.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Macam Setiausaha Agung DAP, dia bercakap mana orang berani sentuh? Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan, caj yang dibuat akhirnya ditentukan, ditetapkan berapa haribulan Ogos dan di situ disebut caj, yang secara khusus kita belum tahu, itu terserah kepada Jabatan mengikut maklumat. Kita tidak boleh caj kerana kita ingin caj orang itu ikut undang-undang tertentu. Kita kena caj ikut kesalahannya ataupun kadang-kadang kita suspect ada kesalahannya, tetapi tidak ada bukti. Jadi ini terserahlah kepada pihak yang berkenaan dan yang bertanggungjawab membuat urusan mereka. Ini dia Ketua Pembangkang, dia hendak caj, dia hendak jadi hakim, rosak negara, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya hendak sentuh fasal banyak perkara, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Lagi pun banyak perkara saya hendak adil!

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Tanjong, diminta duduk!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Banyak perkara, Tuan Yang di-Pertua, mengenai setiap perkara, saya akan beri peluang untuk dia bangun pada tiap-tiap tajuk.

Tuan Lim Kit Siang: Apa peluang? Dia tak beri peluang semasa saya berdiri!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Dia sudah guna lebih dua jam, kita dengar dia, saya hendak jawab lima minit pun dia tak beri kebenaran.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, kalau tak boleh jawab 10 jam!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Tanjong!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tak ada, saya tak akan jawab 10 jam, tak payah jawab 10 jam!

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk, dia tak beri jalan. (*Disampuk*) Dia tak beri jalan, jadi Peraturan Mesyuarat kita jelas, dia tak beri jalan, dia tak beri.

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya sudah beri enam kali. First point, saya akan beri dia 20 kali atau 30 kali pun boleh beri, tetapi biarlah ada hadnya. Kalau tidak, dia seorang sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Tanjong....

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya sudah jawab kes ini mengecewakan Yang Berhormat dari Tanjong, kerana dia tidak percaya Kerajaan hendak ambil tindakan dan dia fikir mustahil Kerajaan hendak hadapkan sesiapa ke mahkamah, Tuan Yang di-Pertua. Dia tersilap langkah, kerana dia ingat cara kita mentadbir ialah cara-cara sahabat-sahabatnya mentadbir. (*Tepuk*) Kalau ada salah, kita tidak melindungi sesiapa. Sekarang ini ada kes diselidiki dan kita percaya bila didedahkan di mahkamah besok, orang akan dapat maklumat dan siapa yang bersalah akan dihukum. Yang memutuskan hukuman itu ialah mahkamah, bukan Ketua Pembangkang! (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu berani, beri jalanlah! (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Tanjong, sila duduk!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Soal yang kedua ialah tuduhan beliau mengenai bekas Menteri Kewangan—bukan Menteri Kewangan yang dahulu—yang baru ini iaitu Ahli Parlimen dari Merbok, yang dikatakan menguasai 6 buah bank tempatan melalui tiga percantuman. Saya telah jelaskan bahawa perkara ini tidak benar. Undang-undang Akta Bank dan Institusi Kewangan atau BAFIA adalah ketat dalam hal pemilikan saham-saham bank. Seseorang individu tidak boleh memiliki lebih 10% saham dalam sebuah institusi kewangan manakala pegangan oleh sebuah syarikat tidak boleh melebihi 20%.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyentuh tentang penggunaan syarikat-syarikat nominee untuk melanggar Akta Bank. Dalam Dewan ini saya telah memberi penjelasan. Beliau cuba mempertikaikan kenyataan Pendaftar Syarikat dan penjelasan tentang fahaman kita mengenai Akta Bank yang menjelaskan dengan terang bahawa seseorang yang ingin memiliki lebih dari 5% dari saham institusi kewangan memerlukan kelulusan pihak berkuasa. Bank Negara selama ini dan akan terus meminta identiti pemegang saham syarikat nominee. Oleh itu, kemungkinan seseorang menguasai lebih daripada sebuah institusi kewangan melalui Syarikat Nominee tidak berbangkit.

Seksyen 69(o) Akta Syarikat juga membolehkan pihak berkuasa mengetahui pemegang saham sebenar sesebuah Syarikat Nominee. Oleh itu, saranan untuk meminda BAFIA bagi memaksa Syarikat Nominee mendedahkan identitinya tidak berbangkit.

Yang Berhormat dari Tanjong mendakwa bekas Menteri Kewangan....

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:.... saya hendak habiskan ayat ini memberi pengecualian kepada dirinya untuk membeli 40.7% saham UMBC.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Tanjong, urusan pembelian ini telah dimulakan sebelum Ahli Parlimen Merbok menjadi Menteri Kewangan dan pada ketika itu BAFIA belum lagi diperkenalkan.

Soal bekas Menteri Kewangan memberi pengecualian kepada keluarganya untuk memiliki saham UMBC tidak berbangkit sama sekali kerana pada masa itu peraturan belum ditetapkan.

Kerajaan telah memberikan penjelasan tentang perkara ini dan tidak meyakinkan Ketua Pembangkang kerana mustahil dia yakin, kerana kalau dia beri kenyataan dia yakin, dia akan kalah di Perai. Oleh itu, saya percaya perkara yang sama tidaklah perlu dibangkitkan berulang kali....

Tuan Lim Kit Siang: Yang pertama, bukankah benar bahawa sungguhpun BAFIA tidak menjadi undang-undang pada tahun 1984, ada peruntukan-peruntukan undang-undang di mana Menteri Kewangan perlu memberi kebenaran untuk sesiapa untuk memiliki saham-saham yang begitu besar ialah 40% dalam satu bank, dan di sini kepunyaan syarikat-syarikat Yang Berhormat dari Merbok di masa itu sudah menjadi Menteri Kewangan, sungguhpun urusan (*deal*) ini dimulakan sebelum beliau menjadi Menteri Kewangan, tetapi apabila kebenaran diberikan oleh Menteri Kewangan yang diperlukan di bawah undang-undang masa itu Menteri Kewangan ialah Yang Berhormat dari Merbok. Ini bererti bahawa Yang Berhormat dari Merbok

sebagai Menteri Kewangan memberi kebenaran kepada diri sendiri untuk memiliki 40% saham dalam UMBC.

Sungguhpun kita tahu bahawa satu helah ada dibuat di mana nampaknya hujah-hujah ada diberikan bahawa kebenaran diberikan bukan oleh Menteri Kewangan, tetapi oleh Pemangku Menteri Kewangan oleh kerana masa Menteri Kewangan di luar negeri, Kabinet dipaksa untuk memberi kebenaran, tetapi mengikut undang-undangbukan Kabinet yang memberi kebenaran, Menteri Kewangan yang baru memberi kebenaran, bukan Pemangku Menteri Kewangan, bukankah ini satu conflict of interest, satu amalan yang unethicial di mana Yang Berhormat Menteri kata lawan, mahu banteras masa dahulu dalam ABIM, tetapi sekarang sudah jadi champion amalan yang unethicial, menyalahgunaan kuasa dan kecurangan-kecurangan semua ini. Itulah mengenai perkara ini.

Kedua, bukankah ini menunjukkan bahawa tindakan Menteri Kewangan yang baru di mana mempertahankan (condone) apa yang tidak sah, apa yang immorale, apa yang unethicial, bukanlah satu petanda yang baik untuk masa depan, bahawa kita ada satu Menteri Kewangan yang sebenarnya akan melaksanakan idealisma beliau sebagai pemimpin ABIM. Dan Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa di bawah BAFIA.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat panjang lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sampai kepada BAFIA. Mengenai Syarikat-syarikat Nominee, bukankah benar bahawa Syarikat-syarikat Nominee.....

TimbalanYang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar, Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Oh! dia mahu selamatkan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, ini point of order. Ini minta penjelasan atau bersyarah?

Tuan Lim Kit Siang: Mahu minta penjelasan daripada saya?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Mahu minta penjelasan atau berucap?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, suka saya memperingatkan jikalau mohon penjelasan jangan berucap panjang.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, penjelasan serupa itu.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jangan panjang Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak panjang oleh kerana ini isu yang mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya beri sedikit masa.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, okay saya terima teguran Tuan Yang di-Pertua. Dan bukankah benar bahawa ada cara di mana orang-orang atau individu-

individu yang ada perhubungan mesra dengan mereka yang berkuasa untuk menguasai bank-bank melalui Syarikat-syarikat Nominee, syarikat-syarikat proksipun, di mana tidak ada peruntukan yang cukup untuk mendedahkan identiti-identiti mereka. Kalaulah kita mahu mencegah seorang individu atau dua orang untuk menguasai bank-bank, ada peruntukan undang-undang yang lebih transparent dalam perkara ownership bank-bank.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, memang saya beri peluang kerana ini sandiwara dia begitu rupa dan memang boleh saya jawab, sebab memang ada dia punya tukang-tukang sorak dia—paid for. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, kerana Yang Berhormat dari Tanjong punya pandangan ini bukan baru, sudah berpuluh kali kita dengar, sudah banyak tahun kita dengar, ini seperti siaran lagu lama unchanged melody *(Tepuk)* Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Kit Siang: Serupa Yang Berhormat sudah change daripada ABIM masa ABIM.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Lagu lama ini. Dan kita jawab. Saya soal ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak seperti sahabat Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

Saya sudah jadi Menteri Kewangan, insya Allah nampaknya boleh terus sebentar lagi, conscience saya clear, saya tidak ada kepentingan dalam mana-mana syarikat atau nominee atau apa-apa *(Tepuk)*. Saya tidak ada hubungan dengan syarikat-syarikat perniagaan sepertimana sahabat-sahabat beliau, sekarang atau dahulu. Jadi saya boleh menjawab dan saya berani menjawab dan saya akan pertahankan dan pertanggungjawabkan apa yang saya perkatakan. Soalnya sekarang dia tanya dan saya jawab berdasarkan fakta.

Faktanya ialah sama ada bertentangan dengan peraturan dan undang-undang pada masa itu, jawab saya 'tidak', kerana BAFIA diperkenalkan satu tahun setelah keputusan itu dibuat pada tahun 1984. Soalan yang kedua,

Tuan Lim Kit Siang: *(Bangun)*
(Disampuk)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Dengarlah saya jawab, sabarlah sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: *(Bangun)*
(Disampuk)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: You want me to reply or not?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak tahu, saya boleh beritahu.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Bukan faham bahasa puak-puak dia ini. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat belum diberi....

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Kita jawab, bagi peluang dia bangun, kita duduk dengar, tidak ganggu, kita hendak jawab soalan dia, soalan tambahan, bukan ucapan dia yang berjam-jam dahulu ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, jangan mengelirukan Dewan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya tidak kelirukan.

Soalan yang kedua, ialah keputusan pemegang saham itu memerlukan kelulusan Menteri Kewangan. Saya jawab bahawa pada ketika itu—ini diketahui juga oleh Yang Berhormat

bahawa urusan perjanjian pembelian telah dibuat lama sebelum Yang Berhormat dari Merbok menjadi Menteri Kewangan. Sebaik sahaja beliau menjadi Menteri Kewangan perkara ini mahu diputuskan. Beliau tidak hadir, bahkan di luar negeri dan Pemangku Menteri Kewangan pada masa itu meluluskan....

Tuan Lim Kit Siang: Disengajakan bukan?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:..... dan ini..... soal sengaja atau tidak sengaja saya jawab point of fact. You hendak fakta, saya beri fakta, you suka tidak suka, itu your business (*Tepuk*), yang dibangkitkan ialah sama ada saya bertanggungjawab tentang fakta atau tidak? Saya beri fakta, fakta itu kebetulan tidak mendokong tuduhan beliau. Itu nasib beliau. Lain kali jangan membuat kenyataan melulu, tidak bertanggungjawab, jangan gunakan ruang demokrasi merata kampung dan maki hamun orang, tuduh semua orang rasuah, tetapi kalau kawan-kawan dia yang terlibat, dia selindungi sepenuhnya. Ini yang saya marah. Kalau dia consistant benar-benar, mungkin saya hormat dia sedikit. Dahulu saya hormat dia sedikit, now, no more, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) (*Tepuk*)

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian tentang point itu.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri jalan, Kepong bangun.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ini gergasi yang besar pun kita boleh hadapi, yang kecil-kecil hendak ganggu apa? (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri jalan?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya hendak habiskan ayat ini. Oleh yang demikian, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tentang conflict, kepentingan itu tidak timbul kerana kitatelah jelaskan perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Kepong minta jalan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Bolehlah.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita sama-sama di pentas—tidak kecil, sekarang saya jadi orang kacil (*Ketawa*). Itulah pertukaran sikap sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bertenang.

Dr Tan Seng Giaw: Dahulunya saya cakap dia sokong juga, dia cakap saya sokong juga, sekarang tidak ada dah! hormat tidak ada dah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Apa penjelasannya, Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, apa soalnya itu?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, jadi orang lain itu saya gunakan perkataan 'tukang sorak' sahaja. 'Pak-pak turut', 'pak-pak lang' begitulah. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ingatkan kembali kepada nada dan suara sebelum beliau belum menjadi Menteri Kewangan, semasa kami bersama-sama lagi di universiti, beliau pernah berkata....

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Point of order. Saya minta Tuan Yang di-Pertua mengarahkan Yang Berhormat dari Kepong mengajukan arahannya. Minta penjelasan, bukan berucap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila kemukakan untuk penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: Sebelum saya minta penjelasan....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak mukaddimah.

Dr Tan Seng Giaw: Memang saya terpaksa adakan satu pra-kata.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, jangan buang masa.

Dr Tan Seng Giaw: Memang Yang Berhormat Menteri Kewangan masyhor dengan pra-kata.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kepong....

Dr Tan Seng Giaw: Di dalam Universiti pun pernah saya dengar....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat....

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup, sila duduk! Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya pun sambung, kerana saya beri kebenaran dia tanya soalan tambahan, tetapi dia hendak jadi penglipur lara. (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh mengenai apa yang telah dijelaskan dengan panjang lebar oleh Perdana Menteri mengenai kepentingan apa yang dikatakan kepentingan UMNO dalam Renong....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila duduk! Dia tidak beri jalan, sila duduk!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya sudah beri masa...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jangan ganggu Yang Berhormat....

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Yang Berhormat dari Kepong, saya tidak tarik balik, saya beri peluang dia tanya soalan. Dia beri.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat..... (*Disampuk*)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tentang UMNO dan Syarikat Renong, Tuan Yang di-Pertua, ini penting. Saya telah jelaskan....

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat, tidak ada kuasa sesiapa selepas beri jalan, boleh tarik balik. Tidak perlu pinda Peraturan Mesyuarat ini sebelum dia ada kuasa tarik balik. Dia ada hak lagi..... (*Disampuk*)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:
Saya tak tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat, sebentar, saya akan membuat ruling. Termaktub di dalam Peraturan Mesyuarat, Yang di-Pertua mempunyai kuasa yang tidak termaktub di sini untuk memberi keputusan. Saya telah putuskan, Yang Berhormat tidak boleh minta penjelasan lagi. Saya juga mengingatkan di sini jangan mengganggu, kalau belum beri jalan. Saya akan menggunakan kekerasan yang diberikan kepada saya di sini, kuasa yang muktamad. *(Tepuk)*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana, faham undang-undang. *(Ketawa)* Tentang andaian bahawa Renong itu kepunyaan UMNO oleh yang demikian semua di dalam syarikat Renong atau UEM pohon secara automatik dapat diperolehi. Saya ingin menjelaskan bahawa kita akan menganggap Renong atau UEM atau mana-mana syarikat lain sebagai syarikat-syarikat biasa. Yang buat bid mereka dan kalau harganya kompetitif, munasabah, kita akan berikan. Tidak harus ada prasangka terhadap mereka kerana kebetulan mereka syarikat Melayu yang besar. Ada orang yang rasa tidak puas hati kerana kebetulan Renong merupakan satu Malay success story, Tuan Yang di-Pertua. *(Disampuk)* Tetapi saya ingin jelaskan sementara Renong memang memperolehi beberapa kontrak dari Kerajaan, Renong juga didapati tewas dalam beberapa bid yang mereka buat daripada Kerajaan. Ini tidak dibesarkan oleh Pembangkang, banyak permohonan-permohonan besar yang dipohon oleh Renong yang gagal mereka perolehi atau tidak dapati. Ini ialah kerana kita buat pertimbangan secara objektif. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Contohnya.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:
Saya boleh sebut contoh, satu projek besar yang dipohon oleh mereka dalam kes bid PETRONAS baru-baru ini di Melaka, ia tidak dapat, itu besar. Tetapi selalunya orang tidak umumkan syarikat yang tidak dapat. Tetapi Yang Berhormat dari Tanjong dia tidak erti berniaga. Orang umumkan kalau dia menang, kita perbesarlah, kalau diumumkan syarikat ini bid tidak dapat, tidak dapat, jatuhlah syernya. Saya ingat itulah tujuannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan ini soal prinsip sahaja iaitu andaian bahawa semua yang di bid oleh Renong itu diperolehi kerana UMNO punyai kepentingan. Saya hendak jelaskan ini tidak berlaku. Soal hendak bangkit, memang saya tahu, modal DAP yang terbesar oleh kerana jealousy. Ini jealousy yang boleh ambil tindakan terhadap securities firm, tetapi dia tidak mengakui, dia tidak puas hati, dia hendak tangkap semua, susahlah. Ini prinsip, saya kata saya ada conscience yang clear kalau boleh cari bukti apa kepentingan saya, nominee saya ataupun syarikat yang saya pegang. Itu pun not good enough untuk dia, kerana tidak berpakat dengan dia. Kalau yang lain, macam 46 tidak baik pun, very good, kerana pakat dengan dia. *(Tepuk)* Itu sahaja. Saya usik saja sedikit 46, tidak payah tanyalah.

Soalan Yang Berhormat dari Tanjong yang berikutnya ialah tentang management buy-out FIMA.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan semacam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu rakyat jelata percaya bahawa UMNO langsung tidak ada apa-apa kepentingan dalam apa-apa syarikat secara langsung atau tidak secara langsung melalui syarikat-syarikat nominee, oleh proxy kompeni atau individu-individu. Adakah ini apa Yang Berhormat Menteri Kewangan mahu memberi satu

gambaran sebagai satu contoh, bukannya UEM satu syarikat UMNO di mana di dalam kes Lebuhraya Utara-Selatan, Halim Saad masa itu Executive Vice-Chairman, Naib Pengurus United Engineers Malaysia dipaksa untuk buat satu affidavit dalam mahkamah di mana saya ada ambil tindakan undang-undang terhadap Kerajaan mengakui bahawa beliau memegang saham-saham dan UEM bagi pihak Hatibudi bahawa Hatibudi ialah syarikat UMNO. Sekarang kita ada Hatibudi nominee yang baru, bukannya ini semua gantian untuk agensi-agensi creature UMNO, tetapi sekarang pemimpin-pemimpin UMNO sangat pandai, halus untuk menyembunyikan tangan mereka. Adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan rela mengadakan satu siasatan terbuka atas perkara ini? Siasatan sama ada Renong, UEM sebenarnya creatures, pemimpin-pemimpin UMNO mungkin bukan UMNO, pemimpin-pemimpin individu dalam UMNO.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasihlah atas penghormatan yang diberikan oleh Yang Berhormat dari Tanjong bahawa pemimpin-pemimpin UMNO pandai. *(Tepuk)* Yang bodoh siapa, saya tidak tahu. *(Disampuk)*

Tuan Lim Kit Siang: Pandai.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Kalau pemimpin UMNO yang pandai, siapa tidak tahu.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak ada pandai, mana ada bodoh.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya tidak tuduh sesiapa bodoh, tetapi kalau kita kata kita pandai, okaylah. Walaupun begitu, saya terima baiklah.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat seperti yang dijelaskan oleh Perdana Menteri soalan pertama yang sekarang direvise

sedikit. Apakah UMNO punyai syarikat? Saya jawab seperti yang dijelaskan oleh Perdana Menteri, tidak. Kalau Yang Berhormat hendak tahu sejarahnya dahulu, saya tidak tahu, boleh tanya Bendahari UMNO pada masa itu, sahabat beliau. Tanya sekarang, saya jawab apa yang ada sekarang. *(Disampuk)* Apa kena-mengena dengan Syarikat Abim ini pula. *(Ketawa)* Jadi, yang penting sekarang ialah begini, saya tahu ini soal sikap politik Pembangkang. Tetapi kita hendak beri penjelasan. Syarikat-syarikat harus dinilai secara objektif atas keupayaan dan kemampuan mereka. Dengan izin, saya jelaskan ada guidelines, rules, transparency dalam keputusan-keputusan kita. Kita tidak harus mendukung syarikat itu berlebihan, melainkan ada beberapa peraturan yang menyebabkan kita menyokong beberapa syarikat bumiputera. Kita juga tidak harus mempunyai prasangka terhadap mana-mana syarikat berdasarkan sikap kita terhadap tokoh-tokoh tertentu, atau oleh kerana ada ahli-ahli UMNO yang terlibat dalam perniagaan. Ini dijelaskan dan saya ingin menyambung tentang management buy-out FIMA, antara lain....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan....

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Yang Berhormat dari Tanjong telah mendakwa FIMA dijual....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Penjelasan, dia tidak beri.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu bagi pun, saya tahulah.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Banyak sudah. Yang pasti saya tidak ada syer, don't worry. Antara lain beliau mendakwa FIMA dijual pada harga yang tidak berpatutan oleh kerana Ananda Krishnan telah menjadi penjamin kepada peminjam Tan Sri Basir untuk membeli

FIMA sebagai balasan PETRONAS yang telah mengambil 51% ekuiti dalam Sri Kuda. Ketua Pembangkang berkata FIMA mempunyai 26 buah syarikat hasil jualan melebihi \$700 juta dan nilai harta adalah lebih dari \$500 juta. Ini mimpi dia. Oleh yang demikian, penjualan dengan harga \$190 juta terlalu rendah. Saya hendak jelaskan bahawa kumpulan FIMA memiliki 20 anak syarikat dan 10 syarikat sekutu. Daripada jumlah itu, 12 syarikat telah berhenti operasinya, 18 syarikat yang beroperasi, 10 memperolehi keuntungan, 8 mengalami kerugian. Hasil jualan kumpulan FIMA di peringkat kumpulan pada tahun kewangan berakhir 31 Mac, 1989 ialah \$205.7 juta. Taksiran kumpulan FIMA yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang bernilai lebih dari \$500 juta adalah tidak benar, kerana nilai harta bersih kumpulan FIMA pada tahun kewangan berakhir 31 Mac, 1989 adalah sebanyak \$296.6 juta.

Diambil kira pinjaman jangka panjang sebanyak \$159.9 juta nilai harta bersih Kumpulan FIMA berjumlah \$136.7 juta. Ini fakta bukan mengigau di siang hari, bukan tohmah pelampau Pembangkang. Saya hendak jelaskan berdasarkan fakta.

Penilaian Kumpulan FIMA yang berjumlah sebanyak \$190 juta oleh Kementerian Kewangan adalah berdasarkan nilai harta bersih Kumpulan FIMA setelah diselaraskan nilai pelaburannya dalam Syarikat United Plantation dan Nestle. Penyelarasan ke atas pelaburan tersebut pada harga pasaran telah dianggar menghasilkan lebih, lebihan nilai berjumlah sebanyak \$49.8 juta. Inilah cara kita menentukan harga, management buy-out FIMA sebanyak \$190 juta. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, kalau dia ingat nilai FIMA lebih dari itu, saya persilakan beliau menawar harga dan beli dari Tan Sri Basir. Saya percaya Tan Sri Basir boleh menimbangkan, saya tidak tahu.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya hendak habiskan tajuk ini, kemudian saya boleh beri peluang untuk penjelasan. Beliau menuduh pinjaman tersebut telah dijamin oleh Ananda Krishnan. Ini tuduhan yang melampau, tidak bertanggungjawab dan dia akan bayar padahnya selepas ini. (*Tepuk*) Ini adalah kata beliau, kerana Tan Sri Basir telah membantu dalam Syarikat Sri Kuda.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan penyertaan PETRONAS dalam projek anjuran Syarikat Sri Kuda sepertimana yang ditegaskan oleh Perdana Menteri minggu lalu, adalah atas pertimbangan komersial semata-mata dan bukan sebagai balasan atau favour sebagaimana yang disebut dan sebenarnya harga itu pun masih lagi di peringkat perundingan dan belum diputuskan, cuma Ahli Yang Berhormat dari Tanjong agak telah putus semua sudah. Selalu dia silap, saya pun kesihan kepadanya kalau hendak jawab semua.

Saya ingin mencabar Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, ini serius, kerana tuduhan beliau itu adalah salah. Tan Sri Basir tidak mendapat jaminan dari Ananda Krishnan. Oleh yang demikian saya hendak cabar Ahli Yang Berhormat dari Tanjong supaya mengulangi tuduhan tersebut di luar Dewan ini (*Tepuk*) untuk membolehkan Tan Sri Basir membela dirinya. Saya mengambil keputusan ini kerana saya telah jemu dengan sikap melampau dan pembohongan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang. (*Tepuk*) Saya semak dari fail dan rekod dan terbukti bahawa tuduhan ini salah besar. Dan ini saya kata peluang besar saya pada hari ini. (*Disampuk*) Ini bukan saya tidak simpati, tetapi apa boleh buat, kesalahannya keterlaluan, tuduhannya sudah melampaui batas yang boleh diizinkan, kena pada masanya, saya cabar beliau dan biar Tan Sri Basir bela dirinya, saya tidak mahu campur.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Batu Berendam.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat fikir, Yang Berhormat Ketua Pembangkang itu berani atau tidak membuat cabaran sepertimana cabaran Yang Berhormat katakan tadi.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang saya tahu dia tidak berani, sebab itu saya berani hari ini. (*Ketawa*) Saya telah check fakta dan saya cuma hendak ajar supaya Pembangkang biar lebih bertanggungjawab. Dia boleh serang kita, dia boleh kritik kita, tetapi buat tuduhan melulu masa demi masa, ini sudah sampai ketahap yang boleh diterima oleh sesiapa juga. Dan ini mudah-mudahanlah, bukan saya marah sangat tetapi sebagai pengajaran kepada kawan-kawan kita, jangan buat lagi perkara macam itu lain kali.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah membangkitkan masalah Koperasi Pengambil Deposit. Bank Negara tidak dapat mengambil tindakan lebih awal kerana ia tidak mempunyai kuasa. Bank Negara boleh bertindak hanya terhadap koperasi, apabila ia diberikan kuasa di bawah peraturan-peraturan perlu yang telah diwartakan pada 23 Julai 1986.

Oleh yang demikian, tuduhan Ahli Yang Berhormat bahawa Bank Negara gagal bertindak awal tidak berasas. Sebaik sahaja diberikan kuasa, Bank Negara bertindak cepat untuk melindungi wang pendeposit dengan membekukan kegiatan-kegiatan Koperasi Pengambil Deposit berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang menyatakan tentang penyenaaran KUMB di Bursa Saham Kuala Lumpur tidak dapat dilaksanakan dalam jangka masa yang singkat sepertimana yang diharapkan kerana nilai aset ketara bersih bagi setiap saham KUMB kini adalah masih negatif. Tujuan Kementerian Kewangan membenarkan MBF Finance Berhad mengambil alih Koperasi KUMB adalah bagi memberi pilihan kepada pemegang-pemegang saham KUMB sama ada mereka mahu mendapatkan balik wang mereka secara tunai berasaskan ringgit untuk ringgit dalam masa yang singkat ataupun mereka mahu menunggu lebih lama lagi untuk mendapatkan wang mereka tersebut melalui pengapungan KUMB di pasaran saham yang mungkin memakan masa lebih 10 tahun. Adalah tidak wajar untuk memaksa MBF membeli syer-syer KUMB dengan harga premium sebagaimana dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Ini adalah memandangkan bahawa nilai aset ketara bersih bagi setiap saham KUMB setakat 31hb Disember 1989 adalah negatif - 58 sen sahaja. Sebenarnya pembelian oleh MBF Finance sudahpun merupakan premium yang tinggi.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun. Hendak beri jalan?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ya.

Tuan Wee Choo Keong: Adakah Ahli Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak soal atau masalah Koperasi Pendeposit telah ditimbulkan pada awal tahun 1986 dan Bank Negara dan Menteri Kewangan tidak mengambil apa-apa tindakan oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional akan mengadakan Pilihanraya pada 3hb Ogos, 1986 dan selepas 5 hari, pada 8hb Ogos, 1986,

iaitu 5 hari selepas Pilihanraya Umum, Bank Negara membekukan 23 buah Koperasi Pendeposit dan juga pada masa itu Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaafar Hussein telah membuat satu kenyataan di dalam suratkhbar bahawa pembekuan Koperasi Pendeposit ini akan dijalankan bagi satu bulan sahaja tetapi sekarang sudah berapa tahun? Lebih daripada lima tahun. Dan mengenai wang-wang yang dimasukkan di dalam Koperasi itu, pendeposit-pendeposit tidak menerima apa-apa faedah dari deposit mereka. Adakah ini adil atau tidak kerana pada masa ini Kementerian Kewangan dan Bank Negara memberi kebenaran kepada MBF Finance untuk mengambil alih syer-syer pendeposit di dalam KUMB dengan nilai par tanpa apa-apa faedah? Ini satu tindakan yang saya kata, 'daylight robbery' kepada pendeposit di negara kita.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ini modal lapuklah. Sebab saya kata begitu, kita tahu latar belakang, bukan tanggungjawab Kerajaan. Kerajaan bantu koperasi ini. Kita jangka untuk dapat selesaikan segera, tidak dapat selesaikan kerana kita tahu masalah-masalah yang terlibat darinya. Sekarang kita dapat penyelesaian, sebahagiannya telah dapat diselesaikan, dan KUMB ini adalah di antara koperasi yang besar yang boleh diselesaikan, kita mempunyai tanggungjawab. Kita tidak boleh beri subsidi untuk pendeposit ini sebanyak ratusan juta. Ini penyelesaian yang diberikan, yang kita anggap, yang Bank Negaralah dalam penelitiannya anggap sebagai munasabah. Dan oleh yang demikian saya berikan sokongan, tetapi untuk bangkitkan balik mengapa lambat selesai, telah selesai sudahlah. Kalau belum selesai, dia tegur lagi tidak mengapalah. Kalau mengambil masa lebih daripada patut memang saya setuju.

Saya setuju sekali dengan Ahli dari Bukit Bintang, memang betul, dia mengambil masa yang agak panjang.

Tetapi dari penjelasan yang diberikan oleh Bank Negara kerana perkara ini sungguh rumit, yang melibatkan begitu ramai pendeposit dan, keduanya, jumlah yang besar, maka tentulah pihak Bank Negara akan lebih berhati-hati dan lebih bertanggungjawab lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching....

Tuan Wee Choo Keong: Minta satu penjelasan lagi. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak masalah koperasi penerima deposit ini mengakibatkan pihak Cabinet Members juga terlibat, menjadi sebagai penghutang besar di dalam koperasi penerima deposit? Adakah Yang Berhormat Menteri hendak cabar supaya saya ulangi nama-nama mereka yang terlibat, the Cabinet Members. Kalau berani cabar saya akan ulangi di dalam Dewan dan di luar Dewan juga; berani atau tidak?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Terima kasih, good trylah untuk tolong Ketua dia tadi, (*Ketawa*) tetapi tidak relevant sedikit. Kalau saya jadi Ketua Pembangkang, saya akan promote youlah. (*Ketawa*) Tetapi tak kena, sebab Yang Berhormat kata ada orang yang terlibat hutang, dia hutang, kutip pada dialah, apa kena mengena dengan saya. (*Ketawa*) Saya tak nafi, saya tak check list orang yang berhutang, Tuan Yang di-Pertua. Saya tak hutang, itu memang sure punya. Tetapi saya tak check senarai siapa yang hutang, kalau ada tak apalah. Ambillah tuntutan daripada yang siberhutang. Nak marah saya pula. (*Ketawa*) Nasib saya, Tuan Yang di-Pertua, saya kena marah dalam semua perkara yang saya tak buat.

Mengenai Ahli Yang Berhormat dari Kuching membangkitkan tentang kedudukan syarikat pembalakan Sarawak yang tidak membayar cukai pendapatan yang mencukupi selama 9 tahun yang dianggarkan bernilai \$750 juta. Saya ucap terima kasih kerana saya

anggap pandangan beliau itu bertanggungjawab kerana minta tindakan untuk mendapatkan cukai ini diperbaiki, tetapi pihak kita dari maklumat yang diperolehi dari Jabatan Hasil Dalam Negeri, mereka terus menyiasat pembalok-pembalok dan siapa juga yang disyaki melarikan diri dari membayar cukai pendapatan. Memandangkan adanya peruntukan rahsia dalam Undang-undang Cukai Pendapatan, saya tidaklah dapat memberikan nama-nama dalam kes-kes penyiasatan tersebut, tetapi saya inginlah mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching membantu memberikan maklumat-maklumat yang diperolehi untuk maksud kita mengutip cukai yang lebih.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah mencadangkan supaya diambil kira nilai halal-haram semasa merangka sesuatu rancangan pembangunan. Pembangunan bertanggungjawab berlandaskan kepentingan pembangunan rohani dan kebendaan. Kita juga faham dan saya ucap terima kasih atas kuliah beliau yang diberikan tempoh hari. Cuma saya hendak sentuh secara spesifik apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang mengenai pindaan Rang Undang-undang Kelab Lumba Kuda. Rang Undang-undang Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) (Pindaan dan Perluasan) 1991 yang dibentangkan, telah menimbulkan banyak pandangan dan juga komen *Harakah* yang berterusan.

Sebenarnya sepertimana yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri pada ketika itu, Rang Undang-undang itu adalah dengan maksud untuk menyekat dan mengawal perjudian terutama di Sabah dan Sarawak. Sarawak melalui Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa tindakan yang perlu. Perjudian di Sabah dengan lesen diberikan itu agak terlalu berleluasa. Oleh yang demikian, kita mengambil tindakan untuk membentangkan undang-undang supaya tindakan meluluskan lesen

secara berleluasa di Sabah dikawal. Tetapi apa yang telah diberitahu oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang, di sini dan juga di luar Dewan ialah bahawa kita menggunakan undang-undang ini untuk memperluaskan perjudian. Ini pada hemat saya satu fitnah. Kita boleh gunakan kebebasan Rang Undang-undang, mustahil saya akan bentangkan satu Rang Undang-undang atas nama Kementerian Kewangan untuk memperluaskan kegiatan perjudian di negara kita. Kita hanya mengenakan peraturan untuk mengawal dan tidak membenarkan Kerajaan Negeri Sabah meluluskan mana-mana lesen untuk maksud perjudian. PAS tak sepatutnya putar-belit fakta. Saya tahu ke seluruh negara mereka pergi menjelaskan bahawa kita menggunakan Rang Undang-undang ini untuk memperluaskan perjudian. Saya hanya bertanggungjawab untuk menjelaskan maksud Rang Undang-undang itu dibentangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau telah menyarankan supaya kekayaan negara harus dibahagikan dengan adil dan saksama kepada semua dalam pembahagian peruntukan pembangunan kepada semua negeri, sama ada negeri itu dikuasai oleh Barisan Nasional atau di sebaliknya. Memang inilah yang dibuat. Sabah dan Kelantan pun memang diberi peruntukan. Kawasan-kawasan yang dimenangi oleh DAP, di Kuala Lumpur dan Tanjong pun dapat peruntukan yang banyak—takkanlah kita hendak tinggalkan Tanjong di dalam negeri Pulau Pinang. Jadi, soal peruntukan tak diberikan itu tidak timbul sama sekali. Walaupun saya percaya kadang-kadang yang melampau-lampau itu kita kurang sedikitpun tak mengapa sebagai satu pengajaran.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam telah mencadangkan supaya penubuhan, dengan izin, Securities Exchange Commission sebagai sebuah

pusat serenti industri sekuriti di negara ini disegerakan. Cadangan ini memang dialu-alukan oleh Kerajaan seperti mana yang dijelaskan dalam ucapan pembentangan Rancangan Malaysia Keenam oleh Perdana Menteri. Kerajaan sedang mengkaji penubuhan SEC bagi tujuan mengambilalih dan menyelaraskan tugas-tugas yang pada masa ini dilakukan oleh FIC, CIC dan juga ROC. Kita harap badan ini dapat ditubuhkan dengan secepat mungkin, terutama bagi mengawal jenayah 'kulit putih' yang nampaknya berlaku sekarang. Tetapi sementara SEC ini diluluskan atau diwujudkan, saya memang memberi penegasan di sini dan jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam dan Ahli-ahli yang lain bahawa kita tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang lebih tegas untuk mengelakkan jenayah ini daripada berlaku tanpa terkawal dan tindakan yang diambil.

Dr Tan Seng Giaw: Bolehkah dia jelaskan apa yang dimaksudkan dengan jenayah 'kulit putih'? Adakah jenayah seperti ini selepas Menteri Kewangan yang baru yang datang untuk menyasat?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, cheap sedikitlah. Adakah patut soalan tanya macam itu? Tetapi sudah kita demokrasi, jawab sahajalah. Jenayah 'kulit putih' ini memang berlaku sebab itu Kerajaan menubuhkan Commercial Crime Division di bawah Polis. Sebab itu ROC punyai kuasa, sebab itu kita ada beberapa jentera. Sekarang ini, saya beri penjelasan bahawa kita akan terus mengambil tindakan, action ada.

Seorang Ahli: Kolar Putih

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Kolar Putih, tadi saya katakan kulit putih? Memang kulit putih pun ada juga yang dikenal di sini. (*Ketawa*)

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu membangkitkan soal inflasi yang meningkat di negara ini dan perkara ini memang kita akui dan telah dijelaskan di dalam beberapa ucapan sebelum ini dan memadailah pada peringkat ini saya nyatakan bahawa Kerajaan memang berwaspada agar inflasi yang dijangka berlaku di peringkat awal Rancangan Malaysia Keenam oleh kerana perkembangan pesat pelaburan dan penggunaan yang menyebabkan ekonomi beroperasi di tahap, dengan izin, full capacity, tidak melambung sehingga di luar kawalan kita. Langkah-langkah telah diambil bagi mengatasi kekurangan bekalan dengan memberi kelonggaran kepada import dan dengan meningkatkan Keluaran Dalam Negeri serta mengawal kenaikan harga barang-barang keperluan dan perkhidmatan di samping menggalakkan kawalan ke atas upah.

Pada masa yang masa langkah-langkah fiskal dan kewangan akan diambil jika perlu untuk mengelakkan tekanan inflasi. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu juga menyebut tentang defisit yang kita alami walaupun eksport yang tinggi. Ahli Yang Berhormat tentu maklum bahawa sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, kita tidaklah dapat mengawal sepenuhnya untuk menentukan kita sentiasa memperolehi lebih dalam akaun luar negara kita. Defisit bukan satu perkara yang membimbangkan sekiranya defisit itu di tahap yang dianggap, sustainable, dengan izin, tetapi saya ingin memberi jaminan bahawa kita memang mengawasi kerana pengimportan yang diperlukan boleh dipertahankan tetapi pengimportan barang-barang mewah yang berlebihan haruslah dikawal dengan lebih ketat. Sekiranya kita meneliti struktur import kita, nyatalah

kita lebih banyak mengimport barang-barang modal dan perantaraan. Pada tahun 1990, import barang-barang ini merupakan 77% dari jumlah import barangan. Langkah-langkah akan tetap diambil untuk mengurangkan import, terutama sepertimana yang saya sebutkan tadi barang-barang penggunaan dan perantaraan dengan menggalakkan lebih banyak pengeluaran tempatan. Selain daripada itu, susah diteruskan bagi mengurangkan deficit akaun perkhidmatan melalui perkembangan industri pelancongan, perkapalan dan insurans. Peruntukan yang agak besar memang disediakan dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk tujuan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Segamat telah mencadangkan supaya masyarakat India diberikan lesen bank-bank, lesen syarikat kewangan dan syarikat insurans. Saya ingin menegaskan bahawa kita tidak bagi lesen ikut warna kulit, syarikat-syarikat diberikan lesen dan saya percaya ada juga yang melibatkan orang-orang India dan kita tidak menghalang bahkan memberikan galakan supaya penyertaan masyarakat India juga berlaku dalam institusi-institusi tersebut. Oleh yang demikian, perkara yang dicadangkan itu tidaklah berbangkit.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ramai yang lain telah menyentuh beberapa perkara tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya tidak boleh menyentuh semua perkara satu-persatu. Walau bagaimanapun, saya ingin memberikan ucapan penghargaan saya. Terima kasih atas pandangan dan teguran yang disampaikan kepada Kementerian Kewangan dan, insya Allah, kita akan memberi perhatian yang lebih terhadap cadangan dan teguran yang dikemukakan. Terima kasih. *(Tepuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya adalah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan pencapaian yang ketara ke arah matlamat sosio-ekonomi dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima;

merestui usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan kepada pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama dan matlamat yang terkandung di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

meluluskan Rancangan Malaysia Keenam yang bertujuan untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan tanggungjawab kita dalam Dasar Pembangunan Nasional, seperti yang dibentangkan dalam Ketas Perintah Bil. 9 Tahun 1991;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Keenam, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk terus berusaha dengan lebih gigih dan penuh keazaman selaras dengan semangat Rukunegara, ke arah mewujudkan masyarakat yang bersatupadu dan adil serta membentuk sebuah negara yang progresif dan teguh.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH-MAHKAMAH ANAK NEGERI (BIDANG KUASA JENAYAH)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan urusan mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang (*28hb Jun, 1991*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila sambung jawapan.

4.51 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat nampaknya kurang faham akan maksud Rang Undang-undang berkenaan.

Suka saya menerangkan sekali lagi bahawa tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberi bidangkuasa kepada Mahkamah-mahkamah Anak Negeri, negeri Sabah dan Sarawak untuk menjatuhkan hukuman denda ataupun pemenjaraan bagi kesalahan-kesalahan jenayah di bawah Ordinan Mahkamah Anak Negeri Sabah 1953 dan Ordinan Mahkamah Anak Negeri Sarawak 1955.

Rang Undang-undang ini juga akan memberi pengesahan kepada semua hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Anak Negeri sebelum mula berkuatkuasa Rang Undang-undang ini. Oleh yang demikian, semua kuasa yang kini dinikmati di bawah ordinan-ordinan berkenaan adalah tetap dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Labuan, Tuaran dan Selangau bertanya sama ada denda \$200 itu setimpal dengan hukuman pemenjaraan selama maksimum 2 tahun itu. Sebenarnya, denda sebanyak \$200 yang diperuntukkan itu nampaknya sahaja terlalu rendah. Tetapi hukuman tertentu boleh pula ditingkatkan hukuman pemenjaraan hingga maksimum 2 tahun. Selain daripada itu, Mahkamah Anak Negeri boleh juga mengenakan ganti-rugi atau compensation, dengan izin, di bawah Seksyen 12, Ordinan Mahkamah Anak Negeri Sarawak, (Cap. 43) dan di bawah Seksyen 14, Ordinan Mahkamah Anak Negeri Sabah, (Cap. 86) kepada pihak yang teraniaya. Di bawah "Native Customary Law Ordinance Sarawak, (Cap. 41) dan "Native Court Ordinance (Cap. 48) Sabah, pula, beberapa peruntukan lain membolehkan Mahkamah Anak Negeri mengenakan beberapa bentuk pampasan seperti 'Genselan,' di Sarawak dan Soget, di Sabah kepada pihak yang teraniaya.

Akhirnya, aspek yang lebih penting daripada denda atau hukuman yang boleh dikenakan dengan hakikat bahawa kes itu sendiri dianggap akan membawa malu dan menimpa pihak yang tertuduh, dan aspek ini dianggap sebagai lebih menjadi "deterrent", dengan izin, daripada sesuatu denda atau hukuman. Dengan yang demikian, maka hakikatnya hukuman denda sebanyak \$200 adalah memadai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Labuan juga mahu tahu sama ada Ketua Anak Negeri yang dilantik sebagai penghakim di Mahkamah Anak Negeri perlu diberi latihan terlebih dahulu memandangkan bahawa kebanyakan daripada mereka tidak berpelajaran tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Anak Negeri yang dilantik

sebagai penghakim adalah biasanya penghulu sesuatu kaum itu dan adalah yang paling arif dalam hal-hal berhubung dengan adat-istiadat dan adat sesuatu kaum itu. Oleh yang demikian, merekalah yang paling sesuai untuk menjalankan tugas ini dengan bijak dan saksam. Soal sama ada mereka tidak berpelajaran tinggi tidak timbul. Bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat dari Labuan akan diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk menjawab soalan-soalan lain yang telah dibangkitkan kerana soalan berkenaan adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan dan Pihak berkuasa Negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1990 DAN 1991)

Bacaan Kali Yang Kedua

4.49 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1990 dan 1991 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu" dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$2,746,529,100 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1990 dan 1991 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua kepada Rang Undang-undang ini.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga, 1990

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga, 1990 adalah berjumlah \$3,010,721,645. Dari jumlah ini, sebanyak \$2,541,470,000 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini manakala baki daripada jumlah tersebut, sebanyak \$469,251,645 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (1) Tambahan sebanyak \$2,079 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30 - Peruntukan

- kepada Kumpulanwang Terkanun untuk dipindahkan kepada Kumpulanwang Pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan.
- (2) Tambahan sebanyak \$135.1 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.7 – Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam dan sosial serta keagamaan.
- (3) Tambahan sebanyak \$81.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.26 – Kementerian Pendidikan untuk menampung perbelanjaan pelaksanaan dua skim Perkhidmatan Pendidikan dan kenaikan Elaun Khidmat Awam.
- (4) Tambahan sebanyak \$63.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.19 – Kementerian Pertanian bagi membiayai subsidi harga padi dan kenaikan Elaun Khidmat Awam.
- (5) Tambahan sebanyak \$60.0 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.29 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk membiayai subsidi barangan petroleum.
- (6) Tambahan sebanyak \$28.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.27 -- Kementerian Luar Negeri untuk sumbangan Kerajaan kepada Pertubuhan African National Congress dan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi bayaran pelarasan gaji ekoran daripada penyusunan semula struktur Perkhidmatan Pentadbiran, kenaikan kadar sewaan ruang pejabat Kedutaan Malaysia di luar negeri, rumah-rumah kediaman pegawai dan kakitangan, perbelanjaan membawa pulang rakyat Malaysia dari Kuwait berikutan tercetusnya Perang Teluk dan perbelanjaan bagi Pemerhati Komanwel pada masa Pilihanraya Umum yang lalu.
- (7) Tambahan sebanyak \$20.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.4 – Suruhanjaya Pilihanraya untuk membiayai perbelanjaan Pilihanraya Umum pada bulan Oktober 1990.
- (8) Tambahan sebanyak \$20.0 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.34 – Kementerian Kesihatan untuk membiayai kenaikan Elaun Khidmat Awam dan emolumen.
- (9) Tambahan sebanyak \$18.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.54 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membiayai kenaikan Elaun Khidmat Awam dan bagi membiayai pelaksanaan Program Pembangunan Koperasi Tahun 1990.
- (10) Tambahan sebanyak \$13.1 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.40 – Jabatan Penjara untuk menampung bayaran emolumen dan kenaikan Elaun Khidmat Awam.
- (11) Tambahan sebanyak \$8.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.28 – Perbendaharaan untuk membiayai program pengkomputeran Jabatan Akauntan Negara bagi Jabatan Mengakaun Sendiri Fasa 1 dan Fasa 2 dan perbelanjaan berkaitan dengan perpindahan Jabatan Akauntan Negara Cawangan Wilayah Persekutuan ke Menara Maybank.
- (12) Tambahan sebanyak \$4.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.13 – Kementerian Kehakiman untuk menampung

bayaran kenaikan Elaun Khidmat Awam, bayaran emolumen bagi pengisian jawatan baru, perbelanjaan pertukaran pegawai-pegawai dan pembelian buku, mesin resit serta kenderaan.

- (13) Tambahan sebanyak \$3.9 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.52 – Kementerian Kerja Raya untuk membiayai perbelanjaan sewa ruang pejabat dan kerja-kerja pengubahsuaian ruang pejabat baru dan pembelian perabot.

Peruntukan tambahan yang lain-lain sebanyak \$4,540,400 adalah untuk membiayai berbagai perkhidmatan di bawah Maksud-maksud B.2 - Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, B.5 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, B.10 - Jabatan Peguam Negara, B.43 - Jabatan Pertahanan Awam, B.47 - Kementerian Pengangkutan dan B.51 - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga, 1990 ini boleh didapati dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 1991 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3A Tahun 1991.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1991 adalah berjumlah \$205,239,100. Dari jumlah ini sebanyak \$205,059,100 diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini manakala baki daripada jumlah tersebut sebanyak \$180,000 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (1) Sebanyak \$100.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30 – Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun. Dari jumlah ini sebanyak \$100.0 juta adalah untuk dicarumkan kepada Kumpulanwang Amanah “Industrial Adjustment Fund” untuk tujuan penyusunan semula industri dan sebanyak \$0.5 juta adalah untuk dicarumkan kepada Kumpulanwang Amanah Kebajikan Kakitangan Jabatan Perkhidmatan Bomba.
- (2) Sebanyak \$45.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.19 – Kementerian Pertanian untuk membayar balik wang pendahuluan Lembaga Padi dan Beras Negara yang telah dibelanjakan bagi membayar subsidi harga padi untuk tahun 1989 dan 1990.
- (3) Sebanyak \$24.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.54 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membiayai Skim Diskaun Harga Getah bagi tahun 1991.
- (4) Sebanyak \$12.0 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.52 – Kementerian Kerja Raya. Dari jumlah ini sebanyak \$8.0 juta adalah untuk menampung perbelanjaan mengatasi masalah kekurangan air di negeri Melaka dan sebanyak \$4.0 juta untuk pembelian kereta-kereta rasmi bagi Anggota Pentadbiran dalam tahun 1991.
- (5) Sebanyak \$10.0 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.36 – Polis DiRaja Malaysia untuk membiayai pembelian alat-alat ganti bagi bot-bot ronda.

- (6) Sebanyak \$5.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.7 – Jabatan Perdana Menteri untuk menampung perbelanjaan mengurus Jabatan Pembangunan Persekutuan di Kelantan dan juga di Sabah.

Peruntukan tambahan yang lain-lainnya yang berjumlah \$6,373,500 adalah untuk membiayai berbagai perkhidmatan di bawah Maksud-Maksud B.20 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, B.21 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan B.56 – Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1991 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1991 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4A Tahun 1991.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1990 dan Tambahan Pertama, 1991.

Peruntukan yang dicadangkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1990 adalah berjumlah \$191,369,110. Dari jumlah tersebut sebanyak \$191,369,080 adalah Perbelanjaan Cara Langsung dan sebanyak \$30 peruntukan tanda bagi Perbelanjaan Pinjaman.

Tambahan peruntukan adalah diperlukan bagi membiayai projek-projek berikut:

- (1) Tambahan sebanyak \$99.6 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.26 – Kementerian Pendidikan untuk membiayai

pelaksanaan projek bagi Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Utara Malaysia.

- (2) Tambahan sebanyak \$65.0 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.28 – Perbendaharaan untuk membiayai ekuti Kerajaan dalam Bank Industri Malaysia Berhad dan Composites Technology Research Malaysia (Sendirian) Berhad serta bagi melaksanakan projek-projek pembangunan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi.
- (3) Tambahan sebanyak \$26.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.34 – Kementerian Kesihatan untuk membiayai projek-projek bagi mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan luar bandar, pembinaan Pusat Kardiorthorax Hospital Besar Kuala Lumpur dan bayaran-bayaran kemajuan bagi pembinaan hospital di bawah konsep Hospital Nuklius.
- (4) Peruntukan tambahan yang lain-lain yang berjumlah \$120 adalah merupakan permohonan peruntukan tanda di bawah Maksud P.19 – Kementerian Pertanian, P.42 – Jabatan Percetakan Negara, P.47 – Kementerian Pengangkutan, P.52 – Kementerian Kerja Raya, P.53 – Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan P.54 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1990 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai

Kertas Perintah 5 Tahun 1991 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5A Tahun 1991.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang dicadangkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1991 adalah berjumlah \$3,681,731,440. Dari jumlah tersebut sebanyak \$3,343,680,420 adalah perbelanjaan Cara Langsung dan sebanyak \$338,051,020 adalah Perbelanjaan Pinjaman.

Ingin saya maklumkan bahawa peruntukan tambahan ini adalah untuk membiayai projek-projek sambungan Rancangan Malaysia Kelima dan juga bagi projek-projek baru di bawah Rancangan Malaysia Keenam yang pelaksanaannya dimulakan pada tahun ini juga. Dari jumlah \$3,681,731,440, sebanyak \$2,314,218,310 adalah diperlukan untuk meneruskan projek-projek sambungan dan sebanyak \$1,367,513,130 adalah diperlukan untuk membiayai projek-projek baru di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Tambahan peruntukan adalah diperlukan untuk membiayai projek-projek berikut:

- (1) Tambahan sebanyak \$738.9 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.25 – Kementerian Pertahanan untuk membiayai projek-projek pembinaan dan pembelian alat-alat kelengkapan bagi Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara.
- (2) Tambahan sebanyak \$672.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.26 – Kementerian Pendidikan untuk membiayai projek-projek Pendidikan Rendah, Pendidikan Menengah, Pendidikan Teknik dan Vokasional dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi.
- (3) Tambahan sebanyak \$612.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.54 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membiayai projek-projek Kemajuan Masyarakat, Taman Bimbingan Kanak-kanak, bekalan air dan elektrik luar bandar dan pembinaan jalan-jalan luar bandar. Tambahan ini juga adalah diperlukan untuk membiayai projek-projek di bawah Badan-badan Berkanun Kementerian ini.
- (4) Tambahan sebanyak \$428.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.28 – Perbendaharaan untuk membiayai ekuiti Kerajaan dalam PERWAJA Terengganu Sendirian Berhad, Composites Technology Research Malaysia (Sendirian) Berhad dan Projek ASEAN Potash Mining (Thailand).
- (5) Tambahan sebanyak \$271.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.52 – Kementerian Kerja Raya untuk membiayai projek-projek jalanraya dan jambatan, bekalan air negeri-negeri, pembinaan bangunan-bangunan dan Perumahan Kerajaan serta pembelian jentera-jentera kerja raya.
- (6) Tambahan sebanyak \$199.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.19 – Kementerian Pertanian untuk membiayai projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian. Tambahan ini juga adalah untuk membiayai projek-projek di bawah Badan-badan Berkanun Kementerian ini.
- (7) Tambahan sebanyak \$196.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.33 – Kementerian Perusahaan Awam untuk membiayai pinjaman kepada

Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri, Bank Pembangunan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Bandar.

- (8) Tambahan sebanyak \$100.2 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.36 – Polis DiRaja Malaysia untuk membiyai projek-projek perumahan, kerja-kerja ubahsuai dan pembaikan, pembinaan Balai dan Pondok Polis dan pembelian kenderaan, lanci-lanci, senjatapi dan peluru serta peralatan.
- (9) Tambahan sebanyak \$91.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.34 – Kementerian Kesihatan untuk membiyai bayaran kemajuan bagi pembinaan hospital-hospital di bawah konsep Hospital Nuklius, menampung kenaikan kos pembinaan projek-projek kemudahan kesihatan dan pembelian kenderaan.
- (10) Tambahan sebanyak \$80.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.47 – Kementerian Pengangkutan untuk membiyai projek Perkhidmatan Feri antara Johor dan Singapura, pembinaan rumah panjang bagi penempatan semula setinggal yang terlibat dengan kerja-kerja pembinaan landasan keretapi berkembar, pembinaan infrastruktur terminal kontena dalaman Ipoh dan untuk memulakan kerja-kerja pembinaan dua buah pontoon untuk membesarkan Jeti Kuah di Langkawi.
- (11) Tambahan sebanyak \$61.0 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.48 – Jabatan Penerbangan Awam bagi pembelian peralatan dan pengubahsuaian Lapangan-lapangan Terbang Subang, Pulau Pinang, Ipoh, Kuantan, Alor Setar, Langkawi dan Padang Terbang Pulau Tioman untuk meningkatkan kemudahan serta keupayaan Lapangan-lapangan Terbang tersebut.
- (12) Tambahan sebanyak \$38.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.18 – Kementerian Perusahaan Utama untuk membiyai projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kementerian Perusahaan Utama. Tambahan ini juga adalah diperlukan untuk membiyai projek-projek di bawah Badan-badan Berkanun Kementerian ini.
- (13) Tambahan sebanyak \$25.1 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.51 – Kementerian Luar Negeri untuk membiyai pembelian dan pembaikan bangunan-bangunan di seberang laut dan pembelian alat kelengkapan komunikasi.
- (14) Tambahan sebanyak \$24.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.14 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membiyai projek-projek kecil dan pembelian alat-alat kelengkapan bagi Pihak Berkuasa Tempatan. Peruntukan tambahan ini adalah juga diperlukan untuk melaksanakan projek infrastruktur serta kemudahan sosial bagi kampung-kampung yang mundur.
- (15) Tambahan sebanyak \$23.8 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud P.7 – Jabatan Perdana Menteri untuk membiyai pengambilan balik tanah, bayaran juru-perunding dan pembinaan bangunan bagi projek Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang. Tambahan ini juga diperlukan bagi kerja-kerja ukur untuk pembinaan 4 buah kes bina

semangat serta pembelian bahan-bahan pameran untuk Muzium Islam.

- (16) Peruntukan tambahan yang lain-lainnya yang berjumlah sebanyak \$116,838,940 untuk membiayai berbagai projek pembangunan di bawah Maksud P.8 – Jabatan Perkhidmatan Awam, P.16 – Jabatan Perkhidmatan Bomba, P.20 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, P.21 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, P.22 – Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, P.23 – Jabatan Arkib Negara, P.24 – Muzium Negara, P.27 – Jabatan Perpustakaan Negara, P.31 – Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja, P.35 – Kementerian Dalam Negeri, P.39 – Jabatan Pendaftaran Negara, P.40 – Jabatan Penjara, P.44 – Kementerian Penerangan, P.46 – Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, P. 49 – Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, P.53 – Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan P.55 – Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1991 adalah seperti yang dinyatakan dalam penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1991 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6A Tahun 1991.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1990 dan Tambahan Pertama 1991 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3) 1990 DAN ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1) 1991

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Peraturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$3,873,100,550 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan:

- (1) bagi tahun kewangan 1990, untuk menampung sejumlah \$191,369,110 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1991 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1991, untuk menampung sejumlah \$3,681,731,440 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang-ruang

pertama Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1991 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1991 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut,

diserahkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1990 dan 1991 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang diedarkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis sekarang.

Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

5.28 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan iaitu tambahan perbelanjaan mengurus yang ketiga bagi tahun 1990 serta tambahan pertama bagi tahun 1991 dan tambahan perbelanjaan pembangunan yang ketiga bagi tahun 1990 serta tambahan pertama bagi tahun 1991.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$2,541,470 diminta dikeluarkan sebagai perbelanjaan mengurus tambahan bagi tahun 1990 dan bagi tahun 1991, \$205,059,100. Bagi perbelanjaan pembangunan pula, tambahan ketiga bagi perbelanjaan tahun 1990 meminta wang sejumlah \$191,369,110 manakala bagi tahun 1991 \$3,681,731,440.

Tuan Yang di-Pertua, kami berkali-kali menegaskan bahawa tambahan perbelanjaan mengurus mahupun perbelanjaan pembangunan mendedahkan beberapa perkara:

- (a) Perbelanjaan melebihi Belanjawan Tahunan.
- (b) Helah Kerajaan hendak menipu rakyat seakan-akan membentang Belanjawan yang menunjukkan trend pengurangan perbelanjaan mengurus akan tetapi dalam bulan-bulan kemudiannya menunjukkan belang menerusi berkali-kali tambahan perbekalan diminta untuk menampung kekurangan peruntukan.
- (c) Kekurangan kecekapan Kerajaan menggunakan wang rakyat kerana kos projek kebanyakannya melambung tinggi melebihi anggaran asal tanpa disedari rakyat akibat tambahan peruntukan diminta bercebis-cebisan atau pendek kata Kerajaan tidak ada pertanggungjawapan kewangan yang cukup.
- (d) Seseengah perbelanjaan ini tidak lain dan tidak bukan penggelapan wang rakyat kerana penjelasan-penjelasan terperinci langsung tidak diberi. Tindakan enggan memberi penjelasan terperinci ini lebih-lebih lagi perihal soal-soal kewangan dengan terus terang membawa implikasi bahawa ada sesuatu yang sedang disembunyikan dan

syak wasangka kami diperkukuhkan setiap kali Kerajaan enggan menjawab dengan tepat pertanyaan-pertanyaan kami.

- (e) Susulan daripada (d), keengganan Kerajaan menyediakan maklumat khususnya statistik kepada rakyat; dan
- (f) sesetengah program atau Kementerian pernah menerima tambahan perbekalan bagi tahun kewangan yang sama sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya bangkitkan di sini, ada sesetengah Kertas Perintah tidak disampaikan di sini dengan lebih awal dan saya sendiri terpaksa pergi ke Pejabat Sekretariat dua kali sekurang-kurangnya untuk mendapatkan Memorandum. Ini menunjukkan Kementerianya tidak begitu mengambil perhatian mengenai maklumat-maklumat yang mesti diberi kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat untuk meneliti apakah perbelanjaan yang digunakan oleh pihak Kerajaan.

Malah, Tuan Yang di-Pertua, kelalaian tanggungjawab kewangan Kerajaan bagi tambahan perbekalan kali ini merosot lagi kerana nilai tambahan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1990 disebut sebagai \$191,369,110 dalam Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan. Akan tetapi, menurut Kertas Statut 71 tahun 1991 iaitu penyata keluaran wang daripada simpanan luar jangka bagi tempoh September 1990 hingga Disember 1990 di bawah seksyen 6(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan jelas menunjukkan sebanyak \$192,369,110 telah dikeluarkan. Maka menurut Kertas Statut 71 Tahun 1991, jumlah wang yang sudahpun dikeluarkan adalah \$1 juta lebih daripada jumlah yang Yang Berhormat Menteri Kewangan meminta Dewan meluluskan. Di manakah hilangnya \$1 juta dalam usul Yang Berhormat Menteri Kewangan?

Tuan Yang di-Pertua, satu sikap yang tidak betul, satu sikap yang tidak waras, satu sikap yang kurang cekap, menunjukkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh membentangkan usul ini di sini dan kemudian di dalam Kertas Statut yang kita dapati tidak serupa dengan angka yang diberinya. Jadi, satu sikap seperti ini tidak semestinya wujud kerana hendak mengabui mata rakyat. Pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan menganggap semua ahli di dalam Dewan ini tidur sahaja. Mungkin dia anggap \$1 juta itu wang itu sedikit sahaja. Pada angka itu nampaknya sedikit, lebih kurang \$1 juta, tetapi \$1 juta bukan begitu kecil amaunnya. Jadi, lain kali kita bentangkannya dengan tepat. Dia anggap kita tak bacalah, sebab itu dia beri Kertas Perintah pun tidak begitu lengkap supaya kita tidak dapat membanding satu sama lain. Jadi, saya hendak bidas sekali lagi sikap seperti inilah tidak akan wujudnya Wawasan 2020. Pada tapak yang pertama pun menunjukkan sikap yang begitu salah. (*Disampuk*) Macam mana kata tidak ada modal, itu Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pun kurang cekap sekarang. Dengan ciri-ciri sebegini termasuk Gerik....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Dengan ciri sebegini pada pentadbiran Kerajaan sendiri manalah negara berdaya mencapai cabaran mewujudkan satu masyarakat yang bermoral dan beretika menjelang tahun 2020. Jadi, tinggallah satu rhetoric sahaja yang digemari oleh Gerik dan sekarang Batu Pahat.....

Tuan Yang di-Pertua: Teruskanlah. Ada point lain lagi?

Dr Tan Seng Giaw: Ada banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua.

masa 1982 hingga 1985 iaitu daripada 93.09% kepada 84.28% dan kemudiannya naik sebanyak 19.65% kepada 65.93% dalam tahun 1986, 95.8% dalam tahun 1987 dan 96.17% dalam tahun 1988.

Yang merunsingkan ialah sungguh-pun pada tahun-tahun 1987 dan 1988, penswastaan yang dilaung-laungkan akan menjimat perbelanjaan Kerajaan termasuk perbelanjaan ke atas kakitangan, iaitu perbelanjaan mengurus sedang giat dijalankan. Perbelanjaan mengurus Kerajaan tetap bertambah, baik di segi nilai wang mahu pun di segi peratusan perbelanjaan sebenar, menjelang akhir November 1988 sekurang-kurangnya satu dozen projek Kerajaan telah diswastakan termasuk MAS, MISC dan Syarikat Telekom Malaysia. Maka kami mencurigai benar keberkesanan dasar penswastaan berjaya mengurangkan perbelanjaan Kerajaan khususnya dalam perbelanjaan mengurus.

Oleh itu kami menyeru Kerajaan supaya mengumumkan dengan secepat mungkin angka-angka Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan yang sebenarnya dilakukan untuk tahun-tahun 1989 dan 1990. Kami juga hendak Kerajaan menerangkan sebab musabab mengapa ia masih gagal untuk mengurangkan Perbelanjaan Mengurus walaupun dengan penswastaan. Apakah gunanya semasa membentangkan Rancangan Malaysia Keenam dan sebagainya dan pada masa menjawab soalan di dalam Dewan yang mulia ini, pihak Kerajaan mengatakan telah menjimatkan, tak silap saya \$3.6 bilion dengan penswastannya, tetapi angka-angka yang didapati dan bukti-bukti yang didapati sekarang menunjukkan tidak sedemikian, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, apakah telah berlaku, ataupun pihak Kementerian hendak mengabui mata Ahli-ahli Yang Berhormat di sini?

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat kami, Kerajaan pun terlebih dahulu mesti menunjukkan teladan kepada sektor swasta apabila baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memberi taklimat kepada anggota-anggota Parlimen mengenai Rancangan Malaysia Keenam pada 11 Julai 1991 ini yang menasihati orang ramai termasuk sektor swasta supaya membantu mengawal kadar inflasi negara dengan tidak berbelanja di luar kemampuan masing-masing. Adakah Kerajaan sendiri berbelanja mengikut "Ukur baju di badan sendiri"? Yang amat tidak bertanggungjawab di pihak Kerajaan untuk mengatakan kenaikan kadar inflasi sebanyak 3.9% dalam tempoh masa 5 bulan pertama tahun ini semata-mata berupa psikologi dan bukan masalah kadar inflasi yang tinggi.

Kami merasa Kerajaanlah yang mengalami sakit psikologi inflasi, bukan rakyat jelata. Dakwaan kami ini disokong oleh fakta-fakta berikut:

- (a) Indeks Harga pengguna merakamkan kenaikan yang lebih ketara di bawah kumpulan-kumpulan minuman (beverage) dan tembakau 9.2%, pakaian dan alas kaki 4.6%, rawatan dan perbelanjaan perubatan 5%, pengangkutan dan komunikasi 4.9%. Di samping itu, indeks bagi kumpulan-kumpulan kecil, makanan seperti ikan, buah-buahan dan sayur-sayuran masing-masing merekodkan kenaikan sebanyak 9.7% dan 6%. Kebanyakan kumpulan-kumpulan itu berupa sama ada keperluan asas seperti makanan, pakaian dan alas kaki, pengangkutan serta komunikasi atau bergantung kepada keadaan kesihatan masyarakat yang lazimnya tidak merupakan komoditi yang sangat-sangat dipengaruhi oleh psikologi

melainkan tanggapan Kerajaan ialah rakyat semua mengidap penyakit jiwa.

- (b) Kebekalangan 3 bulan ini, Kesatuan Penjual Sayur-sayuran telah mencadangkan kepada Kerajaan supaya membenarkan pengimportan sayur-sayuran dari negara-negara jiran untuk mengatasi kekurangan bekalan komoditi berkenaan akibat banjir dan gelunsur tanah di Dataran Cameron. Selain itu semakin banyak tanah pertanian sedang ditukar syarat menjadi tanah perindustrian dan Kerajaan-kerajaan Negeri seperti di Selangor, Pulau Pinang, Perak, Johor dan Kedah.

Perihal ikan pula, Negeri Terengganu yang berupa pengeluaran ikan utama terpaksa membayar harga pasaran yang lebih tinggi untuk ikan kerana tangkapan mereka dibolot oleh orang tengah untuk dijual ke Kuala Lumpur dan Singapura. Ini juga masalah kekurangan bekalan dan bukan soal psikologi.

- (c) Dalam Laporan Bank Negara yang terbaru semasa peletusan krisis Teluk menjadi perang, tekanan harga masih terkawal dan sederhana. Faktor ketara sekali ialah Kerajaan telah menanggung sebahagian daripada kenaikan dalam harga petrol dan barangan petroleum menerusi pengurangan duti import, eksport dan subsidi. Jelas sekali ini menunjukkan kenaikan sebenar dalam tingkat harga akibat pengejut bekalan minyak susulan Perang Teluk dan bukan kerana psikologi rakyat yang berkeliaran walaupun setelah teretusnya Perang Teluk.

- (d) Malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam ucapan membentangkan Rancangan Malaysia Keenam pernah mengatakan bahawa negara bersyukur kerana rakyat tidak mudah terpengaruh oleh psikologi inflasi.

- (e) Indeks Harga pengguna terbukti kurang peka kepada perubahan dalam tingkat harga dan perkhidmatan semenjak akhir tahun 1990. Para pakar ekonomi tempatan telah menyeru Kerajaan supaya mengkaji semula indeks berkenaan, dan mengikut nota penjelasan perbekalan tambahan yang kedua bagi tahun 1990 di bawah Jabatan Perangkaan, wang tambahan diperlukan untuk membiayai kerja persediaan banci 1991 dan banci percubaan. Banci-banci inilah yang akan memperoleh maklumat mengenai perubahan dalam citarasa serta perbelanjaan rumahtangga supaya indeks baru lebih peka dan membayangkan perubahan sebenar boleh dirumus. Maka indeks itu sendiri tidak boleh dipercayai, kadar inflasi mungkin lebih tinggi lagi dan ini bukan psikologi kita tetapi logik. Ini bermakna setakat ini pihak Kerajaan tidak memberi angka yang benar-benar membayangkan keadaan sebenar. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan hendak menafikan hal ini, saya berharap beliau dapat menjelaskan dengan secukupnya untuk membuktikan keadaan inflasi yang sebenar, bukan sepertimana yang disebutkan di dalam Dewan ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Rancangan Malaysia Keenam.

Akhir sekali,

(f) Menurut analisa Bank Buruh pada bulan Jun lalu, kesan nilai ringgit yang lebih lemah ke atas indeks harga pengguna mula kelihatan. Salah satu faktor bagi kenaikan indeks ialah inflasi yang diimport akibat nilai ringgit yang lemah di pasaran wang. Maka bolehkah Yang Berhormat memberitahu kami peranan psikologi dalam kenaikan inflasi setinggi 3.9% pada 5 bulan pertama tahun ini? Ini satu perkara yang penting yang pada pendapat saya pihak Kerajaan berusaha untuk mengabui mata pihak kami sahaja. Jadi, jelaslah rakyat bukan semuanya bodoh, lebih baiklah pihak Kerajaan mengeluarkan kenyataan yang benar-benar membayangkan keadaan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, membincang mengenai tambahan perbekalan bagi tahun 1991, kami mengimbas kembali kepada pertengahan bulan Disember 1990 lalu iaitu ketika Belanjawan 1991 masih belum dibentangkan. Pada masa itu Dewan diberitahu bahawa Rang Undang-undang Kumpulanwang Yang Disatukan perbelanjaan masuk akaun untuk menyediakan wang sejumlah \$6,003,436,020 bagi Perbelanjaan Mengurus bagi tempoh dari 1hb Januari 1991 sehingga Belanjawan mula berkuatkuasa, tidak perlu dibahaskan, maka diluluskan sebegitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, menurut penelitian kami ke atas dengan izin, provisional Budget tersebut atas andaian perbelanjaan yang perlu disediakan ialah untuk tempoh masa 2 hingga 3 bulan. Belanjawan kecil berkenaan tersediakala terlebih diperuntukkan. Misalannya, bagi Kementerian Pendidikan berasaskan purata Perbelanjaan Mengurus sebulan Kementerian mengikut jumlah besar perbelanjaan tahun 1990, iaitu termasuk

dua perbekalan tambahan pertama tahun berkenaan, peruntukan dalam provisional Budget, dengan izin, terlebih diperuntukkan di antara \$659,753,225 dan \$156,671,149.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu puashatilah dengan sikap, perbuatan dan langkah yang diambil oleh pihak Kementerian, terutamanya Kementerian Kewangan yang menganggap pihak kami semua ini bodoh semua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia kata 'kami'. Yang Berhormat kata tadi kami kesemua yang bodoh, dia hendak jawab memang bodoh. Yang Berhormatlah yang mula kata itu. (*Ketawa*) Sila teruskan. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Baik Menteri Kewangan sendirinya datang ke sini, kerana ianya dengan provisional budget ini terlebih diperuntukkan dengan begitu banyak.

Begitu juga dengan Kementerian Kesihatan yang menurut provisional budget ini akan terlebih diperuntukkan di antara \$161,607,350 dan \$268,460,566. Ini hanyalah bagi dua daripada 57 program dalam provisional budget. Sesungguhnya buat sementara waktu kedua-dua Kementerian masih belum meminta tambahan perbekalan untuk perbelanjaan mengurus bagi tahun 1991. Mereka boleh digunakan sebagai gambaran mengenai tindak-tanduk kewangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan utama ialah memandangkan program-program telahpun diberi peruntukan berlebihan dalam provisional budget dan setelah belanjawan rasmi berkuatkuasa, namun tahun kewangan 1991 masih memperlihatkan tambahan perbekalan dibuat. Saya ulangi, saya berharap kalau Yang Berhormat dari Pendang-dialah yang tadi itu lantang sangat-tetapi saya berharap dia dapat memperhatikan

soalan ini, kerana dianya tidak dapat jawab dan cuma hendak kacau sahaja. Lebih baik dia diam sahaja, tunggulah sehingga Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dapat jawab.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan program-program telahpun diberi peruntukan berlebihan dalam provisional budget dan setelah Belanjawan rasmi berkuatkuasa, namun tahun kewangan 1991 masih memperlihatkan tambahan perbekalan dibuat. Ini amat mengecewakan, lebih-lebih lagi apabila pertambahan tinggi perbekalan Kerajaan adalah faktor yang ketara menyumbang kepada peningkatan tingkat harga. Perbelanjaan berlebihan Kerajaan mesti dibendung dengan seikhlas-ikhlasnya. Jadi, tidak payahlah pihak Kerajaan menganggap kita tidak baca langsung provisional budget itu dan dia boleh diluluskan dengan orang seperti Yang Berhormat dari Pendang macam itu, semua diluluskan. Tetapi maklumlah kita perhatikan apa yang dibuat di sini. Ini bukan wang Menteri Kewangan, ini wang rakyat, termasuk Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dr Tan Seng Giaw: Patut Tuan Yang di-Pertua beri lebih peluang lagi bagi pihak kami hendak menyoal dengan selebih-lebihnya.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih itu macam mana pula?

Dr Tan Seng Giaw: Tambah masalah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masa itu dalam Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat, bukanlah kuasa saya. Sila teruskan.

Seorang Ahli: (*Menyampuk*)

Dr Tan Seng Giaw: Dan siapa Tuan Yang di-Pertua, di situ ataupun di sini?

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Daripada Kedah pula. Tidak menghormati Yang di-Pertua. Patut orang Kedah menghormati orang Kedah juga.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, cukuplah sebanyak itu, jangan melebihi sangat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, begitu juga rakyat sekalian perlu diberi galakan untuk menyimpan wang. Menurut laporan Bank Negara bagi tahun 1990, tabungan negara kasar dijangka akan meningkat sebanyak 7.6% kepada 36.6 billion ringgit ataupun 30% daripada KNK. Bandingan nilai wang tabungan di antara tahun 1991 dengan 1990 memang menunjukkan pertambahan iaitu daripada 34.1 billion ringgit kepada 36.6 billion ringgit. Akan tetapi, sebagai peratusan daripada KNK, tabungan negara kasar sebenarnya dijangka menurun sebanyak 0.9% point iaitu daripada 30.9% dalam 1990 kepada 30%. Ini pula menyebabkan defisit yang lebih besar, iaitu kira-kira \$8 billion atau 6.5% daripada KNK bagi tahun 1991 berbanding dengan tahun 1990, \$4.7 billion atau 4.3% daripada KNK.

Memandangkan negara perlu meningkatkan lagi kadar tabungan Kesatuan Bank-bank Malaysia (ABM) telah mencadangkan pada Kerajaan dalam sesi dialog Belanjawan 1992 supaya membebaskan base lending rate, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ataupun BLR dan pada masa yang sama bunga ke atas deposit bank tidak kira tempoh masa simpanan harus dikecualikan daripada percukaian iaitu, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, withholding tax. Pada hemat kami pandangan Bank Negara mengesyorkan supaya menaikkan BLR di segi membandingkan kadar bunga yang dikenakan ke atas mereka yang meminjam dengan kadar bunga yang

diberi kepada mereka yang menyimpan wang dalam bank dan bukan pada tingkat kadar bunga bersih bernas sekali. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi apabila kita membandingkan kos meminjam dan kos menyimpan di kalangan bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar. Juga dari laporan Bank Negara bagi tahun 1990 perbezaan peratus point di antara kos meminjam dengan kos menyimpan bagi tahun 1989 dan 1990 masing-masing bagi:

<i>Institusi</i>	1989	1991
(a) Bank Dagangan	4.91%	4.49%
(b) Syarikat Kewangan	6.48%	4.95%
(c) Bank Saudagar	2.37%	2.64%

Jelas sekali, Tuan Yang di-Pertua, kos meminjam masih jauh lebih tinggi daripada kos menyimpan di segi perbezaan peratusan point. Sesungguhnya terdapat pembaikan dalam kedudukan di antara kos meminjam dan menyimpan khususnya bagi syarikat kewangan, kenyataannya ialah orang ramailah yang tertindas, lebih-lebih lagi apabila bank-bank perdagangan bercadang mengenakan yuran bagi perkhidmatan-perkhidmatannya kepada para pelanggan. Ini saya berharap Yang Berhormat akan dapat mengambil perhatian. Ianya amat tidak adil kerana yang bank sentiasa menaikkan kadar bunga untuk pinjaman, tetapi tidak begitu rela memberi bunga yang lebih tinggi kepada penyimpan pula. Dasar seperti ini tidak begitu baik. Maka kami berharap Kerajaan akan terus-menerus mengesyorkan institusi-institusi kewangan berusaha bersungguh-sungguh bagi mengurangkan perbezaan di antara kos meminjam dengan kos menyimpan demi keadilan rakyat dan keseimbangan pasaran wang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita bercakap berkenaan dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dibuat. Bukan hendak meminta Kerajaan hendak buat benda pada masa depan.

Beberapa Ahli: (Menyampuk)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Saya ingat ada satu Tuan Yang di-Pertua sahaja, di situ pun ada satu, di sini pun ada satu, macam mana begitu banyak, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan. Yang Berhormat, kita tidak ada masa, saya takut barangkali pada 26hb ini dengan banyaknya Rang Undang-undang kita tidak boleh menghabiskan jika sekiranya kita tidak menjimatkan masa.

Dr Tan Seng Giaw: Saya pun hendak menjimatkan masa jugalah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, jangan ambil peduli sangatlah. Jangan sensitif sangat. (*Ketawa*) Teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Ini bukan sensitif, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapalah, Yang Berhormat tidak sensitif, teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Seperkara lain yang kami ingin bincangkan ialah perbelanjaan Kerajaan di bawah Perbendaharaan dengan perbelanjaan kerana hutang negara. Kami memerhati bahawa setiap selang dua tahun peruntukan tambahan diminta di bawah B.11 bagi tujuan membiayai bayaran balik cukai. Peruntukan lebihan sebanyak \$261.49 juta diminta dalam Perbekalan Tambahan Kedua 1986 untuk membiayai bayaran balik cukai perseorangan dan syarikat dan di bawah Tambahan Perbekalan Pertama tahun 1988 \$331.66 juta diminta untuk pembayaran balik berdasarkan Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang Perbekalan Tambahan Ketiga bagi tahun 1990 sebanyak \$18 juta untuk membiayai bayaran balik cukai Kastam dan cukai jualan dan \$95 juta bagi bayaran balik dan bayaran ganti bagi cukai-cukai hasil dalam negeri. Adalah baik jika Kerajaan boleh menyertakan juga maklumat seperti bilangan bayaran balik yang perlu dibuat dengan jumlah wang berkenaan, penerangan lebih terperinci mengenai sebab musabab pembayaran balik dibuat dan bagi mereka yang menerima jumlah bayaran balik yang besar, identiti, nilai bayaran balik serta tujuan pembayaran balik dibuat. Begitu juga perbelanjaan di bawah B.12 perbelanjaan kerana hutang negara. Kami memerhati bahawa bermula dari tahun kewangan 1988, tambahan peruntukan diminta setiap tahun di bawah tajuk ini. Dalam Tambahan Perbekalan Tambahan Kedua tahun 1988 - \$213.201 juta diberi dan dalam Perbekalan Tambahan Kelima tahun 1989 - \$742.785 juta diminta. Nota penjelasan sebaik-baiknya harus memaparkan butir-butir mengenai setiap hutang yang terlibat dalam Perbekalan Tambahan yang dibuat. Butir-butir seperti:

- (a) Jumlah pinjaman asal.
- (b) Jumlah faedah dikenakan.
- (c) Tempoh pembayaran balik dan tarikh pembayaran balik bermula.
- (d) Jumlah pokok yang sudah dibayar balik.
- (e) Jumlah faedah yang sudah dibayar balik.
- (f) Kedudukan semasa hutang iaitu sebelum Perbekalan Tambahan diminta
- (g) Kedudukan baru hutang iaitu selepas Perbekalan Tambahan diberi.
- (h) Sebab-sebab bagi keperluan menerima tambahan peruntukan serta kesan daripada segi nilai

wang ataupun tempoh masa pembayaran balik hutang akibat faktor-faktor berkenaan, seharusnya dikemukakan supaya kami boleh memperolehi gambaran yang lebih jelas mengenai arah aliran tambahan peruntukan kedudukan semasa hutang negara dan bertindak sebagai check and balance, mengesyorkan pertanggungjawaban kewangan Kerajaan.

Jadi, setakat yang ada di sini tidak cukup untuk membayangkan keadaan sebenar dan saya dapat tahu daripada sini misalnya, Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.12 itu sebanyak lebih \$118 juta adalah untuk membiayai hutang negara akibat daripada kenaikan kadar pertukaran matawang asing. Jadi, ini satu amaun yang sangat besar, mengapa kenaikan kadar pertukaran matawang asing begitu banyak sehingga kita terpaksa membayar hutang negara yang lebih. Jadi, satu perenggan sahaja diadakan di sini, ini tidak cukup kerana ini bukan wang Menteri Kewangan sahaja, ini wang rakyat. Pihak DAP mesti berwaspada kepada apa yang berlaku, jangan kita anggap DAP itu tidak mengambil berat.

Seorang Ahli: DAP sedikit.

Dr Tan Seng Giaw: DAP sedikit. Kita pihak Pembangkang mewakili hampir 48% rakyat Malaysia – adakah itu sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Jadi, itu satu anggapan yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Sedikit dia kata. Lebih baik kalau hendak berbahas, dia mesti bangun dahulu, Tuan Yang di-Pertua, itu Peraturan Mesyuarat.

Manakala yang ada di dalam Kabinet ialah Menteri Kehakiman. Maka adalah wajar supaya Peguam Negara yang ada sekarang apabila tamat tempohnya untuk bersara ataupun dibuat dengan lebih cepat supaya kedudukan penyelarasan dari segi peranan Kementerian Kehakiman dan fungsi Peguam Negara ini dapat diselaraskan dalam bentuk yang lebih teratur dan lebih licin. Tuan Yang di-Pertua, itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua, saya ingin merujuk kepada Kertas Perintah Anggaran Pembangunan (Tambahan) 1991, Kertas Perintah (No. 6) mengenai dengan Maksud P.19, Kementerian Pertanian yang mendapat peruntukan tambahan bagi tahun 1991 sebanyak \$195,670,000. Oleh kerana saya ingin menjimatkan masa, saya hendak bawa sekaligus iaitu hendak menyarankan supaya Kementerian Pertanian mengkaji semula mengenai dengan Akta Perikanan dari segi penguatkuasaan atas pencerobohan nelayan-nelayan asing yang sekarang ini menjadi isu penting yang belum selesai di mana pencerobohan ini dilakukan oleh nelayan Siam tanpa henti-henti. Walaupun di bawah peruntukan Akta Perikanan ianya memberi hukuman yang berat, denda sampai \$1 juta, bot dimusnahkan dan sebagainya, tetapi kita tahu nelayan Siam ini sukar untuk ditandingi oleh mana-mana nelayan dalam dunia ini. Orang Siam memang dikenali dengan berani dan gigihnya dan dalam bentuk yang ada sekarang ini kita lihat bukan sahaja mereka menceroboh dalam kawasan perairan negara kita tetapi mereka boleh sampai hampir ke Antartika, di mana sahaja ada ikan di situ ada nelayan Siam.

Apabila kita mengambil tindakan seperti yang dibuat sekarang ini, ianya tidak mengurangkan pencerobohan ini. Maka, oleh itu saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya kita mengkaji semula dalam konteks yang lebih praktikal iaitu apa kata jika

mereka menceroboh perairan negara kita, mereka ditangkap, hasil tangkapan mereka itu 70% kita rampas, 30% kita beri kepadanya. Jadi, kita dapat ikan free, mereka tolong cari ikan untuk kita, daripada tindakan sekarang ini kita tangkap, didenda \$1 juta, kita tenggelamkan botnya. Hubungan kita dengan negara Siam makin sehari makin tegang.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, setahu saya ikanpun dirampas bukan 70% sahaja. Kesemua sekali dirampas dengan bot-botnya sekali.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak beri balik 30%, sekarang ini kita rampas semua sekali. Oleh itu saya cadangkan kalau hendak masuk, masuk. Tetapi kita rampas tangkapannya 70%, selepas itu bot itu kita beri balik. Dia masuk kita tangkap lagi. Ada faedahnya daripada yang kita buat sekarang, bot kita tenggelamkan. Dengan Siam kita bergaduh, jadi tak membawa ke mana-mana, tak memberi apa-apa faedah. Kalaulah sesudah kita mengambil tindakan, Siam tak masuk lagi tak apa, tetapi mereka masuk juga. Siapa yang hendak mengawal, hendak adakan patrol penguatkuasaan, berapa banyak pegawai yang menjaga perairan kita, berapa banyak belanja kos yang terpaksa kita tanggung. Jadi, cari jalan iaitu unjuran saya, ataupun rampas semua ikan 100%, selepas itu lepaskan balik. Dia datang balik esok, tangkap, rampas lagi. Kita dapat ikan free, selamat \$300 juta yang kita import setahun, daripada kita tenggelamkan bot mereka dan saya tengok bot ini bernilai. Sebuah bot laut dalam hampir beratus ribu ringgit, hendak buat sebuah bukan makin siksa. Sebab itu tidak ada sekarang ini nelayan kita, yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak lesen dikeluarkan, tak mampu pergi ke laut dalam. Pertama, tak ada pengalaman. Kedua, tidak ada modal.

Dan kalau adapun modal, hendak siapkan satu kulit bot laut dalam hampir memakan masa 6 bulan dan kita tidak ada kemudahan seperti itu. Maka sebab itulah saya ingin mengesyorkan supaya dikaji semula tindakan yang ada sekarang ini dengan mengambil kira supaya kita ada hubungan baik dengan negara Thailand dan daripada itu juga kita mendapat manfaat yang semaksima mungkin hasil daripada tindakan tersebut. Jadi, aman tindakan kita daripada cara yang dijalankan sekarang. Itu cadangan, pengesyoran saya....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cadangan itu untuk masa hadapan. Benda yang hendak dibicarakan sekarang ialah permohonan tambahan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Pertambahan ini masuk samalah hal itu.

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana hendak boleh masuk, peruntukan ini sudah dibelanjakan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Jadi, saya sudah bercakap, Tuan Yang di-Pertua tidak tegur, itu kira masuklah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta sambung esok.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16(3) mesyuarat ini di-tangguhkan sekarang.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dr Ting Chew Peh): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

MASALAH PENDUDUK KAMPUNG BARU

6.30 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan bahawa Kerajaan menubuhkan satu tabung pembangunan sebanyak \$1,500 juta untuk mengatasi masalah penduduk kampung-kampung yang dahulunya dikenali sebagai "Kampung Baru" yang menghadapi masalah berikut:

- (i) Kekurangan tanah;
- (ii) Kesukaran dan kelewatan memperbaharui geran tanah dan harga premium tanah tinggi yang dikenakan sungguhpun Barisan Nasional telah menjanjikan semasa pilihan-raya besar 1990 bahawa geran tanah mereka akan dilanjutkan dengan automatik dengan harga premium tanah yang rendah;
- (iii) Kekurangan peluang yang boleh menghasilkan pekerjaan; dan
- (iv) Kemiskinan dan kekurangan kemudahan asas.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Rancangan Malaysia Keenam (RM6) merupakan satu rangka pembangunan yang amat menghampakan malah dianggap sebagai satu pengkhianatan kepada aspirasi nasional penduduk kampung-kampung baru.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam yang mempunyai 514 muka, hanya satu ayat sahaja, yang secara tidak langsung merujuk kepada kampung-kampung baru. Lebih-lebih lagi ia merupakan satu ulangan setiap huruf dan perkataan atau word-for-word, dengan izin, apa

yang tercatat dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua. Ayat adalah berbunyi seperti berikut:

“Kampung-kampung, termasuk yang dahulunya dikenali sebagai kampung baru yang telah terjejas kerana kekurangan sumber tanah akan diberi peluang, jika didapati sesuai, untuk memperluaskan kawasan mereka bagi mengatasi masalah kesesakan dan meningkatkan peluang bagi menghasilkan pekerjaan”.

Akan tetapi, tidak diterangkan bagaimana tujuan tersebut akan dicapai, terutama sekali apabila tidak ada wang yang diperuntukkan untuk mencapai matlamat yang dirancangan. Selepas kritikan dari Pemuda DAP, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengumumkan bahawa pihak Kerajaan telah memperuntukkan \$20 juta ringgit di bawah.....

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bangun di atas apa?

Tuan Lim Guan Eng: Saya habis ucapan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Kuorum.

Tuan Yang di-Pertua: Kuorum?

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi saya sudah habis ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta kuorum.

Tuan Lim Guan Eng: Saya sudah habiskan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bolehlah, dia minta kuorum itu.

Seorang Ahli: Ucapan sudah habis.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi saya sudah habis ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah habis, tetapi kena kira kuorum jugalah. Berapa? 12 orang. Minta dibunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, 13 Ahli hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Kuorum tak cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga 2.30 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.